Laporan Tahunan Universiti Malaysia Terengganu 2017



Konsep Reka Bentuk

Keanggunan gaya renangannya yang beralun-alun diibaratkan seperti seekor burung yang sedang terbang. Ikan pari lut sinar ini dihasilkan melalui teknologi penyelidikan ikan lut sinar yang membantu proses pembelajaran seni visual dan sains kreatif serta penyelidikan bidang nic sumber kelautan UMT. Sirip pektoral yang besar dan lebar memberi lebih tujahan dan kuasa bagi mengharungi cabaran di lautan.

Semangat ikan pari dijelmakan menerusi usaha gigih UMT dalam meneroka ilmu kelautan dan sumber akuatik. Berteraskan Pelan Strategik UMT, kehebatan ikan pari (*Dipturus* spp.) menjadi simbol hala tuju UMT untuk menjadi universiti berfokus marin yang terunggul.

Laporan Tahunan
Universiti Malaysia Terengganu
2017

FAKTA DAN ANGKA

PUSAT PENGAJIAN / PENDIDIKAN

1 **PPSA** Pusat Pengajian Sains Asas

2 **PPIMG** Pusat Pengajian Infomatik dan Matematik Gunaan

3 **PPSMS** Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran

4 **PPSPA** Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur

5 **PPSTM** Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan

6 **PPPPM** Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim

7 **PPPSE** Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi

8 **PPKK** Pusat Pengajian Kejuruteraan dan Kelautan

9 **PPAL** Pusat Pendidikan Asas dan Liberal

INSTITUT

1 **INOS** Institut Oseanografi dan Sekitaran

2 **AKUATROP** Institut Akuakultur Tropika

3 **IMB** Institut Bioteknologi Marin

4 **IPK** Institut Penyelidikan Kenyir

STAF PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (AKADEMIK ANTARABANGSA) MENGIKUT NEGARA

Negara	Peratus (%)	Negara	Peratus (%)
Bangladesh	26	Nigeria	7
Filipina	7	Vietnam	7
India	7	JUMLAH	100.0
Indonesia	32		
Jepun	7		
Libya	7		

PENSYARAH BERKELULUSAN PhD

PhD
81.2%

BILANGAN STAF MENGIKUT TARAF JAWATAN

TARAF JAWATAN

Taraf Jawatan	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Tetap	1,448	84
Kontrak	184	10
Sementara	75	4
Sambilan	9	1
Pinjaman	5	1
JUMLAH	1,721	100

STAF PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (AKADEMIK)

Taraf Jawatan	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Tetap	492	78
Kontrak	55	9
Sementara	75	12
Pinjaman	5	1
JUMLAH	627	100

Catatan: Termasuk Skim Latihan Khas Tenaga Akademik (Sepenuh Masa) & Skim Latihan Khas Tenaga Aademik (Bersekutu)

STAF PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (BUKAN AKADEMIK)

Taraf Jawatan	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Tetap	223	86
Kontrak	37	14
JUMLAH	260	100

STAF PELAKSANA

Taraf Jawatan	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Tetap	733	88
Kontrak	92	11
Sambilan	9	1
JUMLAH	834	100

BILANGAN PROGRAM

38 PROGRAM — Doktor Falsafah; Sarjana Mod Penyelidikan

5 PROGRAM — Sarjana Mod Kerja Kursus

27 PROGRAM — Sarjana Muda

1 PROGRAM — Diploma

BILANGAN PELAJAR PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH



BILANGAN PELAJAR PASCASISWAZAH DAN PRASISWAZAH ANTARABANGSA MENGIKUT NEGARA



Terokaan Seluas Lautan Demi Kelestarian Sejagat

laporan tahunan2017.indd 2 11/06/2018 3:30 PM



laporan tahunan2017.indd 3 11/06/2018 3:30 PM

SOROTAN KEJAYAAN 2017





Majlis Amanat Naib Canselor 2017

Bertemakan "Meneroka Samudera Biru, Ke Arah Kelestarian Komuniti" pada 16 Februari 2017

Penarafan Cemerlang Dalam SETARA

UMT telah diberi penarafan Cemerlang dalam Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi (SETARA) 2017 yang melibatkan empat komponen iaitu institusi, pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan perkhidmatan.





Pelayaran Southern-South China Sea Oceanographic Cruise

Melalui kerjasama antara INOS dan First Institute of Oceanography (FIO), China, pelayaran di perairan Kelantan dan Terengganu telah dijalankan untuk memahami pengaruh arus dari Teluk Siam dan Indonesia terhadap ciri-ciri air di kawasan kajian.









Pelaksanaan Empat Projek Penyelidikan Translasional

UMT telah melaksanakan empat projek iaitu Projek Udang, Ketam Bakau, Kuda Laut dan Belangkas bagi menyahut hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang menobatkan tahun 2017 sebagai tahun Penyelidikan Translasional.





Pameran Antarabangsa "Rahsia Ikan Lut Sinar"

UMT dipilih sebagai hos Pameran Antarabangsa "Rahsia Ikan Lut Sinar" selepas Jepun dan Taiwan. Penganjuran ini adalah hasil kerjasama dengan National Museum of Marine Biology and Aquarium (NMMBA), Taiwan.

laporan tahunan2017.indd 4 11/06/2018 3:30 PM



Academia Industry Collaboration Award (AINA)

Program Sarjana Muda Perakaunan melalui Teaching Accountancy Firm (TAF) merangkul dua anugerah dalam Academia Industry Collaboration Award (AINA) anjuran KPT.



Kejayaan Azizatul Asma Abdullah dalam Sukan SEA Ke-29

Azizatul Asma Abdullah, pelajar jurusan Pengurusan Pelancongan mengharumkan nama negara dan UMT apabila memenangi pingat emas acara Endurance Berpasukan, SUKAN SEA ke-29. Beliau juga pernah dinobatkan sebagai juara dalam World Junior Rider. STEM



Anugerah Buku Negara 2017

UMT berjaya merangkul empat anugerah bagi kategori Buku Zoologi Terbaik, Buku Ilmiah Terbaik, Buku Terjemahan Terbaik dan Buku Bibliografi Terbaik dalam Anugerah Buku Negara 2017.

UNESCO-IODE Ocean Teacher Global Academy@ UMT-INOS

INOS diiktiraf sebagai Ocean Teacher Global Academy-Regional Training Center yang berfungsi sebagai pusat latihan IODE Ocean Teacher Global Academy (OTGA) bagi wilayah Asia Pasifik.



Memperolehi Geran dari First Institute of Oceanography (FIO) dan Horizon 2020 (H2020)

UMT merupakan universiti pertama di Malaysia yang memperolehi geran antarabangsa dari First Institute of Oceanography (FIO) dan Horizon 2020 (H2020).

laporan tahunan2017.indd 5 11/06/2018 3:30 PM

SOROTAN KEJAYAAN 2017





ICoE Kluster Maritim

UMT diiktiraf sebagai Lead University bagi ICoE Kluster Maritim oleh KPT dengan peruntukan dana berjumlah RM1 juta.





e-Pembelajaran UMT telah diiktiraf Sistem Pengurusan e-Pembelajaran Terbaik 2017

e-Pembelajaran UMT diiktiraf sebagai Sistem Pengurusan e-Pembelajaran Terbaik 2017 dalam Anugerah e-Pembelajaran Negara, di samping pelbagai anugerah lain dalam karnival dan pertandingan di peringkat kebangsaan.





Program Asasi STEM UMT

Program Asasi STEM diluluskan penawarannya oleh KPT dan akan dimulakan pada semester Jun Sesi 2018/2019 di bawah kendalian Pusat Asasi STEM





Kejohanan Kapal Layar di Peringkat Antarabangsa

UMT Sailing Team menyertai kejohanan kapal layar peringkat antarabangsa iaitu 15th Royal Langkawi International Reggata 2017 (RLIR) dan berjaya merangkul kemenangan dalam pertandingan Terengganu Monsoon Challenge Sailing GP 2017.





UMT Berjaya Hasilkan Tiga Harta Intelek

UMT berjaya hasilkan tiga harta intelek iaitu B.F. Nano Vasicle, Mobile App for Print Ads using Augmented Reality (AR) Technology dan Logo Rasmi UMT serta Madu Jabee.

laporan tahunan2017.indd 6 11/06/2018 3:30 PM



Kejayaan Dalam Anugerah Pemikiran Dan Reka Bentuk Semula (APRS) Pendidikan Tinggi Malaysia 2017

Pensyarah UMT, Dr. Shahreza Bin Md Sheriff dinobatkan sebagai johan bagi kategori Pengajaran Transformatif Tanpa Syarahan dalam Anugerah Pemikiran dan Reka Bentuk Semula (APRS) Pendidikan Tinggi Malaysia 2017 anjuran KPT.



Pelajar UMT Menerima Anugerah Nadi Negara

Nurul Farhana Binti Ismail menerima Anugerah Nadi Negara di atas kecemerlangan dalam bidang akademik, aktif dalam kokurikulum serta mempunyai ciri kepimpinan berkualiti semasa mengikuti pengajian di universiti.



Anugerah diraih oleh Badan Beruniform Askar Wataniah UMT

Pelajar UMT berjaya memenangi dua anugerah keseluruhan terbaik, dua anugerah kawad terbaik wanita, dua anugerah kawad terbaik lelaki, menembak terbaik wanita dan akademik terbaik dalam Kursus Asas Perajurit Muda dan Kursus KADAR.



Kejayaan Diraih dalam Majlis Anugerah Tokoh Siswa KPT 2017

Kecemerlangan pelajar UMT terbukti apabila memenangi empat anugerah utama iaitu Anugerah Kepimpinan (Fakulti/Kelab), Anugerah Kepimpinan Keusahawanan, Anugerah Sukarelawan (terbuka) dan Anugerah Khas Ketua Pengarah Kementerian Pengajian Tinggi.



MPP UMT Juara "Pitch for Progress"

Tiga wakil Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2016/2017 menjuarai pertandingan "Pitch for Progress" apabila menewaskan pesaing dari 37 pasukan institusi pendidikan tinggi Malaysia.

Arkeologi Bawah Air Pulau Bidong

Gabungan kepakaran UMT dan pelbagai agensi berjaya mengeluar dan merekodkan 50% (305 artifak) daripada jumlah artifak yang berada di permukaan dasar laut tapak kajian.



laporan tahunan2017.indd 7 11/06/2018 3:30 PM

KANDUNGAN

4 Sorotan Kejayaan 2017

10 Maklumat Korporat Universiti

31 Laporan Naib Canselor

41 Kejayaan dan Pencapaian

49 Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa

71 Penyelidikan dan Inovasi

101 Pembangunan Pelajar dan Alumni

131 Jaringan Industri dan Masyarakat

155 Kecemerlangan Bakat

177 Perkhidmatan dan Fasiliti

199 Pemantapan Citra

235 Laporan Kewangan

249 Penyata Kewangan

SEJARAH PENUBUHAN

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

1979 | Pusat Perikanan dan Sains Samudera
Universiti Putra Malaysia (UPM)

Universiti Putra Malaysia
Cawangan Terengganu (UPMT) | **1996**

26JUL 1999 | Kolej Universiti Terengganu (KUT)

Kolej Universiti Sains dan
Teknologi Malaysia (KUSTEM) | **20JUN 2001**

1FEB 2007 | Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

Diiktiraf sebagai universiti berautonomi | **4NOV 2014**

laporan tahunan2017.indd 10 11/06/2018 3:30 PM

FOKUS STRATEGIK

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

FALSAFAH

Ilmu dan amal yang berpadu berlandaskan keimanan kepada Allah adalah tonggak kepada usaha universiti menyediakan modal insan yang berwibawa untuk kesejahteraan sejagat.

SLOGAN

Terokaan Seluas Lautan
Demi Kelestarian Sejagat.



VISI

Universiti berfokus marin terunggul dalam negara dan disegani di peringkat global.

BIDANG TUJAHAN

Ilmu Kelautan dan
Sumber Akuatik.

MISI

Menjana ilmu untuk kesejahteraan masyarakat dan kelestarian alam.

laporan tahunan2017.indd 11 11/06/2018 3:30 PM

NILAI-NILAI TERAS
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



laporan tahunan2017.indd 12 11/06/2018 3:30 PM

PELAN STRATEGIK
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PEMERKASAAN BAKAT AKADEMIK

1. Menarik Bakat Akademik Cemerlang
2. Mengasah dan Menggilap Bakat Akademik Cemerlang
3. Memperkukuh dan Memperkasakan Bakat Akademik

KECEMERLANGAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

1. Meningkatkan Kemasukan Pelajar Berkualiti (Pelajar Pilihan Pertama)
2. Menawarkan Program Berfokus, Relevan, Berkualiti, Berkebolehpasaran Tinggi dan Berimpak Tinggi
3. Menawarkan Program Antarabangsa Peringkat Sarjana Muda dan Sarjana
4. Memperkukuhkan Governan Pengajaran dan Pembelajaran
5. Memperkukuhkan Sistem Pembelajaran Digital dan Luar Kampus

PENGUKUHAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

1. Memperkasa Penyelidikan Fundamental
2. Mengunggulkan Penyelidikan Berpasukan Berbentuk Multi dan Trans-Disiplin
3. Menyemarakkan Budaya Inovasi Dalam Kalangan Bakat Akademik

MEMACU PEMINDAHAN ILMU

1. Menyebarkan Ilmu untuk Masyarakat
2. Menyalurkan Ilmu untuk Industri Kecil dan Sederhana
3. Memperkasa Perniagaan Universiti

TERAS PEMANTAPAN CITRA

1. Melonjakkan Citra Tempatan
2. Menonjolkan Citra Kebangsaan
3. Memperkenalkan Citra Global

laporan tahunan2017.indd 13 11/06/2018 3:30 PM

CARTA ORGANISASI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



laporan tahunan2017.indd 14 11/06/2018 3:30 PM



laporan tahunan2017.indd 15 11/06/2018 3:30 PM



CANSELOR
Universiti Malaysia Terengganu

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SULTANAH NUR ZAHIRAH

D.K., D.M.N., S.S.M.Z., S.S.M.T., D.K. (Kedah),
Knight Grand Cross (First Class) of the Most Illustrious Order of Chula Chom Klao (Thailand)

Sultanah Terengganu



PRO-CANSELOR

Universiti Malaysia Terengganu

TAN SRI SAMSUDIN OSMAN

P.M.N., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S., S.J.M.K., S.I.M.P., S.P.M.P., S.P.D.K., D.P.M.S., D.H.M.S., P.G.D.K., D.P.M.J., J.S.M., P.M.P., D.G.S.M., A.M.N., S.M.W., S.U.M.W.

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

DATO' MOHAMMED AZLAN BIN HASHIM
D.S.P.N.
B.Econs. (Monash)

DATUK NIK ALI BIN MAT YUNUS
D.P.S.K., P.M.W., K.M.N., P.S.K.
DPA (INTAN), B.A. (Hons.) (UM),
MBA (Hull)

DR. MOHD ROZAILAN BIN MAMAT @ IBRAHIM
B.Eng (Hons) (Electrical) (UM),
MSc (Electronics), (Newcastle),
Ph.D (Power Electronics) (Wales)



PROFESOR DATO' DR. NOR AIENI BINTI HAJI MOKHTAR
D.P.M.T., J.S.M.
BSc (New York),
MSc (Wales),
Ph.D (UTM)

DATO' SR. ABDUL AZIZ BIN MOHAMAD
M.I.S.M., D.I.M.P., P.K.C.
BSc (H) (Quantity Surveying), UK

PROFESOR DATO' DR. AZIZ BIN DERAMAN
D.P.M.T., S.M.T.
BSc (Hons.) (UKM),
MSc (Glasgow),
Ph.D (UMIST)

laporan tahunan2017.indd 20 11/06/2018 3:30 PM

DATO' ASMAWI BIN NORDIN
D.I.M.P., P.M.C.
BSc (UPM),
MBA (UKM)

DATUK AHMAD NIZAM BIN SALLEH
P.M.W.
B.A.(Ohio), Advanced Management Program (AMP) (University of Pennsylvania)

DR. MOHAMED ALI BIN ABDUL RAHMAN
BSc Ed (USM),
M.Ed. (Joetsu),
Ph.D (Reading)



PUAN SAFIDA ZALMA BINTI MOHD PIAH
DPA (INTAN),
BSc (Hons) Zoologi (UM),
MSc (HRD) (UPM)

DATO' MUHAMMAD RAZIF BIN ABDUL RAHMAN
D.I.M.P
Bachelor of Engineering - Hons. (Electrical Engineering), University of Liverpool
Mulai 1 Oktober 2017

PROFESOR DR. NORA'AINI BINTI ALI
BEng (UTM),
Msc (UMIST),
Ph.D (UKM)

laporan tahunan2017.indd 21 11/06/2018 3:30 PM

SENARAI JAWATANKUASA LEMBAGA

BIL	JAWATANKUASA LEMBAGA
1	Jawatankuasa Governan dan Pemilih
2	Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko
3	Jawatankuasa Tetap Kewangan
4	Jawatankuasa Pelaburan dan Endowmen
5	Jawatankuasa Pemilih Utama
6	Jawatankuasa Tatatertib (Staf) - Kategori Pegawai: Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional Bidang Kuasa: Tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat - Kategori Pegawai: Kumpulan Sokongan Bidang Kuasa: Tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat - Kategori Pegawai: Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi Bidang Kuasa: Tindakan tatatertib dengan bukan tujuan buang kerja atau turun pangkat - Kategori Pegawai: Kumpulan Pengurusan dan Profesional Bidang Kuasa: Tindakan tatatertib dengan bukan tujuan buang kerja atau turun pangkat - Kategori Pegawai: Kumpulan Sokongan Bidang Kuasa: Tindakan tatatertib dengan bukan tujuan buang kerja atau turun pangkat
7	Jawatankuasa Rayuan Tatatertib (Staf)
8	Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar
9	Jawatankuasa Kebajikan Pelajar
10	Jawatankuasa Aduan Pelajar

laporan tahunan2017.indd 22 11/06/2018 3:30 PM

SENARAI PROGRAM MELIBATKAN LEMBAGA

BIL	SENARAI PROGRAM	TARIKH
1	Majlis Amanat Tahun Baharu 2017 Kementerian Pendidikan Tinggi	12 Januari 2017
2	Majlis Ramah Mesra YB Menteri Pendidikan Tinggi bersama Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Pegawai Utama UMT dan majlis Perwakilan Pelajar UMT	13 Februari 2017
3	Majlis Pelancaran 2u2i dan Program ACCA Accelerate bagi Program Sarjana Muda Perakaunan, PPPPM	13 Februari 2017
4	Bengkel Hala Tuju Kelestarian Kewangan dan KPI UMT	2 April 2017
5	Majlis Ramah Mesra YB Menteri Pendidikan Tinggi	10 Julai 2017
6	Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri UMT 2017	13 Julai 2017
7	Program Onboarding bersama Ahli Lembaga Pengarah UMT	6 Ogos 2017
8	The International Royal Symphony Orchestra 2017	7 Ogos 2017
9	Program Bual Bicara Bersama Lembaga Pengarah Universiti	7 Ogos 2017
10	The 10th Malaysian Software Engineering Conference MySEC2017	7 - 9 Ogos 2017
11	University Leadership & Governance Conference 2017	15 - 16 Ogos 2017
12	Symposium Empowerment of the Board of Directors	25 - 29 September 2017
13	Majlis Perasmian Studio Al-Quran Ulul Albab	29 September 2017
14	Majlis Anugerah Tahunan 2017	30 September 2017
15	CEO & Faculty Programme UMT dan Lawatan Tanah UMT Bukit Kor serta lawatan ke Break Water UMT	11 - 12 Oktober 2017
16	Seminar Pemantapan Tadbir Urus : Lembaga Pengarah Universiti Awam Siri 1/2017	14 November 2017
17	Majlis Konvokesyen UMT Tahun 2017	18 - 20 November 2017

laporan tahunan2017.indd 23 11/06/2018 3:30 PM

Senat

PENGERUSI:

Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Binti Haji Mokhtar
D.P.M.T., J.S.M.
BSc (New York), MSc (Wales), Ph.D (UTM)
Naib Canselor

AHLI:

Prof. Ir. Dr. Noor Azuan Bin Abu Osman
B.Eng. (Bradford), MSc, Ph.D (Strathclyde), MIEM, PEng, CEng (UK), FIMechE (UK), FIEAust (Aust.), CPEng (Aust.) FASc.
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Mulai 1 November 2017

Profesor Dr. Fauziah Binti Abu Hasan
BSc Econ. & Stats., MSc (West Michigan), Ph.D (Florida State)
Menjalankan Fungsi Sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Mulai 31 Julai 2017 sehingga 31 Oktober 2017

Profesor Dr. Mohd Lokman Bin Husain
S.M.T.
Dip. Fish. (UPM), BSc (Mississippi State), MSc (Florida), Ph.D (Hull)
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Sehingga 30 Julai 2017

Profesor Dr. Mazlan Bin Abd. Ghaffar
BSc (UPM), MSc (Newcastle), Ph.D (Wales)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Mulai 1 April 2017

Profesor Madya Dr. Che Mohd Ruzaidi Bin Ghazali
BSc,MSc, (USM) Ph.D (UniMAP)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Profesor Dato' Dr. Aziz Bin Deraman
D.P.M.T.
BSc (Hons.) (UKM), M.App.Sci (Glasgow), Ph.D (UMIST)
Dekan, Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan

Profesor Dr. Hamdan Bin Suhaimi
P.M.P
B.A (California), MSc, Ph.D (Missouri)
Dekan, Pusat Pengajian Sains Asas

Profesor Dr. Najiah Binti Musa
D.V.M, Ph.D (UPM)
Dekan, Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur
Mulai 1 Jun 2017

Profesor Madya Dr. Mohamad Bin Awang
B.Eng (UPM), MSc (Colorado), Ph.D (UMT), P.Eng (M.I.E.M)
Pemangku Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan
Mulai 1 Disember 2017

Profesor Dr. Ir. Ahmad Bin Jusoh
B.Eng. (UPM), MSc (Colorado), Ph.D (UMT), P.Eng. (M.I.E.M)
Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan
Sehingga 30 November 2017

Profesor Dr. Mohd Shaladdin Bin Muda
BSc Indiana State University (USA), MSc, University of Southern New Hampshire (USA), Ph.D University of Lancaster (United Kingdom)
Dekan, Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim

Prof. Madya Dr. Amiza Binti Mat Amin
B. Tech (USM), Ph.D (University of Leeds)
Dekan, Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan

Profesor Dr. Asyraf Bin Hj Abd Rahman
B.A. (Hons.) (IIUM), M.A. (Leeds, UK), Ph.D (Edinburgh, UK)
Dekan, Pusat Pendidikan Asas dan Liberal

Prof. Madya Dr. Marinah Binti Mohd Ariffin
BSc (USM), MSc (USM), Ph.D (Glasgow)
Dekan, Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran

Prof. Madya Dr. Suriyani Binti Muhamad
B.Ec. (Hons.) (UM), MSc (London), Ph.D (Manchester)
Dekan, Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi

laporan tahunan2017.indd 24 11/06/2018 3:30 PM

Prof. Madya Dr. Aidy @ Mohamed Shawal Bin M Muslim
BSc (Minnesota), Ph.D (Southampton)
Pengarah, Institut Oseanografi dan Sekitaran

Profesor Dr. Abol Munafi Bin Ambok Bolong
BSc (UPM), MSc (Kochi), Ph.D (Ehime)
Pengarah, Institut Akuakultur Tropika

Profesor Madya Dr. Yeong Yik Sung
BSc (UPM), MSc (KUSTEM), Ph.D (Ghet Belgium)
Pengarah, Institut Bioteknologi Marin
Mulai 1 Disember 2017

Profesor Dr. Tengku Sifzizul Bin Tengku Muhammad
BSc, Ph.D (Wales)
Pengarah, Institut Bioteknologi Marin
Sehingga 30 November 2017

Profesor Dato' Dr. Mohd Tajuddin Bin Abdullah
D.I.M.P.
Dip. (UiTM), BSc, MSc (West Virginia), Ph.D (Queensland)
Pengarah, Institut Penyelidikan Kenyir

PROFESOR YANG DILANTIK:

Profesor Emeritus Dr. Noor Azhar Bin Mohamed Shazili
J.M.N.
BSc, Ph.D (Wales)
Profesor, Institut Oseanografi dan Sekitaran

Profesor Emeritus Dr. Faizah Binti Mohd Sharoum
BSc (Hons.) (Queensland), Ph.D (Stirling)
Profesor, Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur

Profesor Dr. Othman Bin Haji Ross
BSc (Hons.) (UM), MSc (Strathclyde), Ph.D (Queensland)
Profesor, Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran

Profesor Dr. Nakisah Binti Mat Amin
BSc (Hons.) (UKM), MS. (Mich. State, USA), Ph.D (Glasgow, UK)
Profesor, Pusat Pengajian Sains Asas

Profesor Dr. Wan Mohd Norsani Bin Wan Nik
BSc (George Washington), MSc (Bath), Ph.D (UTM)
Profesor, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan

Profesor Dr. Wan Izatul Asma Binti Wan Talaat
LL.B (Hons.) (IIUM), MSc (Law), Ph.D (Law) (UPM)
Profesor, Institut Oseanografi dan Sekitaran

Profesor Dr. Rosnan Bin Yaacob
Dip (UPM), BSc (Florida Tech), MSc (UPM), Ph.D (Malaya)
Profesor, Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran

Profesor Dr. Muhammad Ikhwanuddin Bin Abdullah
Dip., BSc (UPM), MSc, Ph.D (UNIMAS)
Profesor, Institut Akuakultur Tropika

Profesor Dr. Norhayati Binti Mohd Tahir
BSc, Ph.D (University of Bristol)
Profesor, Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran

Profesor Dr. Mohd Effendy Bin Abd Wahid
D.V.M., Ph.D (UPM)
Profesor, Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur

Profesor Dato' Dr. Anuar Bin Hassan
BSc (Hons.) (UM), MSc, Ph.D (Nagasaki)
Profesor, Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur

Profesor Dr. Fadzilah @ Adibah Binti Abd Majid
Dip. (ITM), BSc (Hons.) (Leeds), MSc, Ph.D (Birmingham)
Profesor, Institut Bioteknologi Marin

Profesor Dr. Ghazali Bin Sulong
BSc (UKM), MSc (Computing), Ph.D (Wales)
Profesor, Pusat Pengajian Informatik dan Metamatik Gunaan

Profesor Ir. Dr. Ahmad Bin Jusoh
B.Eng (UPM), MSc (Colorado), Ph.D (UMT), P.Eng (M.I.E.M)
Profesor, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan
Mulai 12 Disember 2017

Profesor Dr. Aziz Bin Ahmad
BSc (Hons.) (UPM), MSc (UPM), Ph.D (UPM)
Profesor, Pusat Pengajian Sains Asas
Mulai 1 Disember 2017

laporan tahunan2017.indd 25 11/06/2018 3:30 PM

Profesor Dr. Najiah Binti Musa
D.V.M, Ph.D (UPM)
Profesor, Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur
Sehingga 31 Mei 2017 (Dilantik sebagai Dekan Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur mulai 1 Jun 2017)

Prof. Emeritus Dr. Mohd Azmi Bin Ambak
B. Agric. Sc. (Malaya), MSc (Salford), Ph.D (UPM)
Profesor, Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur
Sehingga 16 November 2017

Prof. Dr. Sayed Mohd Zain Bin Sayed Hasan
BSc (Hons.) (UKM), MS. (Brunel), Ph.D (Birmingham)
Profesor, Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan
Sehingga 8 Julai 2017

Prof. Dr. Abd Wahab Bin A Rahman
BSc (USM), MSc (London School of Hygiene & Trop. Med., UK), Ph.D (Univ. of Sydney) D.A.P & E (Semeo-Tropmed.)
Profesor, Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan
Sehingga 28 Februari 2017

AHLI YANG DIKO-OPT:

Profesor Dr. Fauziah Binti Abu Hasan
BSc Econ. & Stats., MSc (West Michigan), Ph.D (Florida State)
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat dan Jaringan Industri)

Profesor Dato' Dr. Saharuddin Bin Abdul Hamid
D.I.M.P., PAP, FIMarEST, MILT, M.I.K
BSc (UPM), MSc (Tokyo), Ph.D (Wales)
Pengarah, Pusat Pengurusan Siswazah

Profesor Dr. Mohd Lazim Bin Abdullah
BSc (Malaya), M.Ed. (USM), Ph.D (UMT)
Pengarah, Pusat Perancangan, Pembangunan dan Kualiti Akademik

Profesor Dr. Tengku Sifzizul Bin Tengku Muhammad
BSc, Ph.D (Wales)
Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
Mulai 1 Disember 2017

Prof. Madya Dr. Hii Yii Siang
BSc (UPM), Ph.D (UPM)
Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
Sehingga 30 November 2017

Prof. Madya Dr. Mustafa Bin Man
Dip. (UPM), BSc (UPM), MSc (UPM), Ph.D (UTM)
Pemangku Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
Mulai 1 April 2017 sehingga 30 Jun 2017

AHLI *EX-OFFICIO:*

Zahara Binti Kedri
C.A.(M)
ADiA (UiTM), DiA (UiTM)
Bendahari

Abu Hassan Bin Ghazali
Post. Grad. Dip. In Lib. Science (UiTM)
Pemangku Ketua Pustakawan
Mulai 18 November 2017

Atip Bin Ali
Post. Grad. Dip. In Lib. Science (UiTM)
Ketua Pustakawan
Sehingga 17 November 2017

Roslina Binti Ghazali
LLB (Hons) (UKM)
Penasihat Undang-Undang

SETIAUSAHA

Profesor Dr. Nora'aini Binti Ali
B.Eng. (UTM), MSc (UMIST), Ph.D (UKM)
Pendaftar

laporan tahunan2017.indd 26 11/06/2018 3:30 PM

PENGURUSAN TERTINGGI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



PENGERUSI
PROF. DATO' DR. NOR AIENI
BINTI HAJI MOKHTAR
Naib Canselor



AHLI
PROF. IR. DR. NOOR AZUAN
BIN ABU OSMAN
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
Mulai 1 November 2017



AHLI
PROF. DR. MOHD. LOKMAN
BIN HUSAIN
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
sehingga 30 Julai 2017



AHLI
PROF. DR. MAZLAN
BIN ABD. GHAFFAR
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)
Mulai 1 April 2017



AHLI
PROF. MADYA DR.
CHE MOHD RUZAIDI
BIN GHAZALI
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)



AHLI
PROF. DR. FAUZIAH
BINTI ABU HASAN
Penolong Naib Canselor
(Hal Ehwal Korporat dan
Jaringan Industri)
dan menjalankan fungsi TNC (A&A)
Mulai 31 Julai 2017 sehingga
31 Oktober 2017



AHLI
PROF. DR. NORA'AINI
BINTI ALI
Pendaftar



AHLI
ZAHARA BINTI KEDRI
Bendahari



AHLI
ROSLINA BINTI GHAZALI
Penasihat Undang-Undang



AHLI
ABU HASSAN BIN GHAZALI
Pemangku Ketua Pustakawan
Mulai 18 November 2017



AHLI
ATIP BIN ALI
Ketua Pustakawan
Sehingga 17 November 2017



AHLI
IR. HAJI MOHD ZAIDEEN
BIN YUSOFF
Pengarah Pembangunan
dan Harta



SETIAUSAHA
ABDULLAH SYUKRI
BIN M. SALEH
Ketua Pentadbiran
Canselori

laporan tahunan2017.indd 27 11/06/2018 3:30 PM

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UMT
SESI 2017/2018



12 10 8 6 4 2 1 3 5 7 9 11



24 22 20 18 16 14 13 15 17 19 21 23

1. YANG DIPERTUA
RAZYIATON BINTI RAGHAZLI
Pusat Pengajian Sains Asas

2. NAIB YANG DIPERTUA
NUR KHALIDA BINTI MOHD RAIF
Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur

3. SETIAUSAHA AGUNG
NOR HAZWANI BINTI ABDUL RAHMAN
Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim

4. SETIAUSAHA KEHORMAT
NOOR ADILATUL HUSNA BINTI ARFIEE
Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi

5. BENDAHARI KEHORMAT
SEE LUI FANG
Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan

6. MAJLIS EXCO
SHER-AINA BINTI AHMAD
Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan

7. MAJLIS EXCO
ANDI PUTERA AMIRUL BIN MAHRI
Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan

8. MAJLIS EXCO
AQILAH NAJWA BINTI MOHD NAZRI
Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan

laporan tahunan2017.indd 28 11/06/2018 3:30 PM

9 MAJLIS EXCO
WAN NOR AHMAD SYAIFUDDIN BIN WAN NORAZMI
Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi

10 MAJLIS EXCO
MUHAMMAD UMAR FARHAN BIN ARIFF
Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi

11 MAJLIS EXCO
MUHAMMAD SHAHRIL BIN JUHAIZI
Pusat Pengajian Sains Maritim dan Sekitaran

12 MAJLIS EXCO
NOR AINSYAFIKAH BINTI MADIRAN
Pusat Pengajian Sains Maritim dan Sekitaran

13 MAJLIS EXCO
NURHANISAH BINTI MARZUKHI
Pusat Pengajian Sains Maritim dan Sekitaran

14 MAJLIS EXCO
AHMAD FAIZ BIN AHMAD FAZIEL
Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim

15 MAJLIS EXCO
SITI ZAHARAH BINTI MAHIZI
Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim

16 MAJLIS EXCO
NURUL FASIHAH BINTI ISMAIL
Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan

17 MAJLIS EXCO
NOOR AIMI SHAZANA BINTI MOHD YUSOFF
Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan

18 MAJLIS EXCO
NURUL LIYANA BINTI LIZARUS
Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan

19 MAJLIS EXCO
NIK MUHAMMAD ASHRAF BIN MAZELAN
Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan

20 MAJLIS EXCO
ABDUL AZIZ BIN MOHAMED RIDZWAN
Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan

21 MAJLIS EXCO
NOR SHAFEERA RASYADA BINTI SHAIFUL BAHRI
Pusat Pengajian Sains Asas

22 MAJLIS EXCO
NURUL NADHIRAH BINTI RUZELAN
Pusat Pengajian Sains Asas

23 MAJLIS EXCO
SITI AMIRAH BINTI MOHAMAD AMIN
Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur

24 MAJLIS EXCO
NURUL IZYANI IZZATI BINTI MAT ANDRI
Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur

laporan tahunan2017.indd 29 11/06/2018 3:31 PM



Ikan Arowana Perak
Schlerophagus formosus

laporan tahunan2017.indd 30 11/08/2018 3:31 PM



Laporan Naib Canselor

laporan tahunan2017.indd 31 11/08/2018 3:31 PM



PROFESOR DATO' DR.
NOR AIENI HJ. MOKHTAR

“Camaraderie atau kebersamaan yang ditonjolkan oleh seluruh warga UMT mampu meningkatkan prestasi dan kecemerlangan universiti”.

“Meneroka Samudera Biru, Ke Arah Kelestarian Komuniti” merupakan aspirasi dan harapan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) untuk tahun 2017. Sepanjang tahun, UMT telah melakarkan pelbagai pencapaian dan kejayaan yang mewarnai kanvas kecemerlangan UMT yang telah melonjakkan kedudukan dan kewibawaan UMT di persada pengajian tinggi sama ada di dalam dan luar negara.

Sesungguhnya, kecemerlangan yang dikecapi sepanjang 2017 adalah berkat kesungguhan dan kerjasama segenap lapisan warga UMT yang sentiasa mempamerkan sikap berdaya dalam bekerja demi mencapai misi dan visi universiti. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga kepada Lembaga Pengarah Universiti, ahli Pengurusan Universiti dan warga UMT termasuk pelajar dan alumni UMT di atas sokongan dan sumbangan yang telah dicurahkan selama ini selari dengan ungkapan **‘Kami Cakna, Kami Sayang UMT’.** Keterlibatan semua pihak dalam meneroka peluang sehingga ke laut biru demi kelestarian komuniti dan meningkatkan pencapaian adalah pemangkin kepada kejayaan yang diperolehi UMT untuk tahun-tahun yang akan datang.

Camaraderie atau kebersamaan yang ditonjolkan oleh seluruh warga UMT melalui sikap penerimaan dan saling hormat-menghormati, UMT mampu meningkatkan prestasi dan kecemerlangan universiti. Pencapaian dan kejayaan yang dikecapi pada tahun 2017 adalah satu usaha UMT dalam memacu lapan teras utama dalam Pelan Strategik UMT iaitu Pemerkasaan Bakat Akademik, Kecemerlangan Pembelajaran dan Pengajaran, Pembangunan Pelajar, Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi, Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri, Keunggulan Global, Kelestarian Kewangan dan Pemantapan Citra.

Kesungguhan, ketekunan, pengorbanan dan kesabaran yang ditonjolkan oleh seluruh warga secara langsung akan meningkatkan prestasi universiti terutamanya dari segi akademik, pentadbiran, pengurusan, penerbitan, penyelidikan, inovasi serta jaringan antarabangsa. Ia juga akan meningkatkan imej universiti dan disegani di peringkat global. Oleh itu, Laporan Tahunan UMT 2017 akan membantu UMT mensasarkan kedudukan universiti ke-12 terbaik di Malaysia pada tahun 2018.

laporan tahunan2017.indd 33 11/06/2018 3:31 PM

Ekosistem Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersilan dan Inovasi

Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Idris Bin Jusoh telah mengumumkan tahun 2017 sebagai tahun Penyelidikan Translasional (Translational Research). Penyelidikan Translasional merupakan penemuan daripada asas sains untuk meningkatkan kesihatan serta kesejahteraan rakyat bagi penyelesaian kepada isu nasional dan antarabangsa.

UMT telah menyahut seruan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan telah berjaya memperolehi dana berjumlah RM7 juta bagi pelaksanaan empat projek penyelidikan translasional seperti berikut.

- Projek Kuda Laut
- Projek Populasi Belangkas
- Projek Populasi Udang Galah
- Projek Ketam Bakau

UMT menempa kejayaan yang amat membanggakan bagi perolehan geran antarabangsa. Data menunjukkan bahawa berlakunya peningkatan yang drastik bagi perolehan geran antarabangsa yang hanya RM77,000 pada tahun 2016 dan melonjak kepada RM1.7 juta pada tahun 2017. Sumbangan yang paling besar adalah kejayaan dalam memperolehi geran *First Institute Oceanography* (FIO) oleh Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) dengan dana yang berjumlah RM1.17 juta. Kejayaan ini amat membanggakan seluruh warga UMT. Usaha dan kesungguhan penyelidik UMT dalam membudayakan ekosistem penyelidikan yang cemerlang telah mendapat pengiktirafan daripada pihak luar dan seterusnya membantu meningkatkan status pendidikan negara setanding di peringkat antarabangsa.

Sepanjang tahun 2017 juga, sebahagian penyelidik UMT telah mengharumkan nama negara dan UMT khususnya. UMT berjaya meraih 37 pingat, satu hadiah utama dan satu anugerah khas melalui penyertaan dalam pertandingan penyelidikan iaitu *Seoul International Invention Fair (SIIF)*, Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA'17), BIOMALAYSIA dan *International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX)*. Satu kejayaan buat UMT berbanding tahun 2016 yang mana berlakunya peningkatan pingat sebanyak 117% (peningkatan 20 pingat) pada tahun 2017. Melalui SIIF, dua orang penyelidik UMT iaitu Dr. Nor Azman Bin Kasan dan Dr. Wan Iryani Binti Wan Ismail masing-masing memenangi anugerah pingat Emas dan pingat Gangsa dalam kalangan 30 negara yang mengambil bahagian. Sementara itu, Dr. Nor Azman dan pasukannya juga telah memenangi pingat Emas dan Anugerah Khas *'Special Translational Award'* di Minggu Penyelidikan & Inovasi (MP'17) melalui penemuan untuk meningkatkan kualiti air dan tahap kesihatan udang.






laporan tahunan2017.indd 34 11/06/2018 3:31 PM

Selain daripada itu, Prof. Madya Dr. Mustafa Bin Man bersama dengan pasukan penyelidik UMT telah berjaya mengkomersilkan projek berinovasi iaitu *Video on Paper* (VOP) dengan bayaran RM20,000.00 yang berbentuk pelesenan harta intelek (IP) antara UMT bersama Syarikat Lieos Sdn. Bhd. Bayaran royalti sebanyak 2% - 3% telah dimeterai pada Memorandum Perjanjian (MoA) sempena PECIPTA 2017 pada 9 Oktober 2017.

Keterlihatan dan Keunggulan Global

Landskap kejayaan tahun 2017 turut menyaksikan UMT merupakan universiti pertama di Malaysia yang memperolehi Geran *Horizon 2020* yang merupakan program penyelidikan dan inovasi *European Union* yang terbesar bersama-sama enam lagi universiti dari rantau Eropah dan Asia Tenggara. Geran ini menyokong pembangunan modal insan antara dua rantau dalam bidang akuakultur. Geran yang bernilai hampir 2 juta Euro ini diberikan kepada penyelidik UMT, yang diketuai oleh Profesor Madya Dr. Yeong Yik Sung. Selain itu, beberapa geran penyelidikan antarabangsa seperti *1,000-Young Talent Professors Award* dari China serta *Contract Research* dari Virbac SA, France turut diperolehi.

UMT telah memperolehi pengiktirafan sebagai *Host Travel Exhibition* di rantau Asia setelah kejayaan di dalam penganjuran Pameran Ikan Lut Sinar dengan kerjasama National Dong Hwa University, Taiwan, Muzium Biologi Laut dan Akuarium Nasional (NMMBA). Ini sekaligus melonjakkan imej UMT di persada dunia dan memberi impak pengembangan penyelidikan di dalam bidang data



ikan dan atonomi serta perkongsian data. Sebanyak 1,000 spesimen ikan yang telah diawet telah dibawa khas dari Taiwan dipamerkan untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat Malaysia mengenai keunikan biologi ikan itu sendiri.

UMT turut berbangga dengan jaringan kerjasama antara UMT dengan FIO, China bagi projek *Ocean Forecast System* (OFS) bermula pada tahun 2011. Kepakaran penyelidik UMT dari INOS diiktiraf sebagai peneraju dalam Sains Marin Malaysia menjadikan kerjasama ini berpotensi tinggi di Laut China Selatan. Melalui kerjasama ini, UMT menerima dana sebanyak RM1.17 juta daripada pihak FIO yang diterima pada September 2017. Selain itu, kerjasama FIO menjadikan OFS sistem yang kini dalam proses pembangunan menjadi lebih komprehensif serta menjadi rujukan penting bagi aktiviti-aktiviti laut di kawasan Laut China Selatan.

Catatan kejayaan INOS juga turut dibuktikan apabila berjaya menjalankan kerjasama strategik dengan *United Nations (UN)* dalam pelbagai program antarabangsa, yang mana di antaranya sebagai *Regional Training Centre* yang pertama di Asia Pasifik bagi program *Ocean Teacher Global Academy (OTGA)*. UMT telah diiktiraf peranannya di dalam *Coral Triangle Initiative-Fisheries and Food Security (CTI-CFF)* serta telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan CTI-CFF bagi *University Partnership Network* dengan penubuhan pusat latihan di INOS.

Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang

Semua warga kampus UMT perlu berusaha untuk memperkukuhkan usaha untuk membangunkan pelajar dalam semua aspek iaitu seimbang di antara perwatakan, dengan ilmu yang cintakan ilmu dan memanfaatkan untuk melakukan perubahan dan transformasi.

Kecemerlangan pelajar UMT patut dibanggakan apabila dua orang pelajar dari Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan dan Maritim (PPPPM) dan tiga orang pelajar dari Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan (PPIMG) berjaya merangkul *Double Gold Award* dan *Special Award* melalui projek *Maritime Bird Spike: Aid for Navigation and Silver Medal* melalui projek *Video on Paper: New Advertising Apps Tools* di dalam pertandingan peringkat antarabangsa *Innovation, Design and Research International Symposium (IDRIS 2017)* yang disertai oleh 16 buah negara dari seluruh dunia.

Sementara itu, pelajar antarabangsa pascasiswazah iaitu Dr. Belal Mahmoud Al-Wadi merupakan pelajar Ph.D dari PPPPM berjaya membawa nama UMT ke peringkat global dengan menyertai *Global Entrepreneurship Community Summit 2017 (GECS 2017)* yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia. Dr. Belal mewakili pelajar dari Arab Saudi di universiti di Malaysia dan sempat bertemu dengan Duta Jordan di Malaysia.

UMT turut berkongsi kegembiraan apabila Saudari Azizatul Asma Binti Tan Sri Abdullah yang juga pelajar dari PPPPM berjaya meraih pingat Emas bagi acara Kuda Lasak Berpasukan di dalam Kejohanan Sukan SEA yang berlangsung di Kuala Lumpur. Saudari Azizatul Asma pernah mencipta sejarah apabila mendapat tempat pertama dalam kejohanan *FEI Endurance World Championship for Young & Juniors 2013* di Perancis bersama kuda kesayangannya iaitu Mora Tishaka.

laporan tahunan2017.indd 36 11/06/2018 3:31 PM

Tahun 2017 turut menyaksikan pencapaian yang membanggakan oleh Badan Beruniform Pelajar apabila Saudara Mohd Safarez Bin Tiffin dari PPIMG adalah seorang anggota kadet PALAPES yang memenangi Anugerah Pedang Kehormat di dalam Istiadat Pentauliahan Diraja Pegawai Kadet Pasukan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Awam yang ke-36 bertempat di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam. Pentauliahan ini melibatkan seramai 1,832 kadet PALAPES dari 18 universiti awam di seluruh negara.

Pengajaran dan Pembelajaran – Pendidikan Fleksibel

Dalam konteks landskap pendidikan tinggi yang kian berubah dan berkembang, pendidikan fleksibel merupakan masa depan pendidikan tinggi negara. Program 2u2i Sarjana Muda Perakaunan melalui *Teaching Accountancy Firm* (TAF) telah mendapat dua pengiktirafan di peringkat kebangsaan pada tahun 2017 iaitu Naib Johan - Anugerah Pemikiran dan Reka Bentuk Semula Pendidikan Tinggi Malaysia 2017 (Kategori Kurikulum Program Pengajian Inovatif) dan Naib Johan - *Academia-Industry Collaboration Award* 2017. TAF merupakan revolusi dalam landskap pengajian perakaunan di Malaysia dan insiatif yang pertama seumpamanya di dunia. Kejayaan ini membuktikan bahawa TAF telah mendapat pengiktirafan di peringkat KPT dan menjadi faktor "WOW" kepada Program Pengajian Perakaunan di UMT.

Selain itu, UMT menjalinkan kerjasama dengan *Open Learning Global (M) Sdn. Bhd.* untuk menyahut saranan KPT dalam mewujudkan konsep pendidikan fleksibel yang membolehkan penawaran sijil-sijil kursus kepada pelajar di seluruh dunia serta menjana pendapatan universiti menerusi penggunaan teknologi *Open Learning Global (OLG)*.

Kadar Kebolehpasaran Graduan

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kadar kebolehpasaran graduan telah melebihi kadar sasaran yang ditetapkan iaitu 70% dengan pencapaian pada tahun 2017 sebanyak 73.22% berbanding 70.13% pada tahun 2016. Peningkatan ini adalah hasil usaha gigih pelbagai pihak untuk meningkatkan kerjasama dengan industri serta pelbagai program perkongsian alumni UMT dengan para pelajar. Peningkatan ini membuktikan bahawa graduan UMT sememangnya berkualiti dan mampu bersaing di pasaran kerja.

Bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan, permohonan UMT sebagai Universiti Peneraju Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) Kluster Maritim telah diluluskan oleh KPT pada 6 Julai 2017. KPT meluluskan dana sebanyak RM1 juta kepada UMT untuk menjalankan program-program dan inisiatif yang menepati syarat kebolehpasaran graduan.

laporan tahunan2017.indd 37 11/06/2018 3:31 PM

Kelestarian Kewangan

Strategi pengurusan kewangan secara lestari memerlukan sokongan segenap lapisan warga UMT dalam mencapai KPI yang telah ditetapkan oleh universiti dan juga KPT. Pada tahun 2017, UMT mengatur strategi dalam mempelbagaikan sumber dana melalui pengukuhan dana endowmen dan waqaf serta mempergiatkan aktiviti penjanaan peringkat pusat pengajian dan institut.

UMT mencatatkan peningkatan sumbangan endowmen pada tahun 2017 iaitu sebanyak RM1.05 juta yang mana dapat dimanfaatkan oleh 14 orang pelajar dari segi bantuan sara hidup. Manakala, Wakaf Ilmu UMT telah mendapat kelulusan pelaksanaannya oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) pada 7 Mac 2017.

Selain itu, UMT telah melakukan pembaharuan kewangan dengan memperkenalkan inisiatif pendanaan dengan membuat semakan ke atas program akademik bagi mengenalpasti penawaran program pengajian yang mendatangkan keuntungan dan program pengajian yang mendapat permintaan yang tinggi yang mana ia boleh dibuat penawaran khas yang seterusnya membantu meningkatkan sumber utama pendapatan universiti.

Kesimpulan

UMT telah menunjukkan peningkatan sejak 15 tahun yang lepas. Reputasi UMT sebagai sebuah universiti yang berfokus marin telah terserlah di peringkat kebangsaan dan global. Komitmen tinggi warga kerja universiti adalah sangat penting dalam meletakkan UMT setanding dengan universiti terkemuka di dunia. Buku Laporan Tahunan 2017 ini adalah sebagai bukti pencapaian UMT bahawa seluruh warga kampus tidak membiarkan diri dibelenggu dengan situasi zon keselesaan demi mencapai matlamat universiti. Oleh itu, segala amanah dan tanggungjawab yang diberikan kepada seluruh warga UMT dapat dilaksanakan sebaik mungkin serta ditambah baik dari semasa ke semasa.

Sebelum menutup bicara, diucapkan ribuan terima kasih kepada semua warga kampus UMT yang secara jujur dan ikhlas bersama-sama berusaha, berganding tenaga dan memberikan komitmen demi kecemerlangan universiti. Semoga usaha kita mendapat keberkatan dan kerahmatan daripadaNya supaya kita dapat meneruskan perjuangan untuk melakukan perubahan demi kelestarian pengajian tinggi di negara ini.



laporan tahunan2017.indd 38 11/06/2018 3:31 PM



laporan tahunan2017.indd 39 11/06/2018 3:31 PM



Ikan Angel
Pterophyllum spp.

laporan tahunan2017.indd 40 11/08/2018 3:31 PM



Kejayaan dan Pencapaian

laporan tahunan2017.indd 41 11/08/2018 3:31 PM



laporan tahunan2017.indd 42 11/08/2018 3:31 PM

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menetapkan lapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) utama mengandungi 12 indikator yang perlu dicapai oleh setiap Universiti Awam (UA). Secara keseluruhan, UMT telah mencatatkan pencapaian membanggakan **apabila enam indikator mencapai lebih 100% sasaran** manakala baki enam lagi indikator mencapai lebih 50% daripada sasaran yang ditetapkan. **Berbanding tahun 2016 pula, 83% atau 10 daripada 12 indikator merekodkan peningkatan** dari segi pencapaian manakala dua indikator lagi menyusut.

KPI 1

Kadar Kebolehpasaran Graduan

Pada tahun 2017, UMT telah berjaya meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan kepada **73.2% berbanding 70.1%** pada tahun 2016. Peningkatan sebanyak 4.4% ini juga telah **melebihi sasaran yang telah ditetapkan iaitu 70%.** Peningkatan ini membuktikan bahawa kualiti graduan dan program pengajian UMT berada pada tahap membanggakan dan mampu bersaing di pasaran kerja.



laporan tahunan2017.indd 43 11/06/2018 3:31 PM

KPI 2

Bilangan Enrolmen Pelajar Antarabangsa

Jumlah enrolmen keseluruhan pelajar antarabangsa di UMT adalah **seramai 207 orang, meningkat sebanyak 37%** berbanding tahun 2016. Pencapaian ini juga **melebihi sasaran 200 pelajar antarabangsa** yang telah disasarkan pada tahun 2017. Peningkatan yang signifikan berbanding tahun sebelumnya ini disebabkan oleh program mobiliti *inbound* pelajar yang aktif dilaksanakan oleh pusat pengajian dan institut penyelidikan.



KPI 3

Enrolmen Pelajar Antarabangsa (Pascasiswazah)

Bilangan enrolmen pelajar pascasiswazah antarabangsa turut **meningkat kepada 167 orang** pada tahun 2017 berbanding 134 orang pada tahun 2016. Peningkatan sebanyak 25% ini walau bagaimanapun belum mencapai sasaran 180 orang yang ditetapkan pada tahun 2017. UMT akan lebih aktif dalam menarik lebih ramai pelajar antarabangsa khususnya pelajar pascasiswazah melalui pelbagai strategi yang akan dilaksanakan.



laporan tahunan2017.indd 44 11/06/2018 3:31 PM

KPI 4

Kadar Keciciran Pelajar

Pada tahun 2017, kadar keciciran pelajar bagi **program sarjana muda berjaya dikurangkan kepada 7.5%** berbanding 8% pada tahun 2016. Pengurangan ini juga menghampiri sasaran 7% kadar keciciran yang telah ditetapkan oleh UMT.

Bagi program sarjana, kadar keciciran turut berjaya **dikurangkan daripada 20% pada tahun 2016 kepada 11.7%** pada tahun 2017. UMT turut berjaya memenuhi sasaran kadar keciciran yang ditetapkan iaitu kurang daripada 18%.

Pengurangan kadar keciciran sebanyak 71% bagi program pengajian Ph.D pada tahun 2017 pula merupakan antara pencapaian yang paling membanggakan. Pada tahun 2017, **kadar keciciran pelajar Ph.D berjaya dikurangkan kepada hanya 27.4%** berbanding 40% pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, UMT akan terus berusaha untuk mengurangkan kadar ini agar memenuhi sasaran 19% yang ditetapkan.



laporan tahunan2017.indd 45 11/06/2018 3:31 PM

KPI 5

Kadar iGOT

Tahun 2017 merekodkan peningkatan kadar iGOT pelajar program Sarjana Muda kepada 88% berbanding 85% pada tahun sebelumnya, sekaligus **melebihi sasaran 85%** yang telah ditetapkan.

Kadar iGOT bagi pelajar program Sarjana juga turut meningkat kepada 27% berbanding 24% pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, angka ini masih belum memenuhi sasaran 40% kadar iGOT yang telah ditetapkan.

Kadar iGOT bagi pelajar program Ph.D pada tahun 2017 walau bagaimanapun sedikit menurun kepada 18% berbanding 23% pada tahun sebelumnya. Kadar ini juga belum memenuhi sasaran yang telah ditetapkan iaitu sebanyak 30%.



KPI 6

Penerbitan Artikel dalam Jurnal dan Prosiding Terindeks per Pensyarah

Bagi memperkasakan penerbitan, UMT telah mensasarkan setiap pensyarah menerbitkan sekurang-kurangnya satu artikel dalam jurnal atau prosiding terindeks bagi tahun 2017. UMT telah merekodkan sejumlah **580 artikel** yang telah diterbitkan menjadikan **nisbah 1.08 bagi setiap pensyarah**, meningkat berbanding tahun tahun 2016.



laporan tahunan2017.indd 46 11/06/2018 3:31 PM

KPI 7

Jumlah Sitasi (Kumulatif) per Pensyarah

Data penerbitan merupakan kaedah meluas yang digunakan untuk mengukur prestasi penyelidikan di institusi pengajian tinggi seluruh dunia. Salah satu kaedah pengukuran adalah dengan menggunakan data bilangan sitasi yang diterima oleh hasil penerbitan berkaitan. **Pada tahun 2017, jumlah sitasi yang direkodkan adalah 8.8,** sedikit menurun berbanding 12 pada tahun sebelumnya serta belum mencapai **sasaran 12 nilai sitasi** yang ditetapkan bagi tahun 2017.



KPI 8

Peratus Penjanaan Pendapatan Berbanding Perbelanjaan Mengurus

Aktiviti penjanaan pendapatan menjadi agenda penting Universiti Awam bagi menampung keperluan perbelanjaan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada sumber kerajaan. Pada tahun 2016, UMT telah menjana pendapatan sebanyak 15% berbanding jumlah perbelanjaan mengurus. Manakala pada tahun 2017, kita menetapkan sasaran untuk menjana sebanyak 15%. **Pada tahun 2017, UMT berjaya menjana pendapatan sebanyak 19.5% berbanding jumlah perbelanjaan mengurus.** UMT akan terus aktif berusaha mencari peluang penjanaan khususnya melalui endowmen dan waqaf serta pelaburan.



laporan tahunan2017.indd 47 11/06/2018 3:31 PM



Ikan Dory Kilat
Zeus spp.

laporan tahunan2017.indd 48 11/08/2018 3:31 PM

Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa



“Program Asasi STEM UMT merupakan program pra-universiti pertama yang ditawarkan dalam bidang pengajian kolektif Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik di zon Pantai Timur”

Perkembangan pengajaran dan pembelajaran secara berterusan sentiasa dirancang untuk memastikan penawaran program akademik adalah relevan dengan kehendak pasaran di samping melahirkan graduan holistik dari segi penguasaan akademik, kemahiran kendiri dan keupayaan sahsiah.

Program Pengajian Prasiswazah

UMT menawarkan 27 program akademik di peringkat Sarjana Muda dan satu program pengajian di peringkat Diploma seperti di dalam jadual di bawah:

Pusat Pengajian	Nama Program Akademik
Sains Asas (PPSA)	Sarjana Muda Sains (Sains Biologi)
	Sarjana Muda Sains (Sains Kimia)
Informatik dan Matematik Gunaan (PPIMG)	Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian)
	Sarjana Muda Sains Komputer dengan Informatik Maritim
	Sarjana Muda Sains (Matematik Kewangan)
UMT diberi kepercayaan bekerjasama dengan Jabatan Warisan Negara (JWN) bagi menjalankan kajian bawah air di Pulau Bidong. Kajian ini merupakan pertama kali diadakan menggunakan kepakaran tempatan mengenai kajian arkeologi marin. Fokus kajian ini adalah penginterpretasian perspektif sejarah dan kajian arkeologi bawah air dengan kerjasama pelbagai institusi dan pakar dalam bidang berkaitan.

Skop penyelidikan merangkumi kawasan perairan berhampiran Pulau Bidong, Terengganu yang bermula 15 sehingga 28 Oktober 2017 dengan pengawasan JWN. Kajian ini menentukan tatacara proses penyelidikan arkeologi bawah air dan proses menyelamatkan artifak. Kajian ini akan menghasilkan *Standard Operating Procedure* (SOP), teknik dan data dalam bidang arkeologi bawah air. Sebanyak 305 artifak telah berjaya dikeluarkan dan direkodkan yang mana merangkumi kira-kira 50% daripada jumlah artifak yang berada di permukaan dasar laut tapak kajian. Kajian tersebut telah berjaya menggabungkan kepakaran UMT dan pelbagai agensi bagi meneroka kajian bawah air serta pembangunan data arkeologi di Malaysia pada masa hadapan.





laporan tahunan2017.indd 88 11/06/2018 3:32 PM

Kerjasama AKUATROP bersama Lima Industri

Institut Akuakultur Tropika (AKUATROP) melalui kajian akuakultur telah memeterai Memorandum Perjanjian (MoA) dengan lima rakan industri dalam usaha membangunkan sektor akuakultur. Kerjasama ini secara tidak langsung menaikkan imej AKUATROP dan sekali gus membantu dalam usaha memperolehi penarafan sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HiCoE). Berikut merupakan lima industri yang bekerjasama dengan AKUATROP, UMT:

- AM Aquatechnic Sdn. Bhd., syarikat yang menjalankan aktiviti pembenihan udang galah;
- Biodynamic Aquaculture Technology Sdn. Bhd., pengusaha ternakan dengan menggunakan sistem air kitar semula;
- Ginger and Coconut Development Sdn. Bhd. yang mengusahakan ternakan ketam bakau;
- MyAqua Development PLT dan Usaha Fadzilat (M) Sdn. Bhd., masing-masing menjalankan penyelidikan berkaitan pelaksanaan integrasi multi-tropik akuakultur dan mengusahakan ternakan ikan bandeng atau lebih dikenali sebagai ikan susu.

Ekspedisi Biodiversiti Pulau Sibu, Johor

UMT melalui Institut Penyelidikan Kenyir (IPK) telah dilantik oleh Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) untuk melaksanakan satu Ekspedisi Biodiversiti di Pulau Sibu, Johor bagi mendokumentasikan senarai spesies, ekosistem dan hidupan di pulau tersebut. Ekspedisi ini turut melibatkan kerjasama daripada pelbagai agensi lain di antaranya JTLM, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), *Save our Seahorse* (SOS), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Malaya (UM).

Pelaksanaan ekspedisi ini memberi input dalam kajian penyelidikan biodiversiti di UMT serta mewujudkan hubungan dua hala antara penyelidik lain di pelbagai agensi yang terlibat.

Inovasi "Video on Papers (VoP)"

Video on Papers (VoP) merupakan sebuah aplikasi yang dihasilkan oleh Prof. Madya Dr. Mustafa Bin Man yang menggunakan telefon mudah alih. Ia telah dibangunkan bagi memberi nilai tambah kepada sesuatu bahan bacaan atau iklan berbentuk 2D kepada nilai baharu yang boleh digambarkan menerusi video dengan menggunakan telefon mudah alih yang diimbas menerusi aplikasi yang dibangunkan kepada penanda (marker) di atas sesuatu yang dicetak di atas kertas atau pelbagai bahan lain. VoP dibangunkan sebagai satu rangka kerja (framework) baharu bagi membolehkan setiap objek yang terdapat pada halaman bercetak di atas sesuatu kertas boleh diubah menjadi sebuah objek berbentuk 3D yang hidup ataupun memaparkan sebuah video secara automatik apabila diimbas. Kaedah ini menjadikan sesebuah jalan penceritaan menjadi lebih menarik dan interaktif.



laporan tahunan2017.indd 89 11/06/2018 3:32 PM

Rangka kerja ini telah berjaya dibangunkan untuk beberapa projek seperti galeri interaktif alam semulajadi, Bukit Nenas di bawah naungan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Projek Diari interaktif Perdana Menteri (*Prime Minister AR*), UMT MOOC versi AR, *Sea Turtle* AR dan pelbagai projek lagi. VoP ini boleh dipelbagaikan lagi aplikasinya termasuklah untuk iklan-iklan serta kad jemputan serta pelbagai bentuk aplikasi berbentuk *apps* yang boleh dikendalikan menerusi peranti telefon mudah alih. Produk inovasi VoP ini telah memenangi pelbagai pingat seperti berikut :

- Pingat Emas sempena Hari Inovasi@UMT 2015.
- Anugerah Khas UMT-MOOC 2016
- Pingat Gangsa sempena *Innovation Design & Research International Symposium* (IDRIS2017)
- Pingat Perak sempena Malaysia Technology Expo (MTE) 2015

VoP Framework ini boleh melangkah ke hadapan dan banyak aplikasi berbentuk *apps* bakal dihasilkan lagi serta dapat membantu merealisasikan IR 4.0 dengan jayanya.

Ekspedisi Pelayaran Saintifik INOS 2017

Ekspedisi Pelayaran Saintifik 2017 telah dilaksanakan sebanyak tiga kali oleh INOS pada bulan Julai dan dua kali pada bulan November. Tumpuan pelayaran adalah di perairan Kelantan, Terengganu dan Pahang. Ia meliputi pantai hingga ke Zon Eksklusif Ekonomi (EEZ). Pelayaran ini telah disertai oleh para pensyarah, pegawai sains dan penyelidik di UMT. Sebanyak 70 stesen persampelan ditubuhkan di pelayaran ini bagi tujuan berikut:

- Sampel sedimen
- Pensampelan Air
- Persampelan Zooplankton (oleh Bongo Net)
- *Sampling Phytoplankton v. Macrobenthos Sampling*
- Penyiasatan keadaan alam sekitar

Kapal-kapal yang digunakan dalam pelayaran ini ialah MV Aishah, KL Cermin (Jabatan Perikanan) dan RV Discovery (UMT). Kelebihan Pelayaran Saintifik kali ini adalah melibatkan FIO dan sekaligus memberi pengiktirafan daripada institusi luar kepada UMT.





UMT dan CTI-CFF Rungkai Potensi Terumbu Karang Buatan

UMT berkolaborasi dengan *Coral Triangle Initiative on Coral Reefs, Fisheries and Food Security* (CTI-CFF) sebagai penganjur Persidangan Antarabangsa *11th International Conference on Artificial Reefs and Related Aquatic Habitats* (MyCARAH) yang berlangsung dari 11hingga 13 September 2017. Persidangan ini adalah yang pertama kalinya dianjurkan di Asia Tenggara yang telah dihadiri oleh lebih 100 orang peserta dari 20 negara dalam kalangan pakar penyelidik, rakan strategik industri dan juga komuniti nelayan dari Indonesia, Filipina dan Papua New Guinea.

Persidangan ini bertujuan untuk berkongsi kepakaran dan pengalaman serta membincangkan berkaitan hidupan marin dalam meningkatkan kesejahteraan kualiti hidup, kesejahteraan ekologi, biodiversiti dan memulihkan habitat akuatik semulajadi yang terlibat. Ia juga secara tidak langsung berkongsi maklumat berkaitan terumbu tiruan dan potensi terumbu tiruan dalam pengurusan perikanan di peringkat antarabangsa.

Galeri Penyelidikan INOS

Galeri Penyelidikan INOS telah ditubuhkan pada tahun 2017 bertujuan untuk memberi pelbagai maklumat dan rujukan berkaitan kajian oseanografi dan marin yang dijalankan di UMT. Penubuhan galeri memaparkan sumbangan penyelidik UMT hasil kejayaan penyelidikan dalam bidang marin.

Susun atur di dalam galeri memberi ruang kepada para pelawat untuk mengalami suasana yang menarik dan selesa semasa tempoh lawatan. Ini memberi keselesaan kepada para pengunjung yang datang. Galeri yang mempelbagaikan spesis hidupan marin itu menerima kunjungan dan sambutan yang sangat baik daripada pelbagai pihak termasuk pelajar sekolah.







Rapid Biofloc: Teknologi Hijau untuk Kemampanan Industri Akuakultur



Media UMT

Sinar H... | Bernama | Utusan | Kosmo | Metro | New Str... | The Star | Berita H... | Teganuku...

Sinar harian

12 Oktober 2017

Inovasi Bioflok cegah ternakan udang mati

KUALA TERENGGANU – Inovasi melalui teknologi Bioflok yang dihasilkan sekumpulan penyelidik dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dijangka mampu mengatasi masalah dialami industri ternakan udang di negara ini.

Hasil penyelidikan selama hampir tiga tahun bermula 2012 hingga 2015 itu kini telah diuji di kolam ternakan udang putih di Kuala Gula, Perak sejak Februari 2016 dan terbukti berkesan dalam menangani masalah early mortality syndrome (EMS) atau kematian pada peringkat awal ternakan.

Pensyarah Jabatan Akuakultur Tropika (Akuatrop), UMT, Dr Nor Azman Kasan berkata, EMS adalah serangan penyakit malah sejak 2010 kebanyakan penternak udang di negara ini mengalami kerugian yang berterusan akibat masalah itu.

Justeru, katanya, pihaknya mengambil inisiatif menghasilkan teknologi Bioflok iaitu sejenis makanan tambahan yang dihasilkan melalui pembentukan bakteria bermanfaat bagi mengurangkan kandungan nutrien yang tidak diperlukan dalam kolam ternakan.

Beliau berkata, makanan tambahan itu akan diletakkan sekali dalam kolam ternakan dan apabila ia dimakan oleh ternakan itu, ia akan membantu dari segi meningkatkan sistem imunisasi ternakan sekaligus meningkatkan produktiviti.

"Bioflok (biofloc) diambil dari dua perkataan iaitu bio (kehidupan) dan floc (gumpalan). Ia boleh didefinisikan sebagai bahan organik hidup yang bersatu menjadi gumpalan terdiri dari pelbagai mikroorganisma air termasuk bakteria, alga, fungus, protozoa, dan organisma lain.

"Kelebihan Bioflok ialah membantu mengurangkan kandungan bahan tercemar dalam air, bakteria tak makan udang, ia makan nutrien yang terdapat dalam air dan apabila nutrien dah kurang, kualiti air akan terjaga," katanya ketika ditemui ketika Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA 2017) di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negeri, Gong Badak.

Beliau yang juga ketua projek berkata, kelebihan produk inovasi itu boleh dihasilkan secara natural tetapi pertumbuhannya memerlukan jangka masa yang panjang lebih 30 hari ke atas.

"Sebenarnya, bagi ternakan udang peringkat yang perlu dijaga secara rapi ialah pada peringkat larva, jadi, bagi mempercepatkan pertumbuhan bioflok (rapid biofloc), kita kini telah mendapat inovasi baharu di mana ia berjaya dihasilkan seawal 10 hari.

"Jadi, kini seawal 10 hari kolam ternakan dah ada biofloc dan secara tidak langsung kondisi air dalam ternakan dah cantik (selamat) dan jagaan tadi dah sesuai untuk ternakan udang bermula daripada peringkat larva," katanya yang kini telah mendapat lima pengiktirafan hasil penyelidikan itu.

Nor Azman berkata, penyelidikan itu dihasilkan bersama 11 pelajar UMT dan dua daripadanya adalah pelajar peringkat sarjana.

Menurutnya, penyelidikan menerusi Projek Pemindahan Ilmu (KTP) itu mendapat pembiayaan di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS).

"Kini kita dalam proses untuk mengkomersialkan hasil penyelidikan ini di mana ia kini disambut baik oleh penternak udang," katanya.

Nor Azman menunjukkan hasil kajian Bioflok yang dijangka mampu membantu menangani masalah ternakan udang yang dialami di negara ini.

'Rapid Biofloc' merupakan produk teknologi hijau yang telah diperkenalkan oleh Dr. Nor Azman Bin Kasan yang bertujuan untuk mengurangkan kerosakan alam sekitar di samping memaksimumkan pengeluaran udang putih, *Penaeus vannamei*. Produk ini dicipta khas untuk meningkatkan kualiti air ternakan dan tahap kesihatan udang memandangkan tiada penggunaan teknologi ini secara intensif pada skala industri. Bagi mencapai pertumbuhan yang maksimum, 'Rapid Biofloc' telah diaplikasikan ketika penternakan *P. vannamei* yang mana inokulum bakteria penghasil biofloc telah ditambah semasa pelepasan anak benih 'post-larvae' (PL) di dalam kolam asuhan. Sampel air, udang dan biofloc telah dikumpulkan setiap selang sepuluh hari bermula dari stok PL sehingga tempoh penuaian udang (±100 hari). Berbanding kaedah konvensional yang mengambil masa lebih 30 hari untuk pembentukan biofloc, teknologi 'Rapid Biofloc' hanya mengambil masa yang lebih singkat iaitu seawal lima hari untuk pembentukannya.

Penggunaan produk tersebut telah dibuktikan penggunaannya dengan membantu mengurangkan serangan penyakit *Early Mortality Syndrome (EMS)*, meningkatkan pengeluaran udang di samping mengawal kualiti air ditahap yang optimum. Teknologi ini juga telah berjaya meningkatkan pengeluaran udang putih sebanyak dua kali ganda berbanding kaedah konvensional dengan kerjasama pemain industri udang putih di Malaysia iaitu Hannan Marine Sdn. Bhd. di Kuala Gula, Perak. 'Rapid Biofloc' telah berjaya dipatenkan pada September 2017 dan bakal dikomersialkan dengan kerjasama *Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn. Bhd*. 'Rapid Biofloc' telah memenangi lima anugerah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa iaitu:

i. Pingat Emas di *13th Annual of Seoul International Invention Fair* (SIIF), Korea
ii. Pingat Emas dan Anugerah Khas "*Special Translational Award*" di Minggu Penyelidikan dan Inovasi (MPI'17)
iii. Pingat Emas di *28th International Invention, Innovation & Technology Exhibition* (ITEX) 2017
iv. Pingat Perak di PECIPTA 2017

laporan tahunan2017.indd 92 11/06/2018 3:32 PM

Marno: *Marine Silver Nanoparticle Reducing Agent from Malaysian Shore*

MARNO merupakan partikel perak bersaiz nano yang dihasilkan dari poliket (*polychaetes*) atau dikenali juga sebagai cacing laut atau umpun-umpun sebagai bahan penurun. Kajian ini diketuai oleh Dr. Wan Iryani Binti Wan Ismail dari Pusat Pengajian Sains Asas (PPSA).

Produk ini sedang dalam usaha sama untuk dikomersilkan dan ia juga telah mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa antaranya:

a) Pingat Emas dalam Minggu Penyelidikan dan Inovasi (MPI) 2017

b) Anugerah Khas *Bioeconomy Innovation of the Year* 2017 di BioMalaysia 2017

a) Pingat Emas *The Most Innovative Product* BioMalaysia 2017

b) Pingat Perak *The Most Commercial Ready* BioMalaysia 2017

c) Pingat Emas Pecipta 2017

d) Pingat Gangsa *Seoul International Innovative Fair* (SIIF) 2017





Kerjasama dan Penyelidikan bersama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

UMT telah terpilih untuk bekerjasama dalam menyelesaikan masalah tumpahan minyak sawit semasa pembersihan tangki kapal kargo di perairan sejuk. Isu antarabangsa ini telah dibangkitkan di persidangan *International Convention for the Prevention of Pollution from Ships* (MARPOL), *International Maritime Organization* (IMO) dan dibincangkan di dalam Jawatankuasa kecil *Pollution Preparedness and Response* (PPR) dalam *Evaluation of Safety and Pollution Hazards* (ESPH).

Satu pasukan kerja telah ditubuhkan di peringkat kebangsaan dan dianggotai oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia, Jabatan Laut Malaysia, Institut Maritim Malaysia, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan UMT. Pasukan kerja ini telah membentuk kajian biodegradasi dan toksikologi minyak sawit di persekitaran marin yang pertama di Malaysia yang sedang dilaksanakan oleh penyelidik Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran (PPSMS) dan MPOB.

laporan tahunan2017.indd 93 11/06/2018 3:32 PM

Anugerah Buku Negara 2017

Tahun 2017 merupakan tahun yang cemerlang bagi Penerbit UMT yang mana empat naskhah penerbitan telah memenangi empat kategori dalam Anugerah Buku Negara 2017 bersempena penganjuran Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2017. Anugerah-anugerah berkenaan



Kategori Buku Zoologi Terbaik

Pengarang: **Profesor Dato' Dr. Mohd Tajuddin Bin Abdullah**

"Evolusi dan Biogeografi Mamalia Malaysia"



Kategori Buku Biografi Pentadbiran Terbaik

Pengarang: **Dato' Prof. Madya Dr. Noraien Binti Mansor**

Tan Sri Samsudin Osman Demi Perkhidmatan Awam dan Negara Kerana-Nya Jua"



Kategori Buku Ilmiah Terbaik

Pengarang: **Muhammad Hafiz Bin Sulaiman dan Chong Ju Lian**

Tenggiling Sunda Khazanah Alam Malaysia



Kategori Buku Terjemahan Terbaik

Pengarang: **Seah Ying Giat dan Mazlan Bin Abd Ghaffar**

Ikan Lut Sinar

laporan tahunan2017.indd 94 11/06/2018 3:32 PM

Penganjuran Majlis Berimpak Tinggi

UMT juga diberi tanggungjawab dalam pelbagai penganjuran majlis yang berimpak tinggi. Penganjuran ini secara tidak langsung memberi impak dan meningkatkan imej penyelidikan di UMT.

PECIPTA 2017

UMT dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah diberi kepercayaan oleh KPT dalam penganjuran PECIPTA 2017. Majlis ini merupakan satu bentuk platform pameran hasil ciptaan dan inovasi produk penyelidikan, *business matching and pitching*, *Icon Talk* dan pelbagai lagi aktiviti berkaitan inovasi penyelidikan.

PECIPTA 2017 telah melakar sejarah buat pertama kalinya ia diadakan di luar ibu kota selepas edisi-edisi terdahulu berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). PECIPTA Merupakan acara Dwitahunan yang dianjurkan secara bersama antara KPT dan Universiti Awam Sejak Tahun 2011. Sebanyak 400 lebih produk yang menyertai pameran ini dari dalam dan luar negara seperti Indonesia, Thailand, China, Vietnam, Belgium dan United Kingdom. Selain pameran reka cipta dan inovasi, turut diadakan adalah Program Penggalakan Pemindahan Ilmu Universiti - Komuniti dengan pelbagai pengisian menarik seperti Pertandingan Robotik dari sekolah-sekolah, Pameran Sains, Y.E.S. Explorace, empower Mind Games Challenge, demo produk-produk kreatif serta jualan kenderaan saji (food truck). Kejayaan membawa pameran ini ke Terengganu telah memberi manfaat kepada komuniti setempat.





laporan tahunan2017.indd 95 11/06/2018 3:32 PM

7Th Malaysian International Seminar On Antartica (MISA'7)

UMT telah menjadi tuan rumah bagi penganjuran majlis perasmian *7th Malaysian International Seminar on Antartica* (MISA 7). Majlis ini merupakan kerjasama antara Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM), UMT, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kerajaan Negeri Terengganu dan telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu.

Seminar ini memberi pendedahan kepada agensi luar terhadap penyelidikan di kawasan antartik dan potensi kepada UMT dalam menjalin hubungan luar dalam bidang tersebut.







laporan tahunan2017.indd 96 11/06/2018 3:32 PM

Penerbitan

Berikut adalah penerbitan yang telah diterbitkan oleh ahli akademik sepanjang tahun 2017.

Jumlah Penerbitan yang diterbitkan dalam SCOPUS/ WOS/ERA

493
Terindeks Scopus/WOS/ERA

127
Konferens Prosiding

Peringkat Kolaborasi Penerbitan

25
Kolaborasi Industri

145
Kolaborasi Antarabangsa

620
Kolaborasi Kebangsaan

4,932
Jumlah Sitasi (SCOPUS) bagi tempoh 5 tahun kebelakang

Bilangan Penerbitan, Kolaborasi Penyelidikan dan Jumlah Sitasi yang Dicapai oleh UMT Sepanjang Tahun 2017



336
Penerbitan artikel dan prosiding selain di No.1

22
Buku Penyelidikan

4
Bab Dalam Buku Penyelidikan

3
Kertas Polisi

178
Lain-lain penerbitan *(case studies, technical reports, articles in magazines, newsletters, original writings and publications from conferences, digital or print media)*

laporan tahunan2017.indd 97 11/06/2018 3:32 PM

Rumusan

Pencapaian UMT dalam menghasilkan penyelidikan dan inovasi berimpak tinggi terus meningkat apabila meraih pelbagai pengiktirafan di dalam negara serta peringkat antarabangsa. Pencapaian dan kejayaan yang dikecapi sepanjang tahun 2017 merupakan asas yang kukuh untuk UMT terus bergerak ke hadapan dengan lebih cepat ke arah mencapai matlamat menjadi sebuah universiti yang lebih berfokus dan berkualiti dalam menghasilkan karya penyelidikan.

Pencapaian dalam penyelidikan dan inovasi masih boleh dibanggakan, walaupun terdapat kekangan kewangan kerana pengurangan peruntukan yang diterima daripada peruntukan geran kerajaan. Oleh itu, pelbagai inisiatif telah diambil antaranya menggalakkan para penyelidik mencari dan mendapatkan geran-geran dan tajaan dari institusi luar Negara, memberikan latihan dan panduan untuk mereka menghasilkan kertas cadangan sehingga mencapai tahap yang dikehendaki di samping meningkatkan jaringan penyelidikan.

275
projek penyelidikan baharu dan aktif

RM11,136,260.61
jumlah geran agensi luar

956
Penerbitan artikel dan prosiding

3 PRODUK
telah dilesenkan kepada syarikat

10 PRODUK
telah didaftarkan

laporan tahunan2017.indd 98 11/06/2018 3:32 PM



laporan tahunan2017.indd 99 11/06/2018 3:32 PM



Larva Belut
Angguila spp.

laporan tahunan2017.indd 100 11/08/2018 3:32 PM



Pembangunan Pelajar dan Alumni

laporan tahunan2017.indd 101 11/08/2018 3:32 PM



laporan tahunan2017.indd 102 11/06/2018 3:32 PM

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) telah memperkenalkan kerangka Pembangunan Holistik Pelajar yang memberikan penekanan kepada keseimbangan keperluan pembelajaran sepanjang hayat, pembangunan kepimpinan pelajar dan membina alumni unggul. Hal ini penting untuk melahirkan graduan yang berkualiti, berdaya saing serta mempunyai kebolehpasaran yang tinggi. Pada tahun 2017, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah melaksanakan pendekatan menyeluruh dan bersepadu yang menggabungkan elemen keusahawanan, inovasi, kesukarelawanan dan minda global bagi mencapai objektif program pembangunan holistik pelajar.

Persatuan dan Badan Pelajar

Program dan aktiviti untuk pembangunan holistik pelajar dimantapkan lagi dengan kewujudan 114 persatuan dan badan pelajar yang berdaftar di UMT. Rajah di bawah menunjukkan pecahan persatuan dan badan pelajar mengikut kluster.



Kluster bagi Persatuan dan Badan Pelajar yang Berdaftar.

laporan tahunan2017.indd 103 11/06/2018 3:32 PM

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 530 aktiviti persatuan dan badan pelajar telah berjaya dilaksanakan. Rajah di bawah menunjukkan bahawa aktiviti yang berteraskan sosial mempunyai kekerapan yang paling tinggi berbanding dengan aktiviti lain bagi tahun 2016 dan 2017.



Kategori Aktiviti Anjuran Persatuan dan Badan Pelajar di UMT

Program Kesukarelawanan Mahasiswa UMT

Sepanjang 2017, sebanyak 29 program kesukarelawan telah diadakan yang terdiri daripada empat program di peringkat antarabangsa dan 25 program di peringkat kebangsaan dan negeri. Penganjuran program seumpama ini bertujuan mendidik dan membentuk kemahiran kepimpinan, melatih mahasiswa untuk berfikir secara kritis serta mampu menjana idea yang kreatif dan matang. Selain itu, program ini juga dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa mengenai suasana di luar kampus, budaya pendidikan serta kerja-kerja amal dalam masyarakat.



laporan tahunan2017.indd 104 11/06/2018 3:32 PM

Peringkat Antarabangsa

Rajah di bawah menunjukkan empat program pengantarabangsaan yang telah dilaksanakan dan disertai oleh mahasiswa UMT. Para mahasiswa telah didedahkan dengan pengalaman sebenar berdepan dengan kesukaran dan kedaifan penduduk di setiap negara yang dikunjungi. Penganjuran misi kemanusiaan ini bertujuan untuk membantu meringankan beban masyarakat dengan memberi sumbangan kepakaran dan pemberian keperluan asas kepada masyarakat yang memerlukan.

Misi Kemanusiaan Kemboja -Vietnam (Misi K)

- Penganjur: Kelab Kelab Pengurusan Acara (EMAC)

Misi Kemanusiaan Demi Mu Phillippines

- Penganjur: Kelab Kelab Debat dan Intelektual UMT (DEMI UMT)

Misi Sukarelawan Siswa YSS-ASEAN 2017

- Penganjur: YSS (Yayasan Sukarelawan Siswa)

Misi Kemanusiaan Pemadam Siri 1 ke Kemboja

- Penganjur: Kelab PEMADAM UMT





laporan tahunan2017.indd 105 11/06/2018 3:32 PM

Peringkat Kebangsaan dan Negeri

Pelbagai program kesukarelawanan di peringkat kebangsaan dan juga bersama komuniti setempat telah berjaya dianjurkan dan disertai oleh pelajar UMT sepanjang tahun 2017. Sejumlah 25 program kesukarelawan dan beberapa program berimpak tinggi telah berjaya dilaksanakan.

Jejak Bakti Pahang
- Penganjur: Himpunan Mahasiswa Matematik

Anak Angkat Mutiara Jelajah Johor Integra 2017
- Penganjur: Intelligent Graduate Students Of Aquaculture

Ekspedisi Berjalan Kaki & Berkenderaan Awam Jelajah Mahsuri 3.0
- Penganjur: Persatuan Pengakap Laut Kelana Siswa UMT

Selulun Duck
- Penganjur: Sekretariat Anak Johor UMT)

Jelajah Johor Fasa VII
- Penganjur: Sekretariat Anak Johor UMT

Silent Food Truck
- Penganjur: Sekretariat Anak Johor UMT)

Program Tautan Kasih Desa
- Penganjur: Kelab Penyayang UMT

Bakti Siswa
- Penganjur: Kelab Kebudayaan Baratham





Touch Point, Membaik Pulih Rumah Komuniti

- Penganjur: Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)

Program Amal Setapak Kasih Sekalung Bakti

- Penganjur: Kelab Intelligent Graduate Students Of Aquaculture

Explore Science Camp

- Penganjur: Kelab Sains Kimia

Beach Clean Up

- Penganjur: Kelab Teknologi Alam Sekitar

Spread The Love

- Penganjur: Kelab Penyayang UMT

Komuniti Ke Asrama Kebajikan Anak-Anak Yatim/Fakir Miskin Darul Akhyar Maidam

- Penganjur: Kelab Teater Layar Opera

Baju Raya Project (BRP) UMT 2017

- Penganjur: Kelab Kelab Pengurusan Acara (EMAC)

Program Kemasyarakatan Membantu Gelandangan

- Penganjur: Warisan

Go Green Scout With Community 2.0

- Penganjur: Persatuan Pengakap Laut Kelana Siswa UMT

Mass Volunteer MASKUM

- Penganjur: Gabungan Kelab Persatuan

Tautan Muhabbah 2.0

- Penganjur: YSS (Yayasan Sukarelawan Siswa)

Lawatan Ke Rumah Orang Kurang Upaya

- Penganjur: Kelab Sains Kimia

The Breakthrough

- Penganjur: Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung

Rethink The Future! Dare The World! Save The Planet!

- Penganjur: Kelab Kebudayaan Baratham

Komuniti Siswa IPT Bersama Nelayan

- Penganjur: Kelab PEMADAM UMT

Kasih Tersemai Bersamamu Gelandangan

- Penganjur: Sekretariat Rakan Muda UMT

Kem Motivasi Kuala Dungun 2017/2018

- Penganjur: Persatuan Pelajar Cina UMT



Badan Beruniform

Terdapat empat pasukan Badan Beruniform Elit di UMT yang diurus dan diselaraskan oleh Pusat Kokurikulum dan Pusat Pendidikan Asas dan Liberal (PPAL), UMT. Mereka terdiri daripada pasukan Kor Sukarelawan Polis (SUKSIS), Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Laut, Pasukan Askar Simpanan Tentera Darat (WATANIAH) dan Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA). Sepanjang tahun 2017, pelbagai aktiviti telah berjaya dianjurkan dan disertai oleh setiap pasukan Badan Beruniform Elit UMT. Jumlah aktiviti tersebut mengikut pasukan adalah seperti mana rajah di bawah:



Jumlah aktiviti yang dilaksanakan oleh Badan Beruniform Elit.





Seperti mana tahun-tahun yang lepas, beberapa pencapaian yang cemerlang dan membanggakan telah berjaya dicapai oleh kesemua pasukan Badan Beruniform Elit UMT. Berikut adalah pencapaian yang diperolehi oleh pelajar mengikut pasukan masing-masing seperti di dalam jadual di bawah:



WATANIAH

Kursus Asas Perajurit Muda (Sukarela) Siri 3/2017

- Terbaik Keseluruhan
- Kawad Lelaki Terbaik
- Kawad Wanita Terbaik
- Penembak Wanita Terbaik



PALAPES (L)

Kursus Asas Pegawai Kadet PALAPES (L) UMT

- Kadet Terbaik

Istiadat Pentauliahan Diraja Pegawai Kadet PALAPES UA)

- Pedang Kehormat



SISPA

Pentauliahan Kebangsaan SISPA 2017

- Pegawai Kadet Terbaik

Civil Defence Beach Lifeguard Challenge 2017)

- Johan Beach Flag SISPA
- Johan Beach Sprint 100 M SISPA

Karnival Sukan Badan Beruniform Universiti Awam Negeri Terengganu

- Johan Keseluruhan



SUKSIS

Majlis Tamat Latihan Dan Penyampaian Sijil Pelantikan Pegawai Kor Suksis UA Kali Ke-13 Tahun 2017

- Pelatih Terbaik Keseluruhan
- Pelatih Terbaik Latihan Luar
- Pelatih Terbaik Latihan Akademik

Seminar Memperkasakan Amalan Terbaik Kor Suksis Universiti Awam Peringkat Kebangsaan

- Pingat Perak Pertandingan Video Pendek dan Pertandingan Pameran

laporan tahunan2017.indd 109 11/06/2018 3:32 PM

Sukan dan Rekreasi

Pembangunan sukan pelajar sentiasa diberi perhatian oleh pihak UMT bagi memastikan ia seiring dengan pembangunan sahsiah pelajar. Sepanjang tahun 2017, UMT telah berjaya mencipta kejayaan yang cemerlang dalam beberapa pertandingan sukan yang diadakan sama ada di dalam dan di luar Terengganu. Kejayaan tersebut telah menjadi pemangkin dan pendorong kepada pelajar untuk mencapai kejayaan yang lebih besar seterusnya menjulang nama UMT ke persada sukan antarabangsa.

Di antara kejayaan tersebut adalah pencapaian Saudari Azizatul Asma binti Abdullah, pelajar tahun dua Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim (Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan) telah memenangi pingat emas acara Endurance Berpasukan, SUKAN SEA Ke-29, 2017. Turut membanggakan UMT adalah pencapaian mengagumkan pasukan bola sepak UMT yang meraih juara dalam Kejohanan Liga Bola Sepak Piala Menteri Pendidikan Tinggi Divisyen 2 dan layak untuk beraksi di dalam kumpulan Divisyen 1 pada Kejohanan Liga Bola Sepak Piala KPT tahun 2018. Kejayaan-kejayaan lain sepanjang 2017 adalah seperti berikut:







ANTARABANGSA



MBSA International Volleyball Championship Mayor Cup
Separuh akhir (tempat ke-4)
12 pasukan dari seluruh Asia termasuk dari Taiwan, Thailand, Indonesia, Singapura, Oman, Malaysia



15th Royal Langkawi International Reggata 2017 (RLIR)
Tempat ke-3
UMT Sailing Team: di Pulau Langkawi, 9-14 Januari 2017.

KEBANGSAAN



Sukan SEA Kuala Lumpur 2017
Saudari Azizatul Asma Binti Abdullah, Acara Endurance
Berpasukan
Pingat Emas



Kejohanan Liga Bola Sepak Piala Menteri Pendidikan Tinggi Divisyen 2
Juara



Regatta Kayak Kebangsaan Terengganu Sprint 200m
Tempat ke-2 (L)
Tempat ke-3 (W)



Kejohanan Sukan MASUM Rowing-Kayak 2017
2 Perak
Women Single Scull
Women Double Scull



Kejohanan 5th UTeM Invitation Taekwondo (WTF) Championship 2017
1 pingat Emas dan 2 pingat Perak



Kejohanan Golf Piala Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT), Sirkit 2, 2017

Saudara Harresh Chandran dan Saudara Iqbal Hakeem Azhar
Kedudukan 20 terbaik daripada 70 peserta. Layak beraksi di Grand Finale Golf Piala KSU KPT.

laporan tahunan2017.indd 111 11/06/2018 3:32 PM

KEBANGSAAN

Kejohanan Woodball Remaja Kebangsaan 2017
1 pingat Emas dan 3 pingat Perak

Penyertaan dan Pencalonan pelajar ke Anugerah Sukan MASUM 2016
Anugerah Atlet Terbaik Universiti –
- Mohd. Fauzan Bin Mohamad (Sukan Woodball)
- Siti Syamimi Binti Rahman (Sukan Woodball)

Karnival Sukan MASUM UKM 2017
2 pingat Gangsa: Tempat 19 /20 IPTA

Grand Finale Sirkit Skuasy IPT 2017
- Johan Grand Finale Skuasy IPT 2017
- Johan Keseluruhan Skuasy IPT 2017

NEGERI/ UMT

Kejohanan Sukan Antara Pusat Pengajian (SUAPP) Kali 16, 2017 (Fasa 1)

Anjuran : Pusat Sukan dan Rekreasi dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) & Majlis Sukan Pelajar (MSP) & Kelab-Kelab Sukan Pelajar
Acara: Bola Tampar (L/W), Bola Keranjang (L/W), Sepak Takraw & Bola Jaring.

Seramai 1,000 orang pelajar mengambil bahagian





Kebudayaan dan Kesenian

Pusat Kebudayaan dan Kesenian, HEPA sentiasa berusaha untuk mengangkat martabat seni dan budaya dalam kalangan pelajar UMT. Antara pencapaian dan anugerah tertinggi yang berjaya dicapai adalah seperti di dalam rajah di bawah:

Pencapaian Aktiviti Kebudayaan dan Kesenian

Pertandingan Intervarsity Dance Competition 2017
Dewan Anwar Mahmud, UKM Bangi
Johan
(Kelab Baratham)

Pertandingan Puisi Tari Peringkat Zon Timur 2017
Tapak Pesta Konvo UMT
Johan
(Kelab Persadatari)

Piala Debat Tamil Kebangsaan
Auditorium Mahyuddin, Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim
Johan dan Pendebat Terbaik
(Kelab Baratham)

Bengkel Terapi Seni
Studio Pancha Delima, Pusat Kebudayaan dan Kesenian, HEPA
Program USR bersama pelajar di bawah Program Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran), Sek. Men. Keb. Kompleks Mengabang telipot.

Radio Kampus UMT.fm
Konti Radio, Kompleks Siswa
Pelajar telah dipilih menjadi DJ Radio yang telah beroperasi secara maksima bermula jam 10.00 pagi – 4.00 petang melalui pautan http://radio.umt.edu.my/ ataupun dengan melayari page facebook UMT.fm







laporan tahunan2017.indd 113 11/06/2018 3:33 PM

Kebajikan dan Kerohanian

UMT komited dalam memastikan kebajikan pelajar yang kurang berkemampuan sentiasa terpelihara. Bagi memastikan pelajar mendapat perkhidmatan terbaik, pengurusan kesejahteraan kewangan pelajar telah ditambahbaik dengan adanya sistem permohonan atas talian My-Ihsan. Bantuan kebajikan pelajar berjumlah RM64,500.00 telah berjaya disalurkan kepada 232 orang pelajar pelajar yang menghadapi masalah kewangan.

Di samping itu, UMT juga telah menerima sumbangan zakat berjumlah RM153,800.00 daripada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Etiqa Takaful Malaysia Berhad, Maybank dan Bank Islam Malaysia Berhad seperti mana di dalam rajah di bawah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM147,000.00 telah diagihkan kepada para pelajar UMT melalui skim dermasiswa yang diperkenalkan iaitu Dermasiswa Al-Islah, Dermasiswa Al-Amin dan Dermasiswa Al-Falah.

DANA ZAKAT DITERIMA

RM45,000
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)

RM28,800
ETIQA Takaful Malaysia Berhad

RM20,000
Bank Islam Malaysia Berhad

RM60,000
Maybank

RM153,800
JUMLAH KESELURUHAN





laporan tahunan2017.indd 114 11/06/2018 3:33 PM

TABUNG ZAKAT PELAJAR

Dermasiswa Al-Islah Bank Islam & MAYBANK

51
Jumlah Penerima

RM35,700.00
Jumlah Agihan

Dermasiswa Al-Islah MAIDAM

79
Jumlah Penerima

RM52,000.00
Jumlah Agihan

Dermasiswa Al-Islah Diploma

13
Jumlah Penerima

RM3,500.00
Jumlah Agihan

Dermasiswa Al-Amin

87
Jumlah Penerima

RM51,300.00
Jumlah Agihan

Dermasiswa Al-Falah

9
Jumlah Penerima

RM4,500.00
Jumlah Agihan

239
Jumlah Keseluruhan Penerima

RM147,000.00
Jumlah Keseluruhan Agihan

Seterusnya, pelbagai program pembangunan kerohanian pelajar juga telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017. Program-program tersebut bertujuan untuk:

- Memberi pengetahuan dan kefahaman Islam yang sebenar kepada pelajar melalui aktiviti pengimarahan masjid.
- Meningkatkan kesedaran pelajar terhadap program-program penghayatan syiar terutama hari-hari kebesaran Islam.
- Meningkatkan pengetahuan pelajar melalui latihan dan pendidikan yang berterusan.
- Meningkatkan kecaknaan pelajar terhadap isu-isu semasa, integrasi ilmu dan kepentingan dakwah.
- Meningkatkan kemahiran insaniah pelajar melalui program-program kesukarelawanan, kepimpinan dan komunikasi.



laporan tahunan2017.indd 115 11/06/2018 3:33 PM

Program-program tersebut berasaskan kepada lima teras seperti yang berikut:



Keusahawanan dan Kerjaya

Bagi memupuk minat keusahawanan, Pusat Keusahawanan dan Kerjaya (CEC) telah mewujudkan ekosistem keusahawanan yang kondusif, terancang dan holistik selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016-2020. Justeru itu, UMT telah menghantar penyertaan pelajar UMT dalam pertandingan peringkat kebangsaan dan telah mencapai kejayaan yang sangat membanggakan seperti di dalam rajah berikut:

laporan tahunan2017.indd 116 11/06/2018 3:33 PM

Senarai Pertandingan Keusahawanan dan Inovasi

Enactus Malaysia National Cup (EMNC) 2017

Tajuk Projek:
EastVege

Tempat ke-3

BootCamp KPT-TERAJU SUPERB Higher Education League 2017

Tajuk Projek:
Project Tera Ikan Sangkar Sg. Pahang

Peringkat saringan kedua

Siswapreneur Markethon Challenge

Tajuk Projek:
Design Challenge

Tempat ke-5 & (wang tunai RM1,000.00)

Program Varsity Entrepreneurship Skills and Talent (VEST)

Tajuk Projek:
- **Aryfa.co**
- **Aquaventure**

Pusingan ke-2 peringkat Zon Pantai Timur

Siswapreneur Showcase Siri 5 Tahun 2017 : KB Mall, Kelantan

Muhazid Kaligrafi
Tempat ke-2 Jualan Tertinggi

Bakery Project UMT
Tempat ke-5 Jualan Tertinggi

Ainzampa Beautician
Tempat ke-7 Jualan Tertinggi

Cupcake Decoration
Johan

Business Explorace
Tempat ke-3

Social Innovation Challenge

Tajuk Projek:
Faith

Tempat ke-2 (geran pembangunan projek berjumlah RM15,000.00)

laporan tahunan2017.indd 117 11/06/2018 3:33 PM

Kebolehpasaran Graduan 2017

Kebolehpasaran Graduan (GE) merupakan petunjuk penting kejayaan program-program yang dilaksanakan sepanjang tempoh pengajian pelajar di UMT. Bagi mendapatkan data kebolehpasaran pada tahun 2017, Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG1) dibuka bermula 1 November sehingga 1 Disember 2017, sempena tarikh konvokesyen iaitu bermula 18 hingga 20 November 2017. Berikut adalah ringkasan penemuan Kajian Pengesanan Graduan (SKPG-1):

Kadar Respons Graduan UMT 2017



Bilangan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian



laporan tahunan2017.indd 118 11/06/2018 3:33 PM

Bilangan Graduan Mengikut Status Pekerjaan



Bilangan Graduan Mengikut Status Bekerja





laporan tahunan2017.indd 119 11/06/2018 3:33 PM

GE merupakan antara KPI utama yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kepada semua Universiti Awam (UA) dan sasaran di peringkat kebangsaan adalah 80%. Walau bagaimanapun, sasaran GE yang ditetapkan oleh KPT kepada UMT pada tahun 2017 ialah 70%. Pencapaian GE UMT pada tahun 2017 adalah 73.22% yang dicatatkan semasa Majlis Konvokesyen 2017. Antara program dan aktiviti yang dilaksanakan bagi meningkatkan pencapaian GE adalah seperti berikut:



laporan tahunan2017.indd 120 11/06/2018 3:33 PM

Alumni UMT

Seramai 2,519 Alumni telah berjaya menamatkan pengajian mereka pada tahun 2017. Pelbagai program telah dijalankan dengan kerjasama pusat-pusat pengajian bagi memupuk budaya 'Kami Cakna Kami Sayang UMT'. Beberapa program telah dianjurkan oleh Seksyen Perhubungan Alumni dalam melebarkan jaringan antara alumni dan komuniti sekitar kampus. Aktiviti-aktiviti tersebut seperti di dalam jadual di bawah:

UMT Grand Alumni Homecoming 2017	Bertujuan merapatkan hubungan alumni dan membuka ruang kepada alumni untuk kembali berbakti di alma mater mereka sendiri. Sistem alumni (E-Alumni) dan logo Persatuan Alumni UMT telah dilancarkan pada malam tersebut. Beberapa anugerah juga telah disampaikan bagi menghargai jasa dan sumbangan mereka kepada pemerkasaan Alumni.
Program "*New Student-Alumni Meet And Greet*" Semester I 2017/18	Bertujuan untuk membantu pelajar baharu menyesuaikan diri dengan kehidupan di kampus serta menjalinkan hubungan erat di antara alumni dan pelajar baharu dari segi pertukaran pengalaman dan maklumat.
Program Kenali Bio-D@UMT Dan Forum Alumni - Future of Biodians	Bertujuan untuk membantu pelajar baharu menyesuaikan diri, mengenali tempat dan juga memahami peranan dan tanggungjawab serta hala tuju mereka sebagai pelajar di universiti.
Kejohanan Golf Alumni UMT	Bertujuan untuk mengumpul dana bagi membiayai pelbagai kegiatan kebajikan pelajar sama ada dalam bidang akademik, sahsiah dan bidang kerjaya.





Kolej Siswa Sebagai Pusat Pembelajaran Kedua

Kolej Siswa merupakan sebuah pusat tanggungjawab di bawah Timbalan Naib Canselor HEPA yang berfungsi bukan sahaja sebagai penempatan pelajar dalam dan luar kampus tetapi turut berperanan sebagai pusat pembelajaran kedua kepada para pelajar. Pada tahun 2017, statistik menunjukkan seramai 3,756 orang pelajar (35%) berada di dalam kampus dengan 1,025 orang di Kolej Sheikh Abdul Malek (KKSAM), 2,728 orang di Sheikh Abdul Rahman Limbong (KSARL) dan 7,048 (65%) orang pelajar luar kampus.

Pada masa kini, Kolej Siswa turut menempatkan pelajar antarabangsa yang kebanyakannya terdiri daripada pelajar pascasiswazah iaitu seramai 46 orang.









Secara keseluruhannya, pelbagai program telah dilaksanakan untuk memberi manfaat kepada pelajar yang menghuninya dengan tiga aspek utama iaitu penguasaan Bahasa Inggeris, kerohanian dan sosial dan masyarakat. Kolej Siswa turut menjalankan beberapa aktiviti melibatkan pelajar melalui Felo Kolej Siswa (FKS), Majlis Kolej Siswa (MKS) dan Majlis Pelajar Luar Kampus (MPLK). Antara program utama yang dianjurkan adalah seperti berikut:

Sosial dan Masyarakat

- Masterchef UMT
- Show Me How Workshop 2017
- Meh Pakat Lawat Komuniti
- Jom Deco 2.0
- Terapi Alternatif
- Riang Ria Raya Aidilfitri
- Kursus 'Crisis Management Team' (CMT 2.0)
- Lawatan Penanda Aras Ke Universiti Utara Malaysia(UUM) dan Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)
- Colour Run 3.0
- Malam Jasa Bakti (Masakti) 2017
- Kejohanan Futsal Piala Luar Kampus (PLUK)
- Monsoon Run
- Hulurkan Tangan Ringankan Beban (HTRB) 2017
- Majlis Sepetang Kolej Siswa Bersama Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar) Pusat Pengajian, UMT
- Program Cakna Luar Kampus

Kerohanian

- Jelajah Iftar
- Spiritual Building
- Singgah Sahur
- Sesuci Ramadhan 'Sebungkus Iftar'

Bahasa

- *Grammar is Fun*
- *Speak Up*
- English Festival 2017



laporan tahunan2017.indd 123 11/06/2018 3:33 PM

Kejayaan Pelajar 2017

MPP Terpilih Mewakili Malaysia Ke Aston Summer Programme 2017

Kecemerlangan pelajar UMT terbukti apabila Saudari Tan Chiew Sia yang merupakan ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMT dan pelajar program Sarjana Muda Sains (Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim), Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan (PPKK) telah mengharumkan nama UMT setelah terpilih mewakili Malaysia ke *Aston Summer Programme* 2017 di Aston University, United Kingdom dari 2 hingga 21 Julai 2017. Program tersebut adalah anjuran bersama Aston University Alumni Association Malaysia dan KPT. Pemilihan peserta telah dilakukan pada Mei 2017 yang mana hanya dua orang pelajar IPTA terpilih mewakili Malaysia. Segala perbelanjaan ditanggung oleh Aston University Alumni Association Malaysia.

Kejayaan Diraih dalam Majlis Anugerah Tokoh Siswa KPT 2017

Ketokohan pelajar UMT juga terserlah apabila memenangi empat anugerah utama pada Majlis Anugerah Tokoh Siswa KPT 2017 iaitu Anugerah Kepimpinan (Fakulti/Kelab), Anugerah Kepimpinan Keusahawanan, Anugerah Sukarelawan (Terbuka) dan Anugerah Khas Ketua Pengarah KPT. Anugerah Tokoh Siswa KPT yang diadakan setiap tahun merupakan penganugerahan kepada keterlibatan dan kepimpinan pelajar dalam penganjuran program/aktiviti berimpak tinggi dan positif kepada masyarakat universiti dan kemahiran insaniah pelajar. Pada 25 Mac 2017, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah menjadi tuan rumah bagi Anugerah Tokoh Siswa 2016 yang disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Haji Idris Bin Jusoh.





laporan tahunan2017.indd 124 11/06/2018 3:33 PM

UMT Juara "*Pitch for Progress*"

Kekreatifan pelajar UMT juga diiktiraf apabila tiga mahasiswa wakil Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Terengganu (MPP UMT) sesi 2016/2017 telah menjuarai pertandingan *"Pitch for Progress"* dengan menewaskan pesaing dari 37 pasukan institusi pendidikan tinggi Malaysia. Pertandingan yang dianjurkan oleh ONE - *The Organisation for National Empowement* (Pertubuhan Pemerkasaan Nasional) dengan kerjasama Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan KPT bertempat di UniKL bermula 3 hingga 5 Februari 2017. Bertemakan *'Improving the perception of higher education in Malaysia',* peserta perlu menghasilkan dan menzahirkan idea yang boleh meningkatkan persepsi pendidikan tinggi di Malaysia secara kreatif dalam bentuk kempen media sosial, projek video pendek atau platform kreatif yang lain selagi ia memenuhi objektif yang digariskan.

Pelajar UMT Menerima Anugerah Nadi Negara

Kecemerlangan pelajar UMT terus diiktiraf apabila Mantan MPP UMT sesi 2017/18 saudari Nurul Farhana Binti Ismail telah menerima Anugerah Nadi Negara yang berlangsung di PWTC pada 23 November 2017. Anugerah ini memberi penghargaan kepada graduan yang cemerlang dalam bidang akademik, aktif dalam kokurikulum serta mempunyai ciri kepimpinan berkualiti semasa mengikuti pengajian di universiti.



Kosmo!
SUARA KONTEMPORARI

27 Disember 2017

Bekas MPP UMT terima anugerah Nadi Negara

Komuniti Kita

Gambar dan berita yang disiarkan dalam *Komuniti Kita* kini boleh diakses di laman web www.kosmo.com.my.

PENGIKTIRAFAN. Bekas Setiausaha II Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Nurul Farhana Ismail menerima anugerah Nadi Negara sempena Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) baru-baru ini.

Naib Canselor UMT, Prof. Dr. Nor Aieni Mokhtar berkata, Nurul Farhana menerima trofi, sijil penghargaan dan sejumlah wang tunai yang disampaikan Ketua Wanita UMNO, Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil.

NURUL FARHANA (berdiri tiga dari kanan) bergambar bersama Nor Aieni (berdiri tiga dari kiri) dan rakan-rakan di PWTC baru-baru ini.

laporan tahunan2017.indd 125 11/06/2018 3:33 PM

Penganjuran Konvensyen Pemimpin Mahasiswa Kebangsaan

Bakat kepimpinan pelajar UMT juga terserlah apabila berjaya menganjurkan Konvensyen Pemimpin Mahasiswa Kebangsaan bermula 20 hingga 23 Ogos 2017. Konvensyen anjuran Majlis Perwakilan Pelajar ini bertemakan 'Mahasiswa ke Arah TN 50 - Melahirkan Generasi Wasatiyyah' telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Idris Bin Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi pada 21 Ogos 2017. Penglibatan daripada MPP dan MKS IPT dari seluruh Malaysia telah menjadi platform utama bagi mahasiswa melengkapkan diri dengan kemahiran kepimpinan dan perkongsian pengalaman antara peserta. Pengalaman dan perkongsian ini akan dapat dimanfaat oleh semua peserta konvensyen di universiti mereka nanti.



laporan tahunan2017.indd 126 11/06/2018 3:33 PM

Kejohanan Kapal Layar Peringkat Antarabangsa



Agenda sukan dan rekreasi UMT juga menyerlahkan kehebatannya pada tahun 2017. Pasukan *UMT Sailing Team* buat julung kalinya menyertai kejohanan kapal layar 15th Royal Langkawi International Reggata 2017 (RLIR) yang telah diadakan di Pulau Langkawi bermula 9 hingga 14 Januari 2017. Pasukan UMT telah menduduki tempat ke 4/5 keseluruhan.

Kejayaan Azizatul Asma Binti Tan Sri Abdullah Dalam Sukan SEA Ke-29



Seorang pelajar UMT iaitu Azizatul Asma Binti Tan Sri Abdullah merupakan pelajar tahun 2 Sarjana Muda Pengurusan (Pelancongan) dari Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim telah mengharumkan nama Negara dan UMT kerana telah memenangi pingat Emas Acara Endurance Berpasukan, Sukan SEA ke-29, 2017. Kejayaan beliau telah dibantu oleh kuda kesayangan iaitu Mora Tishaka sekaligus telah membawa beliau menggapai kejuaraan dunia iaitu World Junior Rider.

Kejayaan Badan Beruniform Askar Wataniah UMT

Turut membanggakan UMT adalah kejayaan badan beruniform Askar Wataniah UMT apabila berjaya memenangi dua anugerah keseluruhan terbaik, dua anugerah kawad terbaik wanita, dua anugerah kawad terbaik lelaki, menembak terbaik wanita dan akademik terbaik sempena Majlis Penutup Kursus Asas Perajurit Muda dan Kursus KADAR di Kem 51 AW Padang Midin Kuala Terengganu.

laporan tahunan2017.indd 127 11/06/2018 3:33 PM

Kesimpulan

Agenda pembangunan pelajar perlu dirancang secara holistik untuk meningkatkan kualiti dan daya saing mahasiswa sebagai langkah mencapai tahap kebolehpasaran yang tinggi. Agenda tersebut mampu direalisasikan melalui perancangan dan pelaksanaan aktiviti kemahasiswaan yang menerapkan kemahiran insaniah dan nilai-nilai keunggulan dalam diri pelajar. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) bersama gagasannya akan terus menjadi pemangkin dan memantapkan usaha dalam melahirkan individu yang cemerlang serta mampu mempelopori pasaran global dan berstatus graduan minda kelas pertama.

73%
Kadar Kebolehpasaran Graduan

530
Aktiviti persatuan dan badan pelajar

29
program kesukarelawan

laporan tahunan2017.indd 128 11/06/2018 3:33 PM



laporan tahunan2017.indd 129 11/06/2018 3:33 PM



Ikan Lepu Belang
Antennarius spp.

laporan tahunan2017.indd 130 11/08/2018 3:33 PM



Jaringan Industri dan Masyarakat

laporan tahunan2017.indd 131 11/08/2018 3:33 PM



laporan tahunan2017.indd 132 11/06/2018 3:33 PM

Pusat Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri (PPIJI) menggalas amanat yang besar untuk menjalankan, menyelaras dan memantau aktiviti-aktiviti keterlibatan industri dan komuniti di setiap Pusat Tanggungjawab (PTj). PPIJI bertanggungjawab untuk memastikan hubungan strategik universiti-industri-komuniti dipergiatkan dan dilaksanakan dengan jayanya. Sepanjang 2017, PPIJI dengan jayanya telah melaksanakan program-program berimpak di bawah bumbung University Community Transformation Centre (UCTC), Inovasi Sosial, Knowledge Transfer Programme (KTP), Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECERDC), Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) dan dana-dana lain. Hasil daripada dana ini, segala pengetahuan, kepakaran dan kemudahan dapat disalurkan ke arah pembangunan industri dan komuniti. Selain program pemindahan ilmu, UMT turut giat menabur jasa dan bakti kepada golongan yang memerlukan melalui pelbagai program sukarelawan dan tanggungjawab sosial yang dianjurkan oleh pelbagai PTj, badan beruniform, kelab, persatuan dan sebagainya.



laporan tahunan2017.indd 133 11/06/2018 3:33 PM

Projek yang dijalankan mengikut Kategori Dana

RM122,000

- Projek Pembangunan Makmal Komuniti untuk Produk berasaskan Makanan di UCTC UMT.
- Perintis Ternakan Udang Galah, *Macrobrachium rosenbergii* Semua Jantan dalam Kolam Tanah di Kawasan Projek Berkelompok Persatuan Nelayan Besut, Bukit Keluang.
- Projek Usahawan Hevotech @ Kg Pela, Ajil: Baja Biowalit dan Fertigasi Cili Kluang.
- Lestari Komuniti TKPM Batu Hampar, Kuala Terengganu: Inovasi Pendebungaan Lebah Kelulut Menjana Peningkatan Pengeluaran Melon Manis Terengganu.

RM50,000

- Projek *Profiling* Sosio Ekonomi Penduduk Besut dan Setiu: Translasional KPT-UMT.

Dana Antarabangsa (Victoria University)

RM25,000

- ASEAN Academic Partnership for Small Business and ICT Knowledge Transfer Programme.

RM150,010

- Mass Production of the Brine Shrimp Artemia with PKC Nutri+: A New and Potential Initiative to Boost Aquaculture Sector in Malaysia.
- Knowledge Transfer of Hybrid Grouper Production Using Cryopreserved Sperm.

RM1,284,500

- Program empower ECER Latihan Akademik 2017 (Besut dan Setiu)
- Program empower ECER Latihan Akademik (Akuapolitan Kuala Nerus)

RM1,100,000

- UMT Agro-Trigonapreneur
- ICoE Kluster Maritim

JUMLAH

RM2,731,510

laporan tahunan2017.indd 134 11/06/2018 3:33 PM

Program Pemindahan Ilmu kepada Industri

UMT terus komited dalam usaha melaksanakan program pemindahan ilmu serta kepakaran ahli akademik kepada pihak industri. Pemindahan ilmu ini melibatkan pelbagai inovasi produk atau kaedah pengeluaran atau pengurusan yang cekap. UMT telah berjaya menyalurkan kepakaran ahli akademik dengan mengadakan program pemindahan ilmu kepada industri dan kumpulan sasaran. Hasil pemindahan ilmu ini telah berjaya membantu industri dalam pelbagai aspek seperti peningkatan produktiviti, penjimatan kos pengoperasian, membantu industri membuka lebih banyak peluang pekerjaan, peningkatan aspek persekitaran yang lebih mampan dan sebagainya.

Berikut merupakan program pemindahan ilmu (berdana) yang telah dilaksanakan oleh UMT:

Nama Program	Keterangan Program	Ketua Penyelidik & Maklumat Dana
Development of Neo-Female Broodstock for The Hatchery Production of High Quality All Male Post Larvae of Giant Freshwater Prawn, Macrobranchium rosenbergii	Projek pemindahan ilmu dan teknologi dalam pembangunan induk *neo-female* melalui aplikasi hormon dalam makanan dan penghasilan benih semua jantan berkualiti tinggi melalui aplikasi probiotik.	Ketua: Prof. Dr. Mhd Ikhwanuddin Bin Abdullah Industri: AM Aquatechnics Sdn. Bhd. Jumlah Dana: 154,775 Sumber Dana: KTP
Knowledge Transfer Programme For Pacific Whiteleg Shrimp (Penaeus vannamei) Farming Industry, Business Entity, Hannan Marine Sdn. Bhd. for Improvement of Shrimp Survival and Production by Biofloc Technology	Program ini merupakan projek *Flagship* Industri yang dijalankan bagi menggalakkan dan memastikan penambahbaikan jangka hayat dan peningkatan pengeluaran udang putih, *P. vannamei* dengan menggunakan Teknologi Biofloc (BFT) secara komersil.	Ketua: Dr. Nor Azman Bin Kasan Industri: Hannan Marine Sdn. Bhd. Jumlah Dana: RM130,175 Sumber Dana: KTP
The Knowledge Transfer of Recirculating Aquaculture System (RAS) for Hybrid Grouper Farming to Aqua Genesis Sdn. Bhd. Toward Green Farming	Kajian ini berkaitan aplikasi penghasilan kerapu hibrid berkualiti tinggi menggunakan teknologi RAS sebagai teknologi ternakan hijau akuakultur yang dapat meningkatkan pengeluaran ikan berkualiti terjamin dengan penyakit terkawal dan mudah dipantau.	Ketua: Dr. Liew Hon Jung Industri: Aqua Genesis Sdn. Bhd. Jumlah Dana: RM 106,350 Sumber Dana: KTP

laporan tahunan2017.indd 135 11/06/2018 3:33 PM

Nama Program	Keterangan Program	Ketua Penyelidik & Maklumat Dana
Knowledge Transfer of Hybrid Grouper Production Using Cryopreserved Sperms	Projek memindahkan aplikasi teknik *cryopreservation* sperma kepada penubuhan kumpulan tempatan untuk pengeluaran benih kerapu hibrid yang berkualiti.	Ketua: Dr. Ivan Koh Chong Chu Industri: Oasis Long Diann Jumlah Dana: RM78,208 Sumber Dana: KTP-PSH
Mass Production of The Brine Shrimp Artemia with PKC-Nutri+ : A New and Potential Initiative to Boost Aquaculture Sector in Malaysia	Menghasilkan alternatif makanan yang sesuai untuk arowana, dengan menjadikan udang air garam *Artemia* pilihan yang terbaik.	Ketua: Prof. Madya Dr. Yeong Yik Sung Industri: Jian Sheng Aquaculture Sdn. Bhd. Jumlah Dana: RM 71,802 Sumber Dana: KTP-PSH
UMT Agro-Trigonapreneur	Program pemindahan ilmu kepada graduan universiti yang berminat menceburkan diri di dalam bidang keusahawanan berasaskan pertanian.	Ketua: Prof. Madya Dr. Wahizatul Afzan Binti Azmi Industri: GM Peladang Sdn Bhd dan Amtani Farm Enterprise Jumlah Dana:RM50,000 Sumber Dana: KPT
Demand-Driven Innovation Project by Public-Private Research Network (PPRN)	Menemui potential *stabilizer* untuk menyelesaikan masalah kualiti produk *stevia*.	Ketua: Dr. Fauziah Binti Tufail Ahmad Industri: RMD Stevianas Jumlah Dana: RM23,400 Sumber Dana: KPT
Pembangunan Produk Kesihatan Berasaskan Nanas untuk Wanita dan Lelaki dalam Bentuk Serbuk	Menghasilkan ekstrak minuman kesihatan dalam bentuk serbuk menggunakan kaedah semburan kering.	Ketua: Prof. Dr. Fadzilah Adibah Binti Abdul Majid Industri: Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia Dan Naturemedics Laboratories Sdn Bhd Jumlah Dana: RM 15,000 Sumber Dana: Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia



Program Pemindahan Ilmu (Berimpak) kepada Komuniti

Selain industri, UMT juga menjalankan program pemindahan ilmu kepada masyarakat dan komuniti terutamanya di kawasan setempat dalam usaha untuk melahirkan insan yang berdaya saing seiring perkembangan ekonomi dan kemajuan teknologi di Malaysia. Dalam proses pemindahan ilmu, potensi serta kemahiran masyarakat/komuniti ini akan digilap supaya pelbagai manfaat dapat diraih antaranya, perubahan kepada sosioekonomi, peningkatan taraf hidup serta kualiti hidup masyarakat ke arah yang lebih baik. Antara program pemindahan ilmu yang berimpak adalah seperti berikut:

Nama Program	Nama Program & Keterangan Program	Ketua Penyelidik & Maklumat Dana
Empower ECER Latihan Akademik 2017 (Besut dan Setiu)	Program *empower* ECER Latihan Akademik menyasarkan para pelajar yang mempunyai prestasi akademik lemah dan sederhana dari keluarga berpendapatan rendah (B40) yang akan menduduki peperiksaan awam utama (UPSR, PT3 & SPM) di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).	Ketua: Dr. Mohd Nizam Bin Lani Komuniti: Pelajar sekolah di daerah Besut dan Setiu yang terpilih (Setiu - SK Lembah Bidong, SK Telaga Papan, SK Kampung Buluh, SK Jelapang, SMK Langkap, SMK Tengku Ibrahim, SMK Guntong, SMK Putera Jaya) (Besut - SK Lembah Bidong, SK Telaga Papan, SK Kampung Buluh, SK Jelapang SMK Langkap, SMK Tengku Ibrahim SMK Guntong, SMK Putera Jaya) Jumlah Dana: RM1,200,000 Sumber Dana: ECERDC
Empower ECER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan	Program *empower* ECER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan menyasarkan golongan belia dan dewasa yang berpendapatan rendah serta kurang bernasib baik untuk menjana pendapatan sendiri menerusi latihan kemahiran yang dipelajari.	Ketua: En. Ahmad Rusdi Bin Abdullah Komuniti: Kumpulan B40 di kawasan Akuapolitan Kuala Nerus Jumlah Dana: RM301,000 Sumber Dana: ECERDC







laporan tahunan2017.indd 137 11/06/2018 3:33 PM

Nama Program	Nama Program & Keterangan Program	Ketua Penyelidik & Maklumat Dana
Program Pemerkasaan Ulul Albab - Studio Al-Quran Ulul Albab	Penerokaan al-Quran merangkumi aspek tahsinul al-Quran, pentafsiran serta penghayatan secara bersepadu melibatkan anak-anak Ulul Albab serta komuniti sekitar Kampung Raja, Besut, Terengganu. Pembentukan generasi Ulul Albab ini diperkasakan lagi dengan pembangunan studio Al-Quran dengan menggunakan teknologi terkini.	Ketua: Prof. Dr. Asyraf Bin Haji Abd. Rahman Komuniti: Komuniti Besut dan Pelajar UMT yang mengikuti kursus gugusan Ulul Albab Jumlah Dana: RM95,000 Sumber Dana: KPT
Empower ECER Latihan Akademik 2017 Akuapolitan Kuala Nerus	Program *empower* ECER Latihan Akademik menyasarkan para pelajar yang mempunyai prestasi akademik lemah dan sederhana dari keluarga berpendapatan rendah (B40) yang akan menduduki peperiksaan awam utama (UPSR, PT3 & SPM) di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).	Ketua: Dr. Mohd Nizam Bin Lani Pelajar Sekolah di kawasan Akuapolitan Kuala Nerus yang terpilih (SK Seberang Takir, SK Teluk Ketapang SK Tok Jembal, SK Kompleks Seberang Takir, SK Pagar Besi, SK Batu Rakit, SK Mengabang Telipot, SK IPG Batu Rakit, SK Kompleks Mengabang Telipot, SK Tanjung Gelam, SMK Ibrahim Fikri, SMK Kompleks Seberang Takir, SMK Batu Rakit, SMK Kompleks Mengabang Telipot) Jumlah Dana: RM110,000 Sumber Dana: ECERDC





laporan tahunan2017.indd 138 11/06/2018 3:33 PM

Nama Program	Nama Program & Keterangan Program	Ketua Penyelidik & Maklumat Dana
Program Saintis Islam Terengganu Kohort III 2017	Program yang mempunyai 10 modul lengkap bagi malahirkan tokoh saintis islam. Peserta terpilih daripada pelajar SPM Imtiaz yang cemerlang akademik. Sorang peserta akan terpilih untuk melanjutkan pelajaran ke Luar Negara dengan biayaan daripada kerajaan Negeri Terengganu.	Ketua: Dr. Syarifah Marzety Adibah Binti Al Sayid Mohamad Komuniti: Pelajar Cemerlang Lepasan SPM Sekolah Menengah Imtiaz seluruh Terengganu Jumlah Dana: RM72,000 Sumber Dana: Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu (PSKT)
Ternakan Udang Galah Jantan dalam Tangki	Bertujuan melaksanakan ternakan udang galah jantan dalam tangki dengan pemindahan teknologi pembenihan udang galah semua jantan dan ternakan udang galah dalam sistem tangki daripada Institut Akuakultur Tropika, UMT kepada semua program.	Ketua: Prof. Dr. Mhd. Ikhwanuddin Bin Abdullah Komuniti: Kg. Pengkalan Gelap, Setiu Jumlah Dana: RM50,000 Sumber Dana: BHI, NBOS
Projek Penyelidikan Translasional : *Profiling* Sosio-ekonomi Penduduk Setiu	Kajian *profiling* ini telah melibatkan 385 orang nelayan di Setiu dan 100 nelayan di Besut.	Ketua: Dr. Zaleha Binti Mohamad Komuniti: Komuniti nelayan Besut dan Setiu Jumlah Dana: RM50,000 Sumber Dana: KPT
Perintis Ternakan Udang Galah, *Macrobrachium rosenbergii* Semua Jantan (All Male) dalam Kolam Tanah di Kawasan Projek Berkelompok Persatuan Nelayan Besut Bukit Keluang: Modul Pengurusan Kualiti Air	Implementasi kajian terkini berkaitan ternakan udang galah organik yang mana anggaran hasil adalah sebanyak dua kali ganda daripada ternakan udang galah biasa. Menjadi perintis dalam meneraju sektor penternakan udang galah, *Macrobrachium rosenbergii* yang boleh diusahakan oleh penternak di Malaysia.	Ketua: Dr. Nor Azman Bin Kasan Komuniti:Persatuan Nelayan Besut Jumlah Dana: RM40,000 Sumber Dana: UCTC





laporan tahunan2017.indd 139 11/06/2018 3:33 PM

Nama Program	Nama Program & Keterangan Program	Ketua Penyelidik & Maklumat Dana
Projek Usahawan Hevotech @ Kg. Pela, Ajil : Baja Biowalit dan Fertigasi Cili	Menggunakan kaedah pendebungaan lebah kelulut ke atas tanaman fertigasi Melon Manis Terengganu (MMT) untuk menyelesaikan isu kaedah pendebungaan yang tidak cekap.	Ketua: : Dr. Wan Zaliha Binti Wan Sembok Komuniti: Komuniti Kg. Perla, Ajil Jumlah Dana: RM35,000 Sumber Dana: UCTC
Lestari Komuniti TKPM Batu Hampar, Kuala Terengganu: Inovasi Pendebungaan Lebah Kelulut Menjana Peningkatan Pengeluaran Melon Manis Terengganu	Peserta mendapat ilmu pengetahuan, panduan dan rujukan berkaitan pengendalian dan pengurusan kaedah pendebungaan lebah kelulut dengan cara yang betul.	Ketua: Prof. Madya Dr. Wahizatul Afzan Binti Azmi Komuniti: Komuniti TKPM Batu Hampar Jumlah Dana: RM32,000 Sumber Dana: UCTC
ASEAN Academic Partnership for Small Business ICT Knowledge Transfer	Memberi pendedahan kepada tenaga pengajar dalam bidang keusahawanan, pelajar-pelajar dan usahawan kecil mengenai kepentingan penggunaan ICT dalam perniagaan.	Ketua: Dr. Noor Fadhiha Binti Mokhtar Komuniti: Tenaga pengajar dalam bidang keusahawanan, pelajar dan usahawan kecil Jumlah Dana: RM25,000 Sumber Dana: Geran ASEAN Academic Partnership for Small Business ICT Knowledge Transfer, *Victoria University*, Australia
Sayang Setiu Wetlands	Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang keunikan warisan alam dan budaya Setiu Wetlands (SW) yang bakal menjadi salah satu dari taman-taman negeri Terengganu kelak. Pelbagai aktiviti berbentuk *hands-on* yang menggunakan konsep *outdoor learning* dijalankan untuk memastikan penghayatan yang lebih efektif.	Ketua: Dr. Jarina Binti Mohd Jani Komuniti: Orang awam, Pegawai MOTAC, Jabatan Perhutanan Terengganu, Pejabat Daerah Setiu, Majlis Daerah Setiu, staf Petronas Carigali S/B, pelajar UMT serta pelajar sekolah. Jumlah Dana: RM17,300 Sumber Dana: Petronas Carigali S/B dan MOTAC
Bengkel Latihan Pemandu Pelancong Tanah Bencah Setiu	Memberi pendedahan kepada komuniti tempatan potensi ekopelancongan di Tanah Bencah Setiu serta kerjaya sebagai pemandu pelancong. Bengkel juga diadakan bagi mendapatkan maklum balas dan mengenal pasti minat serta komitmen masyarakat tempatan untuk program latihan pemandu pelancong.	Ketua: Dr. Jarina Binti Mohd Jani Komuniti: Para ahli NGO tempatan di SW (Sahabat Setiu dan Pewanis) Jumlah Dana: RM14,900 Sumber Dana: WWF

laporan tahunan2017.indd 140 11/06/2018 3:33 PM

Nama Program	Nama Program & Keterangan Program	Ketua Penyelidik & Maklumat Dana
Kem Cakna Komuniti Nelayan	Kem Cakna Komuniti Nelayan diadakan bagi membantu meningkatkan tahap pencapaian akademik dan motivasi para pelajar yang terdiri dari anak-anak komuniti nelayan.	Ketua: Prof. Madya Dr. Sabri Bin Ahmad Komuniti: 5 buah sekolah menengah di kawasan Kuala Nerus dan Setiu Jumlah Dana: RM11,000 Sumber Dana: TSR, UMT
Program Pemindahan Ilmu dan Eksplorasi Orang Asli Semai, Kampung Ulu Tual, Pos Senderut, Kuala Lipis Pahang	Melihat budaya, cara hidup masyarakat dan program yang telah dijalankan untuk Orang Asli Semai di Kampung Ulu Tual supaya dapat diaplikasikan kepada Orang Asli di Sungai Berua, selain untuk mendapatkan maklumat dan idea berkaitan kaedah pendidikan informal yang telah diterapkan di kampung tersebut serta menjalankan aktiviti pemindahan ilmu kepada masyarakat Orang Asli Semai di Kampung Ulu Tual.	Ketua: Dr. Khatijah Binti Omar Komuniti: Komuniti Orang Asli Semai, Kuala Lipis, Pahang Jumlah Dana: RM10,000 Sumber Dana: Pejabat Daerah Hulu Terengganu dan IPK, UMT



laporan tahunan2017.indd 141 11/06/2018 3:33 PM

Nama Program	Nama Program & Keterangan Program	Ketua Penyelidik & Maklumat Dana
Hulu Terengganu *Cucumber Day*	Program Hulu Terengganu *Cucumber Day* dan *Cumberland* sebagai tapak destinasi pelancongan baharu serta membuka peluang pekerjaan kepada komuniti setempat khususnya di Tasik Kenyir. Selain itu, memberi ilmu berkenaan kaedah-kaedah penanaman mentimun secara fertigasi.	Ketua: Dr. Hazman Binti Samsudin Komuniti: Komuniti Hulu Terengganu Jumlah Dana: RM8,000 Sumber Dana: UMT, Pejabat Daerah Hulu Terengganu dan East Vege Enterprise
Program Penghayatan Alam : Apreasiasi Flora dan Fauna	Memberi pendedahan kepada peserta tentang kepentingan menjaga alam semula jadi, mengenali spesis-spesis tumbuhan dan haiwan yang terdapat di Tasik Kenyir dan menarik minat komuniti setempat dan Orang Asli untuk menjadi pemandu pelancong bagi membantu meningkatkan ekonomi keluarga.	Ketua: Dr. Khatijah Binti Omar Komuniti: Komuniti Hulu Terengganu Jumlah Dana: RM8,000 Sumber Dana: Pejabat Daerah Hulu Terengganu dan IPK, UMT
Bengkel Pemurnian Potensi Produk Ekopelancongan Komuniti Hulu Terengganu (CBE)	Program ini adalah merupakan kesinambungan dari Bengkel Potensi Produk Ekopelancongan Komuniti Hulu Terengganu (CBE) yang telah memasuki fasa kedua iaitu fasa pelaksanaan.	Ketua: Dr. Hazman Binti Samsudin Komuniti: Komuniti Hulu Terengganu Jumlah Dana: RM7,000 Sumber Dana: Pejabat Daerah Hulu Terengganu
UMT *Future Scientist*	Mendedahkan ciri-ciri peribadi yang perlu dimiliki untuk menjadi generasi saintis Muslim melalui pemupukan keperibadian yang mulia berteraskan agama, penguasaan pelbagai bahasa moden dunia serta pendedahan ilmu sains.	Ketua: Pentadbiran PPAL Komuniti: Pelajar Ulul Albab dan pelajar sekolah sekitar Kuala Nerus dan Kuala Terengganu Jumlah Dana: RM5,000 Sumber Dana: MAIDAM
Kenyir Research Institute Program (KIEPro) 1.0 : Usahawan Desa	Memberi ilmu kepada peserta dalam menguruskan perniagaan, melahirkan lebih ramai usahawan desa, membantu usahawan desa meningkatkan pendapatan keluarga dan menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara, memperkenalkan medium pemasaran dan membangunkan pangkalan data asas untuk komuniti usahawan desa bagi tujuan penyelidikan dan penerbitan.	Ketua: Dr. Khatijah Binti Omar Komuniti: Komuniti sekitar Kuala Terengganu dan Kuala Nerus Jumlah Dana: RM5,000 Sumber Dana: Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu dan IPK, UMT

laporan tahunan2017.indd 142 11/06/2018 3:33 PM

Nama Program	Nama Program & Keterangan Program	Ketua Penyelidik & Maklumat Dana
Kenyir Research Institute Program (KIEPro) 2.0 : Pengurusan Kewangan	Bertujuan memberikan ilmu pengurusan kewangan perniagaan yang efisien dan betul, menyediakan latihan *hands-on* kepada peserta dalam penyediaan penyata kewangan perniagaan dan aliran tunai iaitu aliran keluar dan masuk tunai dan membantu peserta menyediakan laporan penganalisaan kedudukan kewangan.	Ketua: Dr. Khatijah Binti Omar Komuniti: Komuniti sekitar Kuala Terengganu dan Kuala Nerus Jumlah Dana: RM5,000 Sumber Dana: Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu dan IPK, UMT
Kenyir Research Institute Program (KIEPro) 3.0 : eUSAHAWAN	Program ini adalah untuk membawa transformasi perniagaan usahawan berpengalaman, memaksimakan penggunaan media sosial sebagai platform menjana pendapatan, melahirkan lebih ramai usahawan celik teknologi, membantu usahawan meningkatan ekonomi keluarga, membantu pemasaran atas talian yang efektif dan efisien di kalangan usahawan.	Ketua: Dr. Khatijah Binti Omar Komuniti: Komuniti Sekitar Terengganu Jumlah Dana: RM5,000 Sumber Dana: Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu dan IPK, UMT
Bengkel Potensi Produk Ekopelancongan Komuniti Hulu Terengganu (CBE)	Bertujuan untuk berkongsi maklumat dan ilmu ekopelancongan, perkongsian pengalaman dari aktiviti ekopelancongan yang telah dilaksanakan oleh Kg. Gol Kuala Tahan dan mengenal pasti aktiviti ekopelancongan yang dapat dijalankan di kampung-kampung di Hulu Terengganu.	Ketua: Dr. Khatijah Binti Omar Komuniti: Komuniti Hulu Terengganu Jumlah Dana: RM5,000 Sumber Dana: Pejabat Daerah Hulu Terengganu dan IPK, UMT
Bengkel Kepimpinan Psikospritual *Arts Therapy* Warden Khas SM Imtiaz Yayasan Terengganu	Memberi pendedahan kepimpinan psikospritual kepada para warden yang terpilih untuk diaplikasikan kepada pelajar.	Ketua: Pentadbiran Pusat Islam Sultan Mahmud Komuniti: Para warden sekolah Jumlah Dana: RM3,000 Sumber Dana: Yayasan Terengganu
Bengkel Usahawan Atas Talian	Memberi pengetahuan mengenai cara untuk memasarkan produk atau perkhidmatan secara atas talian sekaligus memberi ruang untuk mengenalpasti sasaran pelanggan dalam konteks yang lebih luas.	Ketua: Prof. Madya Dr. Hafiza Aishah Binti Hashim Komuniti: Usahawan kecil dan sederhana - Malaysia Digital Economy Corporation Jumlah Dana: RM1,934 Sumber Dana: Lain-lain

laporan tahunan2017.indd 143 11/06/2018 3:33 PM

Nama Program	Nama Program & Keterangan Program	Ketua Penyelidik & Maklumat Dana
Kem Gerak Minda Matematik 2017 : SMK Tok Dor	Membantu meningkatkan tahap pencapaian akademik para pelajar SMK Tok Dor.	Ketua: Prof. Madya Dr. Sabri Bin Ahmad Komuniti: Pelajar SMK Tok Dor Jumlah Dana: RM2,000 Sumber Dana: SMK Tok Dor
Program Memburung di Tasik Kenyir	Merupakan kesinambungan dari Program Penghayatan Alam: Apreasiasi Flora dan Fauna yang lebih memfokuskan kepada aktiviti memburung. Objektif utama program ini adalah sebagai langkah permulaan pendedahan kepada peserta dalam ilmu *avitourism nature guide*.	Ketua: Dr. Bryan Raveen Nelson Komuniti: Komuniti Hulu Terengganu Jumlah Dana: RM500 Sumber Dana: UMT-Social Venture

Program Sukarelawan dan Tanggungjawab Sosial (USR)

Penglibatan warga UMT dalam jaringan sosial bersama pelbagai kumpulan lapisan masyarakat melalui program sukarelawan dan tanggungjawab sosial (USR) merupakan salah satu fokus utama UMT kepada komuniti. Pelbagai program sukarelawan telah dijalankan seperti khidmat masyarakat, bantuan bencana alam, gotong royong dan penyampaian ilmu seperti ceramah, taklimat dan motivasi kepada golongan yang memerlukan. Berikut merupakan program-program sukarelawan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017:

Nama Program	Keterangan Program	Komuniti
Program Ops Murni TLDM	Pembersihan selepas banjir di Sekolah Kebangsaan Langkap Chalok, Setiu.	Sekolah Kebangsaan Langkap Chalok, Setiu
Program Khidmat Komuniti KOR SISPA	Pembersihan masjid.	Masjid Pantai Tok Jembal
Program Membina Keluarga Sakinah KOR SUKSIS UMT	Ceramah isu penyalahgunaan dadah dan medekati golongan kurang upaya.	Rehebalitasi DUN Seberang Takir
Program Cakna Sayang SMK Kijal, Kemaman	Memberi motivasi kepada pelajar dalam membentuk keperibadian dan personaliti tinggi.	SMK Kijal, Kemaman
Empowering Graduates 4.0	Pelajar EOP (BBB3103) mengaplikasikan ilmu dan kreativiti dalam menceriakan semua kelas.	SK IPG KDRI, Batu Rakit
English Carnival	Pelajar EOP (BBB3103) mengaplikasikan ilmu dan kreativiti dalam menceriakan semua kelas.	Sekolah Kluster di bawah tindakan PPAL
Program USR PPPSE bersama SK Tok Jembal Siri I: Motivasi Kelestarian UPSR 2017	Program ini bertujuan bagi memberikan sokongan sosial kepada pelajar tahun 6 dari SKTJ dengan melalui "*system buddy*" dalam kalangan mahasiswa Sarjana Muda Kaunseling dari UMT.	Pelajar Sekolah Kebangsaan Tok Jembal



laporan tahunan2017.indd 144 11/06/2018 3:33 PM

Nama Program	Keterangan Program	Komuniti
Program USR PPPSE bersama SK Paya Bunga Siri I: Motivasi Kelestarian UPSR 2017	Bertujuan untuk membantu meningkatkan motivasi dalam kalangan calon UPSR pada tahun 2017 dari sekolah kebangsaan paya bunga dan motivasi persediaan UPSR bagi pelajar tahun 4 dan 5 untuk menghadapi UPSR.	Pelajar sekolah Paya Bunga
Kursus Kepimpinan Pengawas Sekolah Kebangsaan Tok Jembal	Bertujuan menyalurkan khidmat bakti pensyarah dan pelajar PPPSE kepada masyarakat setempat dan juga membentuk jati diri dan sikap kepimpinan dalam diri setiap peserta.	Pelajar Sekolah Kebangsaan Tok Jembal
Program Terapi Minda Sekolah Kebangsaan Kuala Berang 2017	Bertujuan menggalakkan percambahan pemikiran secara terancang untuk merintis pendekatan yang kreatif dan inovatif ke arah pencapaian kecemerlangan pelajar SK Kuala Berang.	Pelajar Sekolah Kebangsaan Kuala Berang
Program Kitar Semula Kelab Polisi dan Sekitaran Sosial Sesi 2016/2017	Program bersama murid anjuran Kelab Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial) sesi 2016/2017 ini adalah bertujuan untuk membentuk hubungan dan rangkaian antara pelajar POSESO dengan pelajar SK Kuala Berang yang terpilih dalam menyertai program ini.	Pelajar sekolah
Program Kebersihan Dan Kempen Kitar Semula Di Kampung Bukit Wan	Program bersama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Bukit Wan, Batu Rakit, Kuala Nerus dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (SWCORP) bertujuan mendidik masyarakat kampung untuk membuat pengasingan sampah yang boleh dikitar semula.	Penduduk Kampung Bukit Wan





laporan tahunan2017.indd 145 11/06/2018 3:33 PM

Nama Program	Keterangan Program	Komuniti
Program "Beach Clean Up"	Program bakti siswa melibatkan pelajar dari UMT, UMK dan USM bersama komuniti pesisir pantai di Kg. Pantai Senok Bachok Kelantan.	Komuniti pesisir pantai
Kelas Jahitan	Kelas jahitan ini anjuran bersama kolej komuniti yang disertai oleh peserta belia bestari lantikan oleh PPPSE dan juga pensyarah PPPSE.	Peserta Belia Bestari
Kelas Masakan *Dessert*	Program masakan ini anjuran bersama Giat Mara Batu Rakit yang disertai oleh peserta belia bestari lantikan oleh PPPSE dan juga staf PPPSE.	Peserta Belia Bestari
Program Masakan	Program masakan ini anjuran bersama Giat Mara Kuala Nerus yang disertai oleh peserta belia bestari lantikan oleh PPPSE dan juga pensyarah PPPSE.	Peserta Belia Bestari
Program Wakaf Ilmu, Semai Bakti	Perkongsian ilmu dengan masyarakat setempat berkaitan kaedah memasak secara sihat, pengendalian dan keselamatan makanan semasa kenduri kendara, pemakanan sihat dan diet terapi, pameran dan demonstrasi berkaitan 'table setting', hiasan ukiran buah dan gubahan makanan, pelabelan makanan, serta pemeriksaan kesihatan telah dijalankan. Aktiviti bersama kanak-kanak melalui pameran, permainan dan acara mewarna. Selain itu, gotong-royong membersihkan surau dan tanah perkuburan juga telah dijalankan.	Komuniti Kg Raja, Tepoh, Kuala Nerus
Jaringan Komuniti Tautan Kasih Bersama Komuniti Orang Asli Sungai Berua	Mewujudkan jaringan kerjasama dengan komuniti setempat, mengetahui dengan lebih mendalam berkenaan hasrat komuniti Orang Asli. Program ini melibatkan kerjasama di antara pihak IPK UMT dengan agensi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Pejabat Daerah Hulu Terengganu (PDHT).	Komuniti Orang Asli Sungai Berua
Program Sayangi Alam Sekitar	Program ini dijalankan bertujuan untuk memberi pendidikan konservasi kepada para pelajar dan komuniti setempat, jaringan komuniti bersama masyarakat Orang Asli dan mewujudkan jaringan kerjasama di antara pihak IPK, UMT dengan pihak Sekolah Kebangsaan Sungai Berua, Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Terengganu dan Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu.	Komuniti Orang Asli Sungai Berua

laporan tahunan2017.indd 146 11/06/2018 3:33 PM

Nama Program	Keterangan Program	Komuniti
Program Bimbingan Bersama *Show Me Kids*	Program ini diadakan bertujuan untuk menyediakan pengisian berbentuk bimbingan kerohanian dan akhlak kepada murid tadika menerusi aktiviti tahsin al-Quran, permainan-permainan menarik, LDK dan lawatan ke seluruh kampus UMT.	Murid Tadika dari *Show Me Kidz*
Karnival Masjid Di Hatiku	Memberi galakkan dan sokongan kepada pelajar-pelajar untuk mengimarahkan masjid di samping untuk memperkenalkan Pusat Islam Sultan Mahmud.	Terbuka Kepada Semua Warga UMT dan Komuniti Luar
Misi Bantuan Bencana Banjir	Misi ini diadakan bertujuan menyantuni mangsa banjir di kelantan serta menyampaikan bantuan pek makanan.	Tanah Merah, Tumpat dan Jeli, Kelantan
Jom Bersih Surau	Memberi khidmat dengan membantu membersihkan kawasan surau yang tidak diuruskan.	Kampung Tok Jembal
Cakna Asnaf (Agihan Sumbangan Fastabiqul Khairat)	Agihan sumbangan ini diadakan di masjid sultan mahmud dan sumbangan ini diagihkan kepada komuniti kejiranan UMT.	Komuniti Kejiranan UMT
Kursus Pengurusan Jenazah	Kursus ini di adakan bertujuan untuk mendedahkan kepada masyarakat mengenai pengurusan jenazah supaya mudah untuk diaplikasikan khususnya dalam keluarga.	Warga UMT dan Masyarakat Setempat
Program Motivasi dan Dialog Kecemerlangan SPM 2017	Tujuan diadakan program ini adalah untuk memberi motivasi kepada pelajar-pelajar SPM yang akan menduduki peperiksaan SPM supaya berkeyakinan untuk menghadapi peperiksaan.	250 Orang Pelajar Imtiyaz dan Yayasan Terengganu
Kembara Solat Syifa	Kembara solat syifa merupakan program khidmat masyarakat yang memberi tunjuk ajar kepada pesakit di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) untuk melaksanakan solat memandangkan sebahagian besar pesakit di hospital tidak menunaikan solat.	Pesakit di HSNZ
Program Agihan Sumbangan Kebajikan Persatuan Suri dan Anggota Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA)	Mengagihkan sumbangan PUSPANITA kepada masyarakat di sekitar UMT bagi meringankan beban mereka.	Kubang Badak, Pak Tuyu dan Tanjung Gelam
Hadiah Perabut kepada Sekolah	Aset UMT yang masih dalam keadaan baik tetapi perlu dilupuskan telah dihadiahkan kepada pihak sekolah yang berminat.	13 buah sekolah terlibat
Program Kesedaran Marin 2017 di Pulau Redang	Menjalankan kerja-kerja sukarelawan dalam mendidik masyarakat awam tentang kepentingan pemuliharaan penyu dan laut.	Masyarakat setempat dan pengunjung di Pulau Redang

laporan tahunan2017.indd 147 11/06/2018 3:33 PM

Kerjasama Agensi dan Industri

Kerjasama dan kolaborasi dengan pelbagai pihak berkepentingan sangat penting bagi menjalankan aktiviti seperti latihan industri pelajar, lawatan pembelajaran ke industri, penyelidikan, perundingan, pengkomersialan dan perkongsian kepakaran dan fasiliti serta lain-lain kerjasama. Kerjasama strategik ini penting untuk memastikan matlamat agenda pembangunan negara dapat direalisasikan. UMT terus memperkasa hubungan akademia-industri dengan mengambil langkah proaktif menjalin kerjasama dengan pelbagai pihak termasuklah Industri Kecil dan Sederhana (SMI), Syarikat Berkepentingan Kerajaan (GLC), Syarikat Multinasional (MNC), Badan Kerajaan dan Badan Berkanun bagi manfaat bersama.



laporan tahunan2017.indd 148 11/06/2018 3:33 PM

ICOE Kluster Maritim

UMT telah dilantik sebagai Universiti Peneraju (Lead University) bagi ICoE Kluster Maritim oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan peruntukan dana berjumlah **RM1 juta**. KPT juga telah melantik YBhg. Prof. Dr. Wan Mohd Norsani Bin Wan Nik sebagai Ketua Kluster ICoE Maritim. Majlis Pelancaran ICoE Kluster Maritim telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Dr. Noor Azizi Bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (IPTA) pada 12 Oktober 2017 di TH Hotel & Convention Centre bersempena Majlis Penghargaan Rakan Industri UMT Tahun 2017.







laporan tahunan2017.indd 149 11/06/2018 3:33 PM

Academia-Industry Collaboration Award oleh Kementerian Pendidikan Tinggi

UMT telah dinobatkan sebagai Pemenang Kedua bagi *Academia-Industry Collaboration Award* (AINA Award) iaitu satu anugerah berprestij di bawah inisiatif Bahagian Hubungan Industri. Anugerah ini merupakan satu pengiktirafan kepada UMT yang telah berjaya menjalinkan kerjasama akademia-industri yang berimpak tinggi. Menerusi kerjasama dengan *SALIHIN Chartered Accountants*, UMT telah bekerjasama dengan Salihin untuk mewujudkan program 2u2i menerusi program *Teaching Accounting Firm* (TAF) yang merupakan inisiatif pertama di Malaysia dan di dunia.





laporan tahunan2017.indd 150 11/06/2018 3:33 PM

Malim Industri UMT

Bagi memperkasa hubungan universiti-industri, UMT telah melantik lapan orang tokoh di Malaysia dalam pelbagai bidang sebagai Malim Industri bagi membantu melonjakkan citra UMT di peringkat nasional dan global. Pelantikan Malim Industri adalah penting bagi membantu UMT untuk :

a) menjadi penasihat terhadap **hala tuju dan perancangan strategik** di antara UMT dengan industri ;
b) memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada pensyarah/penyelidik dalam **meningkatkan kualiti dan kebolehpasaran produk inovasi dan penyelidikan** UMT ; dan
c) membantu untuk memantapkan **jaringan industri UMT bersama agensi dan industri** yang dapat memberi impak kepada negara

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan bersama Malim Industri adalah seperti butiran berikut:

Tarikh	Tempat	Nama Program	Keterlibatan
21 April 2016 – 30 Jun 2018	Besut, Setiu dan Akuapolitan Kuala Nerus	Program *empower* ECER Latihan Akademik	Datuk Seri Jebasingam Issace John
1 Mei 2016 – 31 Mac 2018	Akuapolitan Kuala Nerus	Program *empower* ECER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan	Datuk Seri Jebasingam Issace John
5 Jun 2017	Pelabuhan Tanjung Pelepas, Tanjung Patah, Johor	Lawatan Kerja Rasmi BHI, UMT dan UTM di Pelabuhan Tanjung Pelepas	Prof. Madya Dr. Arham Bin Abdullah
10-12 Oktober 2017	TH Hotel dan Tasik Kenyir	Bengkel TeamBuilding Pengarah BHI Universiti Awam 2017: *Financial Sustainability at Higher Institutions Learning Through Industrial Linkages*	Prof. Madya Dr. Arham Bin Abdullah
12 Oktober 2017	TH Hotel & Convention Centre, Terengganu	Forum Industri : "Revolusi Industri 4.0: Sinergi Akademia-Industri dalam Memperkasa Industri Maritim dan Kebolehpasaran Graduan"	Semua Malim Industri
10 November 2017	HR Meeting Room, Level 1, Wisma PTP Block A, Gelang Patah, Johor	Perbincangan Berkenaan Port Planning Apprentice Programme (POPA)	Marco Neelsen
28 Julai 2017	Bilik Mesyuarat TDA, Putrajaya	Mesyuarat JK Teknikal ICoE Kluster Maritim Bil. 1/2017	Dato' Zailani Bin Safari

laporan tahunan2017.indd 151 11/06/2018 3:33 PM

Malim industri yang telah dilantik bagi tempoh 2017-2019 yang terdiri daripada :



Prof. Madya Dr. Arham Bin Abdullah

Pengarah
Bahagian Hubungan Industri,
Kementerian Pendidikan Tinggi



Dato' Kamarul Bin Redzuan Muhamed

Ketua Pegawai Eksekutif
Uzma Engineering Sdn Bhd



Datuk Seri Jebbasingam Isaace John

Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)



Marco Neelsen
Ketua Pegawai Eksekutif

Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn Bhd
(Lantikan Malim Industri sehingga 2022)



Dato' Zailani Bin Safari

Ketua Pegawai Eksekutif
Technology Depository Agency



Puan Mariatini Binti Othman

Senior Vice President
Malaysian Technology Development Corporation



Dato' Rozabil Bin Abdul Rahman

Group Managing Director
Destini Berhad



Dr. Harcharan Singh

Senior Vice President,
Innovation Enablement
Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd

laporan tahunan2017.indd 152 11/06/2018 3:33 PM

Buku "Transformasi Inovasi Sosial Komuniti Nelayan"

PPIJI telah menerima peruntukan dana daripada Projek Penyelidikan Translational UMT sebanyak RM50,000 untuk menjalankan kajian Profiling Sosio-ekonomi Penduduk Setiu. Kajian ini telah diketuai oleh Dr. Zaleha Binti Mohamad dengan penglibatan 11 orang pensyarah. Hasil daripada penyelidikan ini telah dibukukan untuk memberi gambaran sebenar perubahan *profilling* masyarakat nelayan. Buku ini merungkai proses pembangunan komuniti nelayan Setiu melalui transformasi inovasi sosial sebagai salah satu langkah untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Buku ini juga memberi tumpuan kepada hasil penyelidikan para penyelidik UMT berkaitan Projek Penternakan Kuda Laut dan Belangkas di kawasan pesisir pantai Setiu melibatkan 385 orang nelayan di Setiu dan 100 nelayan di Besut.



Kesimpulan

PPIJI telah melaksanakan pelbagai langkah yang proaktif dalam menggerakkan fungsi universiti untuk menjalin hubungan antara universiti, institusi-institusi awam dan swasta, industri serta masyarakat demi kepentingan bersama bagi meningkatkan pembangunan negara. PPIJI bertekad untuk terus mempergiat kerjasama strategik dengan pelbagai pihak berkepentingan bagi memastikan banyak manfaat dapat dinikmati oleh semua pihak. Justeru, kerjasama dan sokongan yang erat amat diperlukan daripada semua PTj untuk melonjakkan aktiviti libatsama industri dan komuniti untuk menjana perubahan dan kemajuan bersama.

RM2,731,510.00
jumlah dana yang diperoleh untuk Program Pemindahan Ilmu

RM 1,000,000.00
diperuntukkan oleh KPT untuk menjalankan program kebolehpasaran graduan dalam bidang Maritim

MALIM INDUSTRI
seramai 8 orang telah dilantik untuk membantu memantapkan jaringan industri UMT

PEMENANG KEDUA
bagi Academia-Industry Collaboration Award untuk kerjasama dengan Salihin Chartered

PENERBITAN
Buku Transformasi Inovasi Sosial Komuniti Nelayan

laporan tahunan2017.indd 153 11/06/2018 3:33 PM



Ikan Belalang
Gargariscus spp.



Kecemerlangan Bakat

laporan tahunan2017.indd 155 11/08/2018 3:33 PM



laporan tahunan2017.indd 156 11/06/2018 3:34 PM

Kecemerlangan bakat yang difokuskan dalam lonjakan kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) akan menjadi penanda aras dalam melonjak kecemerlangan bakat kumpulan akademik dan bukan akademik di UMT. Pembangunan bakat cemerlang melalui pemantapan tadbir urus pengurusan dan pembangunan bakat secara holistik dan bersepadu merupakan agenda khusus yang telah direncanakan ke arah meningkatkan pembinaan keupayaan (*capacity building*), mewujudkan nilai-nilai dan budaya kerja positif serta menyediakan sistem tadbir urus yang berkesan.

Perjawatan

Sehingga 31 Disember 2017, UMT mempunyai 1,528 waran jawatan yang merangkumi empat jawatan pengurusan tertinggi, 542 jawatan akademik, 234 jawatan pengurusan dan profesional bukan akademik serta 748 jawatan pelaksana dengan peratus pengisian sebanyak 95.16%. Perincian pengisian jawatan berdasarkan waran adalah seperti di dalam jadual di bawah:



0.3%
Pengurusan Tertinggi

35.5%
Ahli Akademik

49.0%
Kumpulan Pelaksana

15.3%
Kumpulan Pengurusan

laporan tahunan2017.indd 157 11/06/2018 3:34 PM

Pengisian Jawatan Berdasarkan Waran

Kumpulan	Bilangan Waran	Pengisian	Kekosongan
Pengurusan Tertinggi	4	4	0
Ahli Akademik	542	494	48
Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik)	234	223	11
Pelaksana (Bukan Akademik)	748	733	15
Jumlah Keseluruhan	**1,528**	**1,454**	**74**
Peratus Pengisian Keseluruhan	**95.16%**		

Pengisian Jawatan Berdasarkan Taraf Lantikan

Perincian pengisian jawatan berdasarkan taraf lantikan pula adalah seperti di dalam Jadual. Secara keseluruhannya, 85% daripada jawatan di UMT adalah bertaraf tetap, 10% bertaraf kontrak dan selebihnya adalah jawatan bertaraf pinjaman dan sementara. Dengan kapasiti pelajar seramai 10,327 orang, nisbah pensyarah:pelajar adalah 1:19. Nisbah yang ideal bagi program pengajian yang berasaskan sains dan teknologi adalah 1:15. Berdasarkan kepada nisbah tersebut, UMT masih memerlukan sekurang-kurangnya 115 orang pensyarah untuk menampung keperluan tersebut.

Manakala nisbah staf akademik:bukan akademik pula adalah 1:1.7. Nisbah ini merupakan nisbah yang munasabah bagi universiti yang berasaskan sains dan teknologi dan mempunyai dua buah kampus serta empat stesen penyelidikan di Chagar Hutang, Pulau Bidong, Tanah Bencah Setiu dan Tasik Kenyir.

Pengisian Jawatan Staf Berdasarkan Taraf Lantikan

Bil.	Jawatan	Gred/ Kesetaraan Gred	Tetap	Kontrak	Pinjaman	Sementara	Sambilan	Jumlah
			PENGURUSAN TERTINGGI					
1.	Pengurusan Tertinggi		-	-	3	1	-	**4**
			AHLI AKADEMIK					
			PENSYARAH UNIVERSITI					
1.	Profesor	VK5	1	2	-	-	-	**3**
		VK6	2	3	1	-	-	**6**
		VK7	14	5	-	-	-	**19**
2.	Profesor Madya	DS54	57	-	-	-	-	**57**
		DS53	10	7	-	-	-	**17**

laporan tahunan2017.indd 158 11/06/2018 3:34 PM

Bil.	Jawatan	Gred/ Kesetaraan Gred	Tetap	Kontrak	Pinjaman	Sementara	Sambilan	Jumlah
3.	Pensyarah Kanan	DS52	130	-	-	-	-	**130**
		DS51	182	15	1	-	-	**198**
4.	Pensyarah	DS45	96	-	-	2	-	**98**
5.	Tutor	DA41	-	-	-	7	-	**7**
6.	Skim Latihan Akademik Muda (SLAM)	KA09	-	-	-	65	-	**65**
	SKIM LANTIKAN KHAS							
7.	Pengajar Khas Gred (JUSA C)	KA19	-	3	-	-	-	**3**
8.	Pengajar Khas (Gred 53)	KA21	-	5	-	-	-	**5**
9.	Pengajar Khas (Gred 51)	KA20	-	1	-	-	-	**1**
10.	Felo Penyelidik Utama Pelawat	KA22	-	1	-	-	-	**1**
11.	Pasca Kedoktoran	KA06	-	4	-	-	-	**4**
12.	Profesor Adjung (JUSA C)	KA01	-	5	-	-	-	**5**
13.	Profesor Pelawat (JUSA C)	KA02	-	4	-	-	-	**4**
	STAF BUKAN AKADEMIK							
1.	Kumpulan Pengurusan dan Profesional		223	37	-	-	-	**260**
1.	Kumpulan Pelaksana		733	92	-	-	**9**	**834**
	Jumlah		**1,448**	**184**	**5**	**75**	**9**	**1,721**

Pensyarah Berkelulusan Doktor Falsafah (PhD)

Pengambilan pensyarah baharu adalah berdasarkan kepada tiga prinsip strategik iaitu (i) pengisian lompang bidang berdasarkan keperluan ideal nisbah pelajar:pensyarah mengikut program pengajian, (ii) pengambilan calon felo akademik untuk tajaan SLAM adalah berdasarkan pelan penggantian, (iii) keperluan strategik universiti. Pada tahun 2017, seramai 32 bilangan pensyarah baharu yang telah dilantik, iaitu 27 adalah berkelayakan PhD. Secara keseluruhannya, sebanyak 81.2% iaitu 436 orang pensyarah adalah mempunyai kelayakan PhD dan ini telah melebihi sasaran negara iaitu sebanyak 80%. Perincian pensyarah mengikut pusat pengajian dan pendidikan adalah seperti di bawah:

laporan tahunan2017.indd 159 11/06/2018 3:34 PM

Pusat Pengajian/Institut	Bilangan Ahli Akademik	
	PhD	Sarjana
Pusat Pengajian Sains Asas	50	3
Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan	50	8
Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan	40	9
Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran	65	7
Pusat Pengajian Sains Teknologi Makanan	42	2
Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur	35	-
Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim	63	16
Pusat Pengajian Sains Sosial dan Ekonomi	42	9
Pusat Pendidikan Asas dan Liberal	23	45
Institut Oseanografi dan Sekitaran	10	1
Institut Bioteknologi Marin	9	-
Institut Akuakultur dan Tropika	6	1
Institut Penyelidikan Kenyir	1	-
Jumlah	**436**	**101**

Ahli Akademik Antarabangsa

Sehingga 31 Disember 2017, UMT mempunyai seramai 15 orang ahli akademik antarabangsa ke arah usaha melestarikan pendidikan tinggi serta memantapkan ekosistem pendidikan. Pemilihan ahli akademik antarabangsa adalah berdasarkan kepada keperluan strategik untuk menyokong bidang tujahan, kepakaran tertentu dalam bidang kritikal, keupayaan menyumbang penerbitan berimpak tinggi disamping meningkatkan bilangan geran dan pelajar antarabangsa ke UMT. Jadual di bawah memberikan perincian lantikan ahli akademik antarabangsa mengikut jawatan dan negara asal.

Bilangan Ahli Akademik Antarabangsa Mengikut Jawatan dan Negara Asal
Sehingga 31 Disember 2017

Bil.	Jawatan/Gred	Jumlah
1.	Profesor Madya (DS53)	**3 orang** India (1), Nigeria (1), Indonesia (1)
2.	Pensyarah Kanan (DS51)	**11 orang** Indonesia (4), Bangladesh (4), Vietnam (1), Libya (1), Jepun (1)
3.	Pengajar Khas (Gred 53) KA21	**1 orang** Filipina (1)
	Jumlah	**15 orang**

laporan tahunan2017.indd 160 11/06/2018 3:34 PM

Kemajuan Kerjaya

Dari segi kemajuan kerjaya ahli akademik, seramai 29 orang ahli akademik telah mendapat peningkatan kerjaya melalui kenaikan pangkat sepanjang tahun 2017. Proses kenaikan pangkat ahli akademik adalah berdasarkan kepada lima kefungsian utama iaitu pengajaran, penyelidikan dan penerbitan, pemindahan ilmu, pembangunan kendiri dan kepimpinan akademik/pengurusan. Di samping itu, nilai kebersamaan, profesionalisme, etika/sahsiah dan integriti juga diberi penekanan yang kritikal dalam proses kenaikan pangkat ahli akademik.

Manakala, bagi staf bukan akademik pula, 44 orang telah dinaikkan pangkat pada tahun 2017. Daripada jumlah tersebut, seramai 26 orang staf bukan akademik dinaikkan pangkat secara hakiki, 12 orang secara fleksi dan enam orang secara *Time Based* Kecemerlangan (TBK) 13 Tahun. Penilaian kenaikan pangkat staf bukan akademik adalah berdasarkan kepada kecemerlangan dalam tugas hakiki, sumbangan inovasi dalam pekerjaan, perkongsian/pengiktirafan kebolehan dan sumbangan luar tugas rasmi yang signifikan. Aspek sahsiah, keperibadian, integriti dan disiplin turut menjadi elemen penting dalam kriteria kenaikan pangkat. Perincian kenaikan pangkat seperti di dalam jadual di bawah:

Bilangan Kenaikan Pangkat Staf

	Kumpulan	Jumlah
Ahli Akademik	Profesor (VK6)	1
	Profesor (VK7)	1
	Profesor Madya (DS54)	8
	Pensyarah Kanan (DS52)	19
Pengurusan dan Profesional • Hakiki (17) • Fleksi (12)		29
Pelaksana • Hakiki (9) • TBK (6)		15
Jumlah		**73**

Staf Cuti Belajar dan Penajaan *Fellowship*

Sehingga 31 Disember 2017, UMT telah menghantar seramai 72 orang staf untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD). Seramai dua orang tutor dan 50 orang felo akademik telah menerima tajaan bagi melanjutkan pengajian pada peringkat PhD di pelbagai negara. Terdapat enam orang daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional bukan akademik, turut menyahut seruan konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat, iaitu dua orang dan empat orang masing-masing untuk pengajian PhD dan Sarjana. Perincian maklumat berkaitan pegawai cuti belajar mengikut peringkat pengajian adalah seperti di dalam jadual di bawah:

laporan tahunan2017.indd 161 11/06/2018 3:34 PM

Bilangan Pegawai Cuti Belajar Mengikut Peringkat Pengajian

Pengajian	Tempat Pengajian	Jawatan				Jumlah
		Pensyarah	Tutor	Felo Akademik	Bukan Akademik	
Doktor Falsafah	Dalam Negara	10	0	23	2	35
	Luar Negara	4	2	27	0	33
Sarjana	Dalam Negara	0	0	0	4	4
	Luar Negara	0	0	0	0	0
Jumlah		**14**	**2**	**50**	**6**	**72**



laporan tahunan2017.indd 162 11/06/2018 3:34 PM

Program Mobiliti

Pelaksanaan usaha kesejagatan kerjaya ini dijayakan melalui pelbagai inisiatif iaitu Cuti Penyelidikan, Cuti Sabatikal dan Program Sangkutan Akademik dan Bukan Akademik. Ia bertujuan untuk memperhebatkan impak jalinan kerjasama universiti-industri, hubungan dengan profesor/universiti tersohor dalam bidang kepakaran, mempelajari praktis amalan terbaik organisasi luar di samping meningkatkan peluang perolehan geran antarabangsa dan meningkatkan keterlihatan UMT di peringkat global. Jadual di bawah menunjukkan statistik bilangan pegawai yang menjalani program mobiliti sepanjang tahun 2017. Seramai 24 orang daripada 39 orang ahli akademik yang menjalani program mobiliti berjaya ditindikkan di pelbagai industri yang relevan dengan bidang kepakaran masing-masing.

Bilangan Pegawai Akademik yang Menjalani Program Mobiliti bagi Tahun 2017

Program Mobiliti	Dalam Negara	Luar Negara	Jumlah
Cuti Penyelidikan	7	4	11
Cuti Sabatikal	2	2	4
Sangkutan Akademik	10	14	24
Sangkutan Bukan Akademik	1	17	18
Jumlah	**20**	**37**	**57**

Keahlian Badan Profesional

Penglibatan ahli akademik dan pegawai Pengurusan dan Profesional (P&P) bukan akademik dalam persatuan ikhtisas dan persatuan berkaitan kepakaran/bidang tugas masing-masing adalah amat dititikberatkan oleh pengurusan UMT. UMT akan terus menggiatkan usaha tindikkan ahli akademik kepada industri dalam usaha meningkatkan bilangan ahli akademik memperolehi sijil amalan profesional. Sehingga 31 Disember 2017, seramai 320 orang ahli akademik dan 46 orang P&P bukan akademik yang mempunyai keahlian badan profesional di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Jadual berikut menunjukkan statistik kelayakan profesional yang dimiliki oleh staf UMT.

laporan tahunan2017.indd 163 11/06/2018 3:34 PM

Statistik Kelayakan Profesional Sehingga 31 Disember 2017

Keahlian	Jumlah
KEBANGSAAN	
Badan Profesional	87
Persatuan Akademik (Kepakaran/Bidang Tugas)	51
Persatuan Berdaftar	76
Non-Governmental Organization (NGO)	8
ANTARABANGSA	
Badan Profesional/Persatuan Antarabangsa/NGO	144
Jumlah	**366**

Anugerah Kecemerlangan dan Penghargaan

Kecemerlangan dan kewibawaan warga UMT merupakan nadi kepada pembangunan universiti ke arah memperkasakan visi dan misi universiti. Sebagai usaha memartabatkan aspek berkenaan, pelbagai anugerah diwujudkan bagi memberi pengiktirafan kepada warga UMT atas komitmen yang tinggi yang ditunjukkan dalam perkhidmatan. Pengiktirafan kejayaan bakat UMT ini telah dibuktikan melalui kejayaan seorang ahli akademik UMT mendapat pengiktirafan berdasarkan kecemerlangan pengajaran di peringkat kebangsaan dalam Anugerah Pemikiran dan Reka Bentuk Semula Pendidikan Tinggi Malaysia 2017. Di samping itu, pengiktirafan bakat juga telah dianugerahkan di peringkat universiti dalam penganjuran Majlis Anugerah Tahunan 2017. Senarai anugerah dan penerima adalah seperti berikut:

Senarai Penerima Anugerah dan Penghargaan Tahun 2017

Bil	Nama Anugerah	Penerima
	ANUGERAH PERINGKAT KEBANGSAAN 2017	
1.	Anugerah Pemikiran dan Reka Bentuk Semula Pendidikan Tinggi Malaysia 2017	Dr. Shahreza Bin Md. Sheriff JOHAN (Hadiah: Geran Penyelidikan RM20,000) Kategori: Pengajaran Transformatif Tanpa Syarahan
	MAJLIS ANUGERAH TAHUNAN 2017	
2.	Anugerah Kepimpinan Akademik (Keseluruhan)	Prof. Dr. Mohd Effendy Bin Abdul Wahid
3.	Anugerah Kepimpinan Akademik (Muda)	Prof. Madya Dr. Wan Mohd Khairul Bin Wan Mohamed Zin
4.	Anugerah Staf Cemerlang	
	• Pegawai Profesional	Dr. Arnie Binti A. Rahim
	• Kumpulan Pelaksana	Muhamad Razali Bin Salam

laporan tahunan2017.indd 164 11/06/2018 3:34 PM

Bil	Nama Anugerah	Penerima
5.	Anugerah Staf Harapan (Pengurusan dan Profesional)	Mohd Hafriz Bin Nural Azhan
6.	Anugerah Kecemerlangan Sukan (Olahragawan)	Mohd Fadzli Bin Badaudin
7.	Anugerah Kecemerlangan Sukan (Olahragawati)	Mazlina Binti Mohd Razaki
8.	Anugerah Pengajaran dan Pembelajaran (Pensyarah)	Dr. Nur Asma Binti Ariffin
9.	Anugerah Pengajaran dan Pembelajaran (Pensyarah Muda) • Kelompok Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik (IKSA)	Dr. Sandra Catherine A/P Zainathan
	• Kelompok Sains Tulen dan Gunaan (STG)	Dr. Aqilah Binti Mohammad
	• Kelompok Sains Sosial (SS)	Dr. Azza Jauhar Binti Ahmad Tajuddin
10.	Anugerah Buku Ilmiah Terbaik UMT • Sains Tulen	Prof. Dato' Dr. Mohd Tajuddin Bin Abdullah
11.	Anugerah Buku Ilmiah Terbaik UMT • Sains Sosial	Prof. Madya Dr. Noor Rohana Binti Mansor Rosyati Binti Abdul Rashid
12.	Anugerah Penerbitan Penyelidikan • Sains Tulen	Prof. Madya Dr. Ikmar Nizam Bin Mohamad Isa
	• Sains Gunaan	Dr. Norhayati Binti Ibrahim
	• Sains Sosial	Dr. Madihah Binti Mohamad Shukri
13.	Anugerah Makalah Terbaik dalam JBSD	Dr. Sherrina Binti Zakaria Nuruzlinda Binti Abdul Rahman
14.	Anugerah Makalah Terbaik dalam JSSM	Prof. Madya Dr. Faridah Binti Mohamad Prof. Madya Dr. Noraznawati Binti Ismail Dr. Amirrudin Bin Ahmad Amirul Asyraf Bin Alia'm
15.	Anugerah Khas Sekalung Budi	Mohd Azman Bin Yusoff
16.	Anugerah Pengurusan Pusat Tanggungjawab Terbaik	Institut Akuakultur Tropika (AKUATROP)
17.	Anugerah Khidmat Komuniti Cemerlang	Institut Akuakultur Tropika (AKUATROP)
18.	Anugerah Inovasi Pengurusan	Kumpulan CUBE





Pembangunan Bakat

Pada tahun 2017, Pusat Pembangunan Bakat dan Inovasi (PPBI) yang menggabungkan Pusat Pembangunan Bakat Akademik dan Inovasi dan Pusat Pengurusan Bakat Profesional dan Staf Sokongan telah ditubuhkan bagi mengintegrasikan secara bersepadu pengurusan latihan bakat akademik dan bukan akademik. Pembangunan Bakat secara berstrategi dan sinergi adalah penting dalam proses pengukuhan individu bakat universiti dan institusi ke arah mencapai misi dan visi UMT iaitu sebagai universiti berfokuskan marin dan sumber akuatik yang unggul. Penerapan akademik berbudaya cemerlang semasa melaksanakan urusan teras (pengajaran, penyelidikan dan pemindahan ilmu) merupakan matlamat akhir usaha memperkukuhkan kualiti pendidikan tinggi. Peranan bakat sokongan akademik iaitu para pentadbir, pengurus dan pelaksana (PPP) perlu digandingkan secara sinergi dan berintegrasi dengan para ahli akademik. Justeru, pelan latihan bersepadu akademik-PPP adalah sangat kritikal dalam usaha merapatkan jurang peranan masing-masing ke arah sumbangan dan kebersamaan dalam memacu kecemerlangan universiti. Tahun 2017 menyaksikan PPBI memulakan langkah dengan memperkasakan pembangunan kapasiti bakat dan memfokuskan komponen kefungsian mengikut skim jawatan.

Pemerkasaan kepemimpinan universiti dalam aspek akademik, tadbir urus, pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan dan inovasi serta pengkomersialan adalah menjadi projek agenda kritikal (CAP) Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Justeru, Seksyen Pelan Penggantian (SPP) telah diwujudkan di PPBI, sebagai satu wadah pembangunan pelan penggantian dan kelompok bakat kepemimpinan universiti.

Kursus/Latihan

Pada tahun 2017, PPBI telah melaksanakan Takwim Latihan yang terancang kepada ahli akademik dalam memantapkan ilmu dan kemahiran untuk menjalankan tugas hakiki iaitu pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan dan inovasi serta pemindahan ilmu. Sebanyak 28 modul latihan telah dihadiri oleh 708 ahli akademik. Selain itu, UMT juga telah dilantik oleh pihak AKEPT sebagai Ketua Zon Timur bagi menganjurkan AKEPT *Competency Enhancement Programme* (ACEP) 2017 bagi Modul T103 *Learning Engagement and Motivation* dan Modul T111 *Problem Based Learning* sebanyak tiga aras peringkat Zon Timur. Dalam program ini, seramai 13 orang potensi jurulatih P&P UMT telah dibangunkan. Kumpulan bakat jurulatih P&P ini telah dilatih menjadi kumpulan pembina modul dan fasilitator kepada program latihan P&P asas.

Bagi Komponen bukan akademik, sebanyak 109 latihan telah ditawarkan pada tahun 2017. Komponen latihan ini dikategorikan kepada kategori Citra, Generik dan Kefungsian. Gerak gempur pembangunan modul kefungsian mengikut skim perjawatan dilaksanakan melalui beberapa pendekatan. Antaranya ialah pelantikan kumpulan penggerak mengikut skim perjawatan, mempelajari amalan terbaik rakan universiti awam yang lain melalui platform Jawatankuasa Latihan Universiti-universiti Malaysia (JALUMA) dan memperkasakan pengurusan penawaran kursus. Selain itu,

laporan tahunan2017.indd 166 11/06/2018 3:34 PM

konsep perkongsian ilmu dan pengalaman diterapkan dalam kalangan pegawai senior melalui lantikan penceramah kepada modul latihan berteraskan praktikal. Hal ini secara tidak langsung akan menggalakkan budaya perkongsian ilmu dan kepakaran dalam kalangan staf. Pada tahun ini, seramai 37 pegawai senior telah dilantik sebagai penceramah dan penunjuk ajar. Perincian kursus/latihan yang ditawarkan pada tahun 2017 adalah seperti di bawah:

Jenis Latihan yang Ditawarkan Kepada Staf

Bil.	Jenis Latihan	Bilangan Latihan
	MODUL AKADEMIK	
1.	Kursus Pengajaran dan Pembelajaran	14
2.	Kursus e-Pembelajaran	4
3.	Kursus Penyelidikan dan Inovasi	2
4.	Kursus Induksi Pengajaran dan Pembelajaran	1
5.	Kursus *Coaching & Mentoring* (Bengkel *Click* Jiwa)	1
6.	AKEPT Competency Enhancement Programme (ACEP)	6
	MODUL BUKAN AKADEMIK	
7.	Kursus Generik	37
8.	Kursus Fungsian	13
9.	Kursus ICT	14
10.	Kursus Luar UMT (Fungsian)	45
	Jumlah	**137**

Konferensi dan Latihan Akademik

Penyebaran dan perkongsian hasil penyelidikan di arena kebangsaan dan antarabangsa merupakan wadah penting untuk meningkatkan penerbitan artikel dan melonjakkan keterlihatan global. Pada tahun 2017, seramai 517 orang ahli akademik telah menghadiri konferensi dan latihan akademik, iaitu 222 orang (43%) hadir konferensi/latihan dalam negara, manakala 295 orang lagi menyertai konferensi/latihan di luar negara. Penyertaan dibiayai sama ada secara bantuan kewangan universiti, geran penyelidikan individu, pembiayaan penganjur atau peruntukan sendiri.

Jadual di bawah menunjukkan 59% ahli akademik yang menghadiri konferensi dan latihan dalam/luar negara adalah dibiayai melalui peruntukan mobiliti akademik. Melalui peruntukan sebanyak RM900,000.00, seramai 305 orang ahli akademik telah diluluskan untuk menghadiri konferensi dan latihan akademik, iaitu 141 orang (46%) telah menghadiri konferensi dalam negara manakala 164 orang lagi (54%) lagi menyertai konferensi luar negara. Seramai 26 orang (9%) ahli akademik telah dilantik sebagai Pengucap Utama/Penceramah Plenari/Penceramah jemputan untuk konferensi dalam negara dan luar negara. Ini menunjukkan bahawa komuniti akademik global mengiktiraf dan merujuk kepakaran ahli akademik UMT.

laporan tahunan2017.indd 167 11/06/2018 3:34 PM

Jenis Pembiayaan bagi Ahli Akademik yang Menghadiri Konferensi dan Latihan Akademik Dalam dan Luar Negara

Kategori	Peruntukan mobiliti akademik		Geran Penyelidikan		Penganjur		Vot PTJ		Peruntukan Sendiri	
	DN	LN	DN	LN	DN	LN	DN	LN	DN	LN
Konferensi	115	139	49	48	3	10	3	12	19	19
Kursus/Bengkel	8	4	1	8	1	19	-	-	-	-
Latihan Kepimpinan Anjuran AKEPT	13	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pengucap Utama/ Plenari/Jemputan	5	21	1	1	2	10	1	3	1	1
Jumlah	**141**	**164**	**51**	**57**	**6**	**39**	**4**	**15**	**20**	**20**

Nota:
DN = Dalam Negara
LN = Luar Negara



laporan tahunan2017.indd 168 11/06/2018 3:34 PM

Program Pembangunan Kelompok Bakat Pemimpin Akademik

Pada tahun 2017, PPBI telah memperkenalkan dua inisiatif utama untuk program pembangunan Kelompok Bakat Pemimpin Akademik iaitu:

- Kelompok Jurulatih Pembelajaran dan Pengajaran (*Champion for T&L)*

PPBI telah menawarkan 25 modul latihan akademik berasaskan Pengajaran dan Pembelajaran yang bertujuan untuk memberi pengetahuan kepada pensyarah mengenai *Outcome-Based Education* (OBE) yang merupakan kaedah pembelajaran dan pengajaran berpusatkan pelajar bagi tujuan meningkatkan keberkesanan hasil pembelajaran yang akan diukur berasaskan pengetahuan dan kemampuan pelajar. Pensyarah juga didedahkan mengenai perancangan kurikulum, memperincikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan mempertingkatkan kefahaman tentang penyediaan rangka instruksional kursus bagi tujuan pengukuran pencapaian hasil pembelajaran kursus dan program. Seramai 648 orang bakat akademik UMT telah dilatih oleh kelompok jurulatih P&P UMT iaitu seramai 17 orang.

- Kelompok Jurulatih Utama Bimbingan-NLP (*Master Trainer for NLP-Coaching)*

Program ini bertujuan melahirkan Jurulatih Utama Pembimbing-NLP selaras dengan pelantikan UMT selaku Pengurus Pusat Kecemerlangan NLP Pantai Timur. Seramai tujuh orang staf UMT telah dilatih oleh pihak MTM Consultants. Jurulatih Utama berperanan sebagai Jurulatih kepada program *Training of Trainer* kepada 52 pensyarah selaku pembimbing siswa dan 201 orang pelajar sarjana muda.

Program *Click Jiwa* juga telah dilaksanakan pada 27 hingga 29 Ogos 2017 yang mana program ini merupakan program asas *coaching* yang diperkenalkan untuk ahli akademik yang terdiri dalam kalangan pensyarah dan pengerusi program yang terpilih sebagai penasihat akademik kepada para pelajar dalam strategi melahirkan pelajar cemerlang, menangani pelajar lemah serta strategi peningkatan prestasi pelajar.

Pelbagai program pengukuhan akademik turut dilaksanakan di pusat pengajian menggunakan modul *NLP for students.*



laporan tahunan2017.indd 169 11/06/2018 3:34 PM

Program Selam Scuba Golongan Khas/Kids Scuba/DiveHeart

Selaras dengan bidang tujahan UMT iaitu Ilmu Akuatik dan Sumber Kelautan, UMT telah mengadakan program UMT *Kids Scuba Diveheart* OKU pada 1 hingga 3 Ogos 2017 yang mana program ini diadakan bagi melahirkan kumpulan perintis penyelam skuba Orang Kurang Upaya (OKU) di dasar laut yang pertama di Malaysia. Program ini merupakan program kerjasama UMT bersama Persatuan Jurulatih Menyelam Profesional (PADI) yang melibatkan 10 orang OKU sebagai perintis program.

Kursus Search and Recue Fasilitator Surival Laut dan Penghayatan Warisan (SLPW)

Kursus *Search and Rescue* Fasilitator Surival Laut dan Penghayatan Warisan telah diadakan pada 18 hingga 21 Disember 2017 yang melibatkan 30 orang fasilitator Surival Laut dan Penghayatan Warisan. Kursus SAR ini diadakan bagi memperkasakan fasilitator SLPW dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai fasilitator yang diiktiraf serta mempertingkatkan kemahiran fasilitator dalam penyelamatan di laut dan di daratan. Kesemua 30 fasilitator telah diberi sijil kursus yang dikeluarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan disahkan oleh pihak NIOSH bagi mengiktiraf kelayakan mereka sebagai fasilitator SLPW.



Program CEO@Faculty Programme 2.0

CEO Faculty Programme 2.0 merupakan agenda yang diperkenalkan oleh KPT pada April 2017 dengan slogan "*Coached by the PROs*" sebagai platform pendedahan industri kepada pensyarah muda secara bimbingan peribadi daripada CEO syarikat multinasional. Seramai 53 orang pensyarah daripada 465 calon telah dipilih sebagai Felo untuk CEO@Faculty Programme 2.0. UMT merasa sangat berbangga dengan kejayaan Prof. Madya Dr. Lam Su Shiung, pensyarah di Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan yang telah dipilih oleh KPT sebagai Felo untuk CEO@Faculty Programme 2.0. Prof. Madya Dr. Lam Su Shiung telah ditempatkan di bawah seliaan mentor utama, Encik Leonard Ariff Bin Abdul Shatar, Pengarah Urusan Kumpulan, Chemical Company Malaysia (CCM) Berhad selama enam bulan (September 2017-Februari 2018). Sepanjang program ini, beliau telah berkesempatan untuk menjalani kehidupan korporat dan telah diberi pendedahan untuk berurusan dengan pelanggan perniagaan, mewakili CCM untuk menilai kemajuan projek R&D dan telah mengikuti beberapa kursus kepimpinan. Beliau juga telah diberi peluang untuk ke Korea Selatan selama tiga hari bagi mendapat khidmat nasihat pakar mengenai kaedah pelaksanaan pengkomersialan dari sudut industri. Beliau juga telah berjaya mendapatkan geran pembangunan teknologi/produk yang berpotensi 'mengganggu' industri polimer melalui kerjasama R&D yang melibatkan komitmen selama tiga tahun antara CCM Polymers dan UMT bagi tujuan pengkomersialan bersama melalui geran yang sepadan berjumlah RM100,000.





laporan tahunan2017.indd 171 11/06/2018 3:34 PM

Syarahan Inaugural Profesor

Sepanjang penubuhan, UMT telah mengadakan sebanyak 26 siri Syarahan Inaugural sebagai wadah untuk menyebarkan kesarjanaan ilmu seseorang profesor. Sebanyak empat penerbitan manuskrip berasaskan bidang dan disampaikan melalui Syarahan Inaugural telah dianjurkan sepanjang tahun 2017 seperti berikut:



Prof. Mohd Lazim Bin Abdullah

From Fuzzy Sets to Fuzzy Multi-Criteria Decision Making

7 Mei 2017
Siri 23 Bil.1/2017



Prof. Dr. Nakisah Binti Mat Amin

Free-Living Amoebae Their Existence, Threats and Benefits

1 Ogos 2017
Siri 24 Bil.2/2017



Prof. Dr. Othman Bin Haji Ross

Unveiling Secrets of the Shore

29 Oktober 2017
Siri 25 Bil.3/2017



Prof. Dato' Dr. Anuar Bin Hassan

Breeding Technology for Sustainable Aquaculture and Food Security

13 Disember 2017
Siri 26 Bil.4/2017

laporan tahunan2017.indd 172 11/06/2018 3:34 PM

Pencapaian dalam Sukan

Sukan staf mencatatkan kejayaan cemerlang dalam pelbagai siri kejohanan sukan seperti Kejohanan Sukan Staf antara Universiti Malaysia (SUKUM), Kejohanan Sukan Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN), Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK) dan *Grand Final Phoenix League*. UMT telah mengungguli pencapaian sukan dengan meraih pingat Emas dalam acara Badminton, Berbasikal (Individu) dan Tenis SUKUM, acara Boling Padang Berpasukan (Lelaki) SUKANUN, acara Badminton (Berpasukan) dan Boling Padang MAKSAK serta Golf Berpasukan (VIP) Kejohanan Golf IPTA. UMT turut mengungguli Kejohanan Golf IPTA dengan menjadi Juara Keseluruhan kejohanan berkenaan. Perincian pencapaian adalah seperti berikut:

Pencapaian Staf dalam Sukan Bagi Tahun 2017

Bil	Acara	Pencapaian
Kejohanan Sukan Antara Staf Universiti Malaysia (SUKUM)		
1.	Badminton	Pingat Emas
2.	Tenis	Pingat Emas
3.	Berbasikal (Individu)	Pingat Emas
4.	Bola Tampar	Pingat Gangsa
5.	Bola Sepak	Pingat Gangsa
Kejohanan Sukan Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN)		
6.	Boling Padang (Berpasukan Lelaki)	Pingat Emas
7.	Boling Padang (Berpasukan Wanita)	Pingat Perak
Majlis Sukan Dan Kebajikan Anggota Kerajaan (MAKSAK)		
8.	Badminton (Berpasukan)	Pingat Emas
9.	Boling Padang	Pingat Emas
10.	Bola Tampar	Pingat Gangsa
Kejohanan Golf IPTA		
Juara Keseluruhan		
11.	Berpasukan (VIP)	Pingat Emas
12.	Berpasukan (NETT)	Pingat Gangsa
Grand Final Phoenix League 2017		
13.	Dart	Naib Johan

laporan tahunan2017.indd 173 11/06/2018 3:34 PM





laporan tahunan2017.indd 174 11/06/2018 3:34 PM

Kesimpulan

Kecemerlangan bakat universiti merupakan teras kepada pemantapan struktur organisasi gedung ilmu bagi memacu Pelan Strategik yang telah dirangka, baik di peringkat universiti mahupun di peringkat kebangsaan. Usaha universiti dengan memantapkan tadbir urus bakat serta mewujudkan pelbagai inisiatif untuk pembangunan kapasiti bakat merupakan penzahiran kepada membina bakat yang lebih unggul. Pembangunan kapasiti bakat secara menyeluruh juga memberi ruang dan peluang kepada individu bakat untuk bergerak dalam era globalisasi yang semakin mencabar dan dinamik.

95.16%
pengisian waran jawatan

RM900,000.00
peruntukan mobiliti akademik

366
bakat universiti mempunyai keahlian dalam badan professional/persatuan/ NGO

517
ahli akademik menghadiri konferensi/ latihan akademik di dalam dan luar negara

laporan tahunan2017.indd 175 11/06/2018 3:34 PM



Ikan Belida Tompok
Notopterus spp.

laporan tahunan2017.indd 178 11/08/2018 3:34 PM



Perkhidmatan dan Fasiliti

laporan tahunan2017.indd 177 11/06/2018 3:34 PM



laporan tahunan2017.indd 178 11/06/2018 3:34 PM

Pembangunan pelbagai projek infrastruktur dan fasiliti UMT dilaksanakan bagi tujuan memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran serta kemudahan pelajar. Projek-projek ini dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan pembangunan dan peruntukan mengurus yang meliputi pembangunan UMT di Kampus Induk, Kampus Bukit Kor, pusat-pusat penyelidikan seperti Pulau Bidong, Chagar Hutang, Tasik Kenyir dan Stesen Penyelidikan Luar (Tanah Bencah Setiu).

Projek Pembangunan RMKe-10

a) Makmal Sains Nautika






Status	: Telah siap 100%
Agensi Pelaksana	: Universiti Malaysia Terengganu
Kos Projek	: RM8,000,000.00
Tarikh Siap	: 20 Julai 2017

Fasiliti yang disediakan :

Makmal *Hydrodynamic/Coastal/Offshore*, Makmal *Design & Simulation*, Makmal *Marin Fluid Power*, Makmal *Electronic Navigation Aid*, Makmal *Stability & Cargo Handing*, Bengkel *Seaman Ship*, Bengkel Nautika, *Studio Chartwork*, Bilik Pegawai, Bilik Siswazah dan Bilik Persediaan.

laporan tahunan2017.indd 179 11/06/2018 3:34 PM

b) Institut Bioteknologi Marin



Pelan Cadangan Pembangunan





Gambar Kemajuan di Tapak

Status Kemajuan Projek	: 75%
Agensi Pelaksana	: Jabatan Kerja Raya Malaysia
Kos Projek	: RM10,000,000.00
Tarikh Dijangka Siap	: 4 Mac 2018

Fasiliti yang disediakan:

Ruang Galeri, Bilik Pegawai, Cafetaria, Makmal, Surau, Bilik-bilik Penyelidikan dan Pembelajaran, Ruang Pentadbiran

laporan tahunan2017.indd 180 11/06/2018 3:34 PM

c) Pusat Penyelidikan Tasik Kenyir



Pelan Cadangan Pembangunan



Gambar Kemajuan di Tapak

Status Kemajuan Projek	: 58%
Agensi Pelaksana	: Universiti Malaysia Terengganu
Kos Projek	: RM8,000,000.00
Tarikh Dijangka Siap	: 30 April 2018

Fasiliti yang disediakan:

Blok Pentadbiran, Dewan Kuliah, Blok Makmal, Kafetaria, Surau, Wakaf Serba Guna, Blok Penginapan (Dorm), Penginapan Penyelidik, Tapak Perkhemahan dan Jeti.

laporan tahunan2017.indd 181 11/06/2018 3:34 PM

Pembangunan Kampus UMT Bukit Kor

Kampus UMT Bukit Kor dibina di atas tanah seluas 600 ekar, dan telah dibahagikan kepada tiga zon iaitu 200 ekar bagi zon pembangunan, 178 ekar bagi zon pertanian dan penternakan serta 222 ekar bagi zon pengekalan dan rekreasi.

Beberapa kemudahan bagi tujuan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan telah dibina di Kampus Bukit Kor antaranya dua blok asrama dan laluan masuk yang ditambah baik. Beberapa tapak amali telah dibangunkan secara berperingkat bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran dan projek tanaman komersial.



Tapak Amali



Pembinaan Pagar Projek Kelulut

Projek Pembangunan RMKe-11

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah meluluskan siling peruntukan pembangunan RMKe-11 (RP1-RP2) dengan jumlah keseluruhan siling peruntukan adalah sebagaimana jadual di bawah:

Kelulusan Peruntukan Pembangunan RMKe-11

BIL	TAJUK PROJEK	KOS KESELURUHAN (RM)	PERUNTUKAN DILULUSKAN 2016 (RP1) (RM)	PERUNTUKAN DILULUSKAN 2017 (RP2) (RM)
A.	**Rolling Plan 1**			
1	Kompleks Pusat Pendidikan dan Pembangunan Insaniah di Kampus Bukit Kor	25,000,000.00	5,000,000.00	5,000,000.00
2	Kompleks Makmal Perikanan dan Akuakultur, Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur	9,000,000.00	3,400,000.00	5,600,000.00
3	Pembinaan Lingkaran Jalan dan Jambatan untuk Kemudahan Asrama PFI	8,112,000.00	-	2,000,000.00
4.	Pembangunan Lestari Stesen Penyelidikan Luar	3,000,000.00	1,000,000.00	2,000,000.00
B.	**Rolling Plan 2**			
5.	UMT-Sistem Tebatan Banjir dan Sistem Pencegahan Hakisan Pantai	40,000,000.00	-	2,000,000.00
	JUMLAH	**85,112,000.00**	**9,400,000.00**	**16,600,000.00**

laporan tahunan2017.indd 182 11/06/2018 3:34 PM

Salah satu projek pembangunan RMKe-11 berada dalam peringkat pembinaan iaitu Kompleks Makmal Perikanan dan Akuakultur PPSPA.




Pelan Cadangan Pembangunan






Gambar Kemajuan di Tapak

Status Kemajuan Projek	: 20.5%
Agensi Pelaksana	: Universiti Malaysia Terengganu
Kos Projek	: RM9, 000,000.00
Tarikh Dijangka Siap	: 3 Februari 2019

Fasiliti yang disediakan:

Blok Pentadbiran, Makmal Penetasan, Makmal Asuhan dan Pengeluaran, Makmal Makanan Formula & Bengkel Akuakultur dan Ruang Kompleks

laporan tahunan2017.indd 183 11/06/2018 3:34 PM

Manakala bagi dua lagi projek pembangunan RMKe-11 berada dalam peringkat perolehan iaitu:-

a. Kompleks Pusat Pendidikan dan Pembangunan Insaniah di Bukit Kor





Agensi Pelaksana : Jabatan Kerja Raya
Status Kemajuan : Jangkaan tender pada Januari 2018
Fasiliti yang disediakan :
Blok Pentadbiran, Blok Pengajaran, Blok Sukan, Rekreasi & Kebudayaan, Blok Badan Beruniform & Astaka, Plaza, Pentas Terbuka, Padang Kawad, Lapang Sasar.

b. Pembangunan Lestari Stesen Penyelidikan Luar

Cadangan pembangunan lestari stesen penyelidikan luar meliputi tiga stesen penyelidikan sebagaimana berikut :





Pelan Cadangan Pembangunan Stesen Penyelidikan Pulau Bidong

Agensi Pelaksana : Universiti Malaysia Terengganu
Status Kemajuan : Jangkaan tender pada Februari 2018
Fasiliti yang disediakan :
Lobi, Bilik Seminar, Makmal, Asrama, Bilik Penyelidik, Dapur dan Ruang Makan.

laporan tahunan2017.indd 184 11/06/2018 3:34 PM



Pelan Cadangan Pembangunan Stesen Penyelidikan Penyu Chagar Hutang, Pulau Redang

Perkhidmatan Pengurusan Kompleks Makmal dan Pengangkutan Laut UMT

Makmal Berpusat (MB), Universiti Malaysia Terengganu telah ditubuhkan pada 1 Januari 2013. Fungsi utama Makmal Berpusat adalah sebagai salah sebuah organisasi yang mendokong kepada kecemerlangan penyelidikan di UMT. MB terdiri daripada tiga bahagian utama iaitu Pengurusan Kompleks Makmal, Pengurusan Kapal dan Bot serta Pengurusan Lapangan.

Bahagian Pengurusan Makmal, MB mempunyai kemudahan fasiliti sebagaimana berikut:

Bil.	Kemudahan/ Fasiliti
1.	15 unit instrumentasi berteknologi tinggi
2.	12 buah makmal penyelidikan
3.	8 buah makmal SIG
4.	6 buah makmal pengajaran

laporan tahunan2017.indd 185 11/06/2018 3:34 PM

Manakala, Bahagian Pengurusan Kapal dan Bot menyediakan perkhidmatan sebagaimana berikut:

Bil.	Kemudahan
1.	18 buah bot
2.	Sebuah kapal RV Discovery
3.	Sebuah makmal bergerak di Tasik Kenyir

Bahagian Pengurusan Lapangan pula mendokong aktiviti penyelidikan yang meliputi stesen-stesen penyelidikan luar UMT sebagaimana berikut:

Bil.	Stesen
1.	Stesen Penyelidikan Alami Marin UMT, Pulau Bidong
2.	Stesen Penyelidikan Tanah Bencah Setiu, Setiu
3.	Stesen Penyelidikan Penyu UMT, Chagar Hutang
4.	Stesen Penyelidikan UMT, Tasik Kenyir

Pada 2017, MB telah mengadakan pelbagai aktiviti dan telah menyediakan perkhidmatan yang cemerlang memenuhi kehendak para pelajar, pensyarah, penyelidik untuk fungsi pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan universiti, komuniti, pelbagai agensi kerajaan dan swasta serta NGO berdasarkan kepada fasiliti yang sedia ada di jabatan.

Antara aktiviti MB pada tahun 2017 adalah sebagaimana berikut:

Tarikh	Program	Jumlah Peserta	PTj/Agensi
14-15 September 2017	Merdeka Dive 2017	120	Makmal Berpusat
15-28 Oktober 2017	Program Ekskavasi Arkeologi Marin Bidong	50	TNC (HEPI)
05-8 Oktober 2017	Record Dive Longest Underwater Human Chain	200	Kementerian Pelancongan - UMT
04 - 27 Mac 2017	Program Pelayaran Kajian Saintifik (UKM-FIO 2017 FASA 1)	15	UKM
31 Mac - 3 April 2017	Pelayaran HI-COE di Perairan Kelantan FASA 1	20	INOS UMT
17 September – 06 Oktober 2017	Program Pelayaran Kajian Saintifik (UKM-FIO 2017 FASA 1)	20	UKM
11 Julai 2017	Hari Bersama Makmal Berpusat dan Perasmian Makmal SATREPS-COSMOS	200	Makmal Berpusat
12 Julai 2017	Lawatan Kerja SOKA Universiti ke Stesen Penyelidikan UMT, Pulau Bidong	15	Makmal Berpusat
12 Disember 2017	Technical Training : High Performance Liquid Chromatography	20	Makmal Berpusat

laporan tahunan2017.indd 186 11/06/2018 3:34 PM

Perkhidmatan Kesihatan, Perubatan dan Pergigian

Perkhidmatan Kesihatan Pelajar

Sepanjang tahun 2017, UMT telah menjalankan beberapa program kesihatan bagi menjamin kesihatan dan kesejahteraan pelajar UMT.

Bil	Program	Objektif
1	*Road Show* : • PKU Cakna Warga - Melakukan Pemeriksaan BMI dan Ujian Darah serta Konsultasi • Kesedaran Kesihatan Sosial - Interaktif bersama Pelajar di Kelas yang Terpilih - Saringan HIV dan TIBI	Meningkatkan kesedaran penjagaan kesihatan dan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan warga.
2.	Program Derma Darah	Menampung tabung Unit Darah, HSNZ yang semakin meningkat.
3	Ceramah Kesihatan TIBI UMT 2017	• Meningkatkan kesedaran pelajar dan staf tentang Tibi. • Meningkatkan kesedaran pelajar dan staf tentang betapa pentingnya mencegah penyakit berjangkit khususnya Tibi. • Mencegah penularan wabak penyakit berjangkit dalam warga UMT.
4	Program Jom Sihat • Senaman Waitankung • 10 ribu langkah UMT • Senaman Waitankung	• Membudayakan gaya hidup sihat kepada staf UMT dan pelajar yang bakal menjadi pemimpin masa depan negara. • Memberi pendedahan kepada peserta aktiviti-aktiviti yang dapat dilakukan bagi mengekalkan kesihatan fizikal dan mental di tahap optima. • Merapatkan ikatan ukhuwah antara staf dan pelajar UMT.
5.	Aktiviti *Fogging* di Kawasan Sekitar Kolej Siswa	• Memastikan tempat kediaman pelajar dalam keadaan selamat dan dilakukan sebelum kemasukan pelajar setiap semester.
6.	Program Bulan Kesedaran Ancaman Kesihatan Sosial	• Memberi peluang secara langsung kepada pelajar UMT untuk mendapatkan perkhidmatan nasihat kesihatan awam berkaitan penyakit tersebut. • Mencegah penularan wabak penyakit berjangkit dalam kalangan warga UMT.
7.	Ceramah Adakah Jiwaku Bercelaru	
8.	Program Gempur Aedes UMT 2017	• Mencegah pembiakan nyamuk aedes yang boleh mengakibatkan demam denggi di samping mendidik masyarakat setempat untuk menjaga kebersihan kawasan tempat tinggal masing-masing.







UMT juga menawarkan perkhidmatan perubatan dan pergigian kepada pelajar dan staf.

Jumlah Kedatangan Pelanggan Perubatan



Nota: OPD = Out Patient Department

Jumlah Kedatangan Pelanggan Pergigian



laporan tahunan2017.indd 188 11/06/2018 3:34 PM

Sumber Ilmu

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ) merupakan pusat rujukan utama yang menyokong aktiviti pembelajaran dan pengajaran. Secara keseluruhan jumlah koleksi telah meningkat sebanyak 5,386 naskhah (3.2%) dan telah mencatatkan aktiviti pinjaman serta muat turun sebanyak **903,482** naskhah/unit. Peningkatan jumlah koleksi ini membolehkan pengguna memanfaatkan sebaik mungkin koleksi rujukan utama bagi menyokong pembelajaran di UMT.

Ringkasan keseluruhan koleksi adalah seperti berikut:

Bil	Sumber	Jumlah Naskhah	Jumlah Dipinjam/Dimuat Turun
1.	Sumber Bercetak	106,219	18,976
2.	Sumber Tidak Bercetak	11,062	36
3.	Sumber Atas Talian	55,258	**884,470**
	Jumlah Koleksi	**172,539**	**903,482**

Berikut adalah pecahan koleksi dan bilangan dipinjam secara terperinci:

1. Sumber Bercetak

Sumber/Tahun	Bilangan Koleksi				Bilangan Dipinjam	
	Judul		Naskhah		Naskhah	
	2017	2016	2017	2016	2017	2016
Buku	83,837	81,953	99,185	96,790	18,920	21,559
Jurnal	1715	1,672	5739	5,638	56	176
Jumlah Keseluruhan	**85,552**	**83,625**	**104,924**	**102,428**	**18,976**	**21,735**



2. Sumber Tidak Bercetak

Sumber/Tahun	Bilangan Koleksi				Bilangan Dipinjam (Naskhah/Unit)	
	Judul		Naskhah/Unit			
	2017	2016	2017	2016	2017	2016
Laporan Projek Elektronik	2,907	1,516	2,907	1,516		
Tesis Elektronik	969	853	969	853		
Carta	16	17	16	17	-	-
CD ROM	5,972	5,922	7,251	7,186	30	22
Digital Audio Tape	2	2	2	2	-	-
Digital Video Tape – DVD	1,114	1,107	1,515	1,510	6	78
Video Compact Disc	673	673	839	839	-	1
Disket	15	15	18	18	-	-
Fotograf	8	8	13	13	-	-
Kaset	80	80	160	160	-	-
Kit	4	4	27	27	-	-
Peta	12	12	43	43	-	-
Poster	24	24	104	104	-	-
Slaid	2	2	2	2	-	-
Video	921	923	1072	1,074	-	-
Jumlah Keseluruhan	**12,719**	**11,158**	**14,938**	**13,364**	**36**	**101**





3. Sumber Atas Talian

Sumber/Tahun	Bilangan Koleksi				Bilangan Dimuat Turun Naskhah/Unit	
	Judul		Naskhah/Unit			
	2017	2016	2017	2016	2017	2016
Jurnal Elektronik	44	48	44	48	-	-
Pangkalan Data	18	22	18	22	605,335	623,232
E-Book	55,196	51,291	55,196	51,291	279,135	3,332499
Jumlah Keseluruhan	**55,258**	**51,361**	**55,258**	**51,361**	**884,470**	**3,955,731**

Koleksi Digital Perpustakaan

Koleksi digital merupakan sebahagian daripada bahan yang boleh digunakan oleh pengguna PSNZ sebagai alternatif kepada bahan bercetak. Bahan digital ini sentiasa ditingkatkan bilangannya melalui kaedah langganan dan pengimbasan bahan dalaman UMT. Sehingga tahun 2017, sebanyak 18 platform pangkalan data dilanggan oleh PSNZ dan KPT serta 24 platform *e-books* dilanggan oleh UMT.



laporan tahunan2017.indd 191 11/06/2018 3:34 PM

Pemerkasaan Repositori Digital Institusi

Sejajar dengan hasrat universiti untuk memperkukuhkan koleksi digital yang menyokong ekosistem pembelajaran dan akses secara digital, sebanyak 9,819 unit bahan telah diimbas. Aktiviti pengukuhan repositori digital institusi ini telah mencatatkan peningkatan sebanyak 48.7% berbanding tahun 2016 iaitu sebanyak 6,600 unit bahan. Perincian bahan diimbas adalah seperti mana di dalam jadual di bawah.

Bil.	Jenis Bahan	Jumlah Bahan Diimbas
1	Tesis	969
2	Laporan Projek	2,907
3	Koleksi Arkib	1,110
4	Koleksi Myra	1,744
5	Kertas Soalan Peperiksaan	1,440
6	Koleksi PSNZ	9
7	Koleksi Gambar	252
8	E-Book	1,020
9	Bahan Perikanan	54
10	Minit Mesyuarat	314
	JUMLAH	**9,819**

*Jumlah bahan yang telah diimbas sehingga 31 Disember 2017

Capaian perkhidmatan secara digital

Penggunaan ICT dalam penyampaian perkhidmatan serta penyediaan ruang khas untuk akses koleksi seperti tesis dan kertas soalan memberikan kelebihan kepada pengguna dalam menggunakan sumber perpustakaan secara lebih berkesan. Perkara ini dapat dilihat melalui rekod yang telah dicatatkan untuk aktiviti seperti rajah berikut:



laporan tahunan2017.indd 192 11/06/2018 3:34 PM

Aktiviti Perpustakaan

Aktiviti bersama pelanggan menekankan pembangunan kompetensi pengguna dalam aspek melaksanakan penyelidikan yang berkualiti, penggunaan pangkalan data dan pendedahan kemahiran maklumat. Berikut adalah antara aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017.

PSNZ *Open Day* 2017

Program Hari Bersama Pelanggan merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh PSNZ untuk lebih mengenali dan melibatkan pelanggan bagi menggalakkan penggunaan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak perpustakaan.



Program Jom Baca 10 Minit

Jom Baca Bersama untuk 10 Minit (*LET'S READ TOGETHER*) diadakan pada setiap bulan April dan bertujuan sebagai kempen galakan membaca selama 10 minit untuk warga kampus



Program Literasi Maklumat

Program Literasi Maklumat terus menjadi agenda utama UMT bagi meneruskan kelestarian keterampilan maklumat.



Bengkel Perkongsian Ilmu dan Kepakaran Perpustakaan UniSZA-UMT SIRI I dan II-Bantuan Sokongan Penyelidikan



laporan tahunan2017.indd 193 11/06/2018 3:34 PM

Aktiviti bersama Komuniti

PSNZ juga telah melaksanakan pelbagai aktiviti tanggungjawab sosial selaras dengan hasrat universiti yang menekankan jaringan kerjasama yang boleh dilakukan bersama komuniti setempat. PSNZ telah melaksanakan beberapa aktiviti berikut sejajar dengan pengetahuan khusus dalam bidang sains perpustakaan yang boleh diaplikasikan kepada komuniti.

Bengkel Pengurusan Pusat Sumber Sekolah

Bengkel Pengurusan Pusat Sumber Sekolah Menengah Kebangsaan Kompleks Mengabang Telipot (Siri 2). Bengkel yang dianjurkan melibatkan seramai 32 pelajar dan guru memberi pendedahan dalam aspek pengurusan koleksi, perkhidmatan dan struktur fungsi perpustakaan.



Bengkel Pengkatalogan Bahan Perpustakaan

PSNZ telah menganjurkan Bengkel Pengkatalogan dan Penjilidan Bahan Pusat Sumber Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Kemunting yang melibatkan 44 orang pelajar dan guru. Pustakawan telah berkongsi piawaian pengkatalogan dan melaksanakan aktiviti *hands-on* bersama pelajar untuk aktiviti pengkatalogan bahan pusat sumber.



Hari STEM bersama Pusat Sumber

PSNZ juga telah menganjurkan Hari STEM Bersama Pusat Sumber Sekolah Menengah Kebangsaan Kompleks Mengabang Telipot. Program yang dianjurkan melibatkan 177 pelajar dan guru sekitar Kuala Nerus dan Kuala Terengganu. Program diadakan bagi menggalakkan penyertaan pelajar dalam aktiviti sains dan teknologi yang boleh diterapkan dalam pembelajaran. Pelajar juga dapat mengikuti perkembangan mengenai penyelidikan UMT, tokoh sains serta menyertai aktiviti cabaran sains yang dianjurkan oleh Pusat Sains dan Kreativiti Negeri Terengganu.



Secara keseluruhan, PSNZ telah melaksanakan aktiviti pemindahan ilmu, khusus dalam memperkasakan perkhidmatan pusat sumber dan kesemua aktiviti yang telah dilaksanakan melibatkan seramai 301 orang komuniti.

laporan tahunan2017.indd 194 11/06/2018 3:34 PM

Teknologi Maklumat

Status Semasa Sistem Aplikasi 2017

1. Bahagian Pembangunan Aplikasi, Pusat Pengurusan Teknologi Maklumat (PPTM) bertanggungjawab untuk membangunkan sistem aplikasi untuk kegunaan dalaman Pusat Tanggungjawab (PTj) dan warga UMT.
2. Dengan kekuatan staf seramai 13 orang yang terdiri daripada empat orang Pegawai Teknologi Maklumat dan sembilan orang Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, beberapa kumpulan projek telah diwujudkan bagi membangunkan modul-modul aplikasi yang telah dikenal pasti dan mengikut keperluan UMT. Sehingga kini PPTM telah membangunkan sebanyak 123 sistem dan modul aplikasi yang sedang diguna pakai di UMT.

Status Kemajuan Pembangunan Sistem Aplikasi Untuk Tahun 2017

3. Sebanyak lima sistem dan modul telah siap dibangunkan dan sedang diguna pakai oleh warga UMT sehingga Disember 2017. Jadual di bawah menyenaraikan sistem atau modul aplikasi tersebut.

Senarai Sistem atau Modul yang Telah Siap dibangunkan Sepanjang 2017 dan Sedang Diguna Pakai oleh PTj yang Terlibat

No.	Sistem/ Modul	PTj Pemilik Sistem
1.	Sistem Pengurusan Siswazah (SPS)	Pusat Pengajian Siswazah
2.	Sistem e-RO	Pejabat Bendahari
3.	Sistem iCGPA (tambahan modul)	PPPKA
4.	Sistem dan Portal Alumni	HEPA
5.	Sistem Endowment	Pejabat Bendahari/Pusat Penjanaan Pendapatan
6.	Penambahbaikan Sistem Jubah	JPA
7.	Penambahbaikan Sistem Pengecualian Kursus	JPA

laporan tahunan2017.indd 195 11/06/2018 3:34 PM

Senarai Sistem atau Modul Aplikasi yang Diselenggara Bagi Tempoh
Jan 2017 Sehingga Dis 2017

Bil.	Sistem/Modul	PTj
1.	• Sistem e-Star • Sistem e-Cube • Sistem e-Cuti • Sistem e-Prestasi • Sistem Lapor Diri • Modul LPU • Modul LNPT • Modul e-Latihan	Pejabat Pendaftar
2.	• e-Latihan Industri • Gugur Tambah Kursus • Modul TDA dan Pelajar • Modul PP dan Ketua Jabatan • Modul Pengesahan Skema dan Penawaran Kursus • Modul Semakan Layak Bergraduat • Modul Pengurusan Pelajar Berhutang • Modul Pusat Pengajian • SMP • SPWK • SPWP	Jabatan Pengurusan Akademik
3.	• MyMedic • Sistem e-Gigi	Pusat Kesihatan Universiti
4.	• Sistem e-Kenderaan	Pusat Pembangunan dan Harta
5.	• MyIhsan (modul melalui SMS)	Pusat Islam
6.	• Sistem Pengurusan Aset	Pejabat Bendahari
7.	• I-CGPA	Pusat Perancangan, Pembangunan dan Kualiti Akademik
8.	• Modul Alumni Modul Asrama Modul Penempatan Luar	Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
9.	• Sistem e-Meeting Custcare	Pusat Pembangunan Teknologi Maklumat

Laporan Infrastruktur ICT

Infrastruktur ICT merupakan elemen asas dalam sesuatu perkhidmatan ICT. Kebergantungan ramai pihak terhadap ICT menjadi pemangkin kepada perlunya satu infrastruktur yang mantap dan boleh dipercayai. Infrastruktur berprestasi rendah dan tidak boleh dipercayai akan menjejaskan produktiviti dan sasaran universiti untuk mencapai taraf terbaik dalam pelbagai bidang. Hal berkaitan keselamatan infrastruktur juga perlu dititikberatkan. Kelemahan tahap keselamatan akan menghilangkan kepercayaan komuniti dan mendedahkah universiti kepada risiko-risiko yang tidak diingini. Justeru, infrastruktur ICT yang mempunyai daya tahan, kebolehpercayaan, tahap keselamatan

laporan tahunan2017.indd 196 11/06/2018 3:34 PM

yang tinggi amat diperlukan bagi menyokong aktiviti pembelajaran, pengajaran, penyelidikan serta perkhidmatan-perkhidmatan dalam talian yang dibangunkan oleh PPTM, seterusnya menyumbang kepada kecemerlangan universiti. Sehubungan dengan itu, perancangan teliti amat diperlukan untuk merealisasikan projek-projek berkaitan infrastruktur. Pada tahun 2017, UMT melalui PPTM telah mencapai kejayaan yang memberi impak terhadap perjalanan UMT dalam beberapa pembangunan infrastruktur seperti berikut:

Nama Projek/Aktiviti	Keberkesanan/Impak
Pemasangan dan Penggunaan Internet Streamyx 4Mbps di Kampus Bukit Kor sebagai Infrastruktur Internet Sementara Pemasangan Kekal Dilaksanakan.	Membolehkan aktiviti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan pentadbiran dapat dilaksanakan dengan lebih bersistematik melalui aplikasi/modul dalaman MyNemo yang diakses menerusi infrastruktur Internet.
Penyelenggaraan Infrastruktur Pusat Data (Sistem Pelayan IBM Blade PureFlex)	Membolehkan perkakasan utama yang menempatkan aplikasi/ modul dalaman utama MyNemo dapat beroperasi dengan penyenggaraan yang berjadual dan mengelakkan daripada gangguan kefungsian perkhidmatan kepada pengguna.
Penaiktarafan Peralatan dan Sistem Telesidang Universiti	Infrastruktur peralatan dan system telesidang sedia ada yang telah melebihi 15 tahun penggunaan didapati tidak lagi efisien khususnya dalam menyokong aktiviti telesidang di universiti. Pemasangan baru peralatan telah dilaksanakan bagi tujuan menyokong keseluruhan aktiviti dalaman universiti khususnya melibatkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran seperti *Global Understanding Class* dengan university luar negara. Selain itu, keperluan sokongan kepada aktiviti penyelidikan menerusi rundingan secara maya oleh penyelidik dan aktiviti mesyuarat secara maya.
Penaiktarafan dan Penyenggaraan Infrastruktur Wireless UMT	Menaik taraf infrastruktur fizikal "wireless" UMT bagi menyokong keperluan warga universiti khususnya pelajar dan penyelidik di dalam aktiviti pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan.
Bengkel Eduroam IPTA	UMT dilantik sebagai penganjur bagi tujuan perkongsian kepakaran dalam menaik taraf aplikasi dan sistem "Educational Roaming – Eduroam" bagi setiap IPTA di Malaysia.
Penaiktarafan Talian Internet untuk Pusat Komunikasi Strategik, UMT Putrajaya	Untuk menyokong keperluan utama sistem dan teknologi ICT di samping aktiviti harian.
Penaiktarafan Sistem UPS Berpusat Pusat Data 40kVA	Untuk menyokong keperluan sistem UPS berpusat di Pusat Data dalam usaha memastikan peralatan berfungsi dengan baik sekiranya wujud gangguan bekalan kuasa utama.
Pembaharuan Lesen Tahunan bagi Perisian Sokongan Pengajaran dan Pembelajaran UMT	Pembaharuan lesen tahunan perisian ini membolehkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran oleh pensyarah dan pelajar dapat berjalan dengan baik dan bersistematik.

Kesimpulan

UMT sentiasa komited dalam memastikan perkhidmatan dan fasiliti yang disediakan kepada warganya berada pada tahap yang memuaskan. Sehubungan itu, penambahbaikan demi penambahbaikan telah dilaksanakan bagi menjamin keselesaan dan kesejahteraan semua pihak sepanjang berada di kampus.

laporan tahunan2017.indd 197 11/06/2018 3:34 PM



Ikan Timah Selayur
Trichurus spp.

laporan tahunan2017.indd 199 11/08/2018 3:34 PM



Pemantapan Citra

laporan tahunan2017.indd 189 11/08/2018 3:34 PM

“UMT berada dalam kelompok Top 2.3% di kedudukan tangga 271-280 dalam QS Asian University Ranking”

Pemantapan Citra

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) terus komited dalam usaha mewujudkan imej korporat bertaraf dunia serta memperkasakan citra tempatan seiring dengan aspirasi untuk melonjakkan UMT ke puncak kecemerlangan sebagai sebuah universiti berfokus marin terunggul dalam negara dan disegani di peringkat global. Dalam dunia yang sudah dikecilkan oleh kecanggihan teknologi maklumat dan pemodenan sistem komunikasi, maka universiti perlu berinteraksi dengan pihak luar supaya ia sentiasa relevan dan progresif.

Penarafan Universiti

UMT buat julung kalinya disenaraikan dalam *Universitas Indonesia (UI) GreenMetric World University Ranking on Sustainability* 2017 dengan menduduki tempat ke-431 dan merupakan universiti awam yang pertama tersenarai di Pantai Timur. Penilaian penarafan ini diguna pakai sebagai penanda aras untuk mengukur keberkesanan inisiatif yang telah dilaksanakan ke arah pembentukan kampus lestari. Usaha-usaha UMT yang diterjemahkan daripada *Blueprint* Kampus Lestari UMT telah mendapat sokongan padu daripada warga staf dan warga pelajar UMT, termasuk juga komuniti setempat. Kejayaan ini juga membuktikan bahawa UMT sentiasa berilitizam untuk menjadikan kampus hijau selaras dengan misi UMT iaitu Menjana Ilmu untuk Kesejahteraan Masyarakat dan Kelestarian Alam.

Dalam kategori *QS Asian University Ranking,* UMT berada pada kedudukan di tangga 271-280. UMT juga berada dalam kelompok *Top 2.3%* daripada 11,900 universiti di Asia.

Peningkatan kualiti penerbitan ilmiah yang telah dihasilkan daripada peningkatan kualiti penyelidikan telah menempatkan UMT di tangga 151-200 di dalam *QS World Universities Ranking (by Subject Agriculture and Forestry).*

laporan tahunan2017.indd 201 11/06/2018 3:34 PM

Media dan Publisiti

Sepanjang tahun 2017, usaha promosi dan publisiti terus dipergiatkan agar UMT terus mencipta nama dalam arena pendidikan tinggi negara sehingga ke peringkat antarabangsa. Seiring dengan trend masa kini, UMT turut menaikkan *ranking* media sosial, terutamanya *Facebook, Instagram, Twitter* dan *YouTube*. UMT turut menggunakan medium media sosial ini secara meluas dalam mempromosikan citra UMT kepada seluruh warga dan pihak luar dalam menyampaikan mesej dan menghebahkan aktiviti semasa.

Statistik Laman Media Sosial Rasmi Sehingga 31 Disember 2017



Pada tahun 2017, berlaku peningkatan sebanyak 457% bilangan *likers* facebook UMT berbanding tahun 2016. Ini menunjukkan kebolehpercayaan terhadap medium media sosial seperti *Facebook* sebagai ejen penyebaran maklumat. Peningkatan bilangan pengikut laman sosial *Facebook* rasmi UMT telah memberi impak positif terhadap usaha menyebar luaskan nama UMT.

Pada akhir tahun 2017, UMT berada dalam kelompok lima teratas pengikut tertinggi Facebook rasmi daripada 20 universiti awam Malaysia dengan jumlah pengikut seramai 150,648 orang. Maklumat di laman *facebook* rasmi UMT juga telah mula dipaparkan dalam tiga bahasa utama iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Mandarin untuk menarik lebih ramai pengikut.

laporan tahunan2017.indd 202 11/06/2018 3:34 PM

Pusat pengajian juga turut menggunakan laman sosial Facebook sebagai medium penyebaran maklumat. Sehingga Disember 2017, sebanyak 50 Laman Facebook rasmi pusat pengajian telah dinilai dengan 15 akaun yang mencatatkan bilangan *likers* melebihi 3,000 orang.

Penarafan laman Instagram rasmi universiti awam mula dilaksanakan pada November 2017 dengan mengambil kira trend semasa pengguna laman media sosial yang kini lebih cenderung menggunakan *Instagram* sebagai medium perkongsian maklumat yang tepat dan berinformatif.

Tanpa meminggirkan kepesatan teknologi komunikasi, UMT turut menggunakan medium media cetak dan elektronik dalam menyebarluaskan nama UMT. Hubungan dengan pihak media terus diperkasakan dengan mensasarkan liputan berita dan siaran akhbar. Pencapaian UMT khususnya sumbangan dalam bidang pendidikan negara dihebahkan kepada pengamal media, seterusnya kepada komuniti tempatan, kebangsaan dan antarabangsa.



laporan tahunan2017.indd 203 11/06/2018 3:34 PM

Jumlah liputan media mengikut jenis akhbar



laporan tahunan2017.indd 204 11/06/2018 3:34 PM

Setiap berita berkaitan UMT telah direkodkan dan dinilai dari segi nilai berita (*Public Relation Value*) bagi mengukur impak berita yang diterbitkan. Peningkatan ketara dapat dilihat dari bilangan liputan media dan dibandingkan dengan tahun terdahulu, peningkatan sebanyak 73.8% atau 16.8 juta dari segi nilai dan bilangan berita bagi tahun 2017.

Bilangan Liputan Media Cetak & Elektronik

Januari 42 Liputan **RM1,031,240.01**	**Februari** 74 Liputan **RM2,054,361.38**	**Mac** 58 Liputan **RM987,130.81**	**April** 40 Liputan **RM810,335.29**
Mei 32 Liputan **RM565,808.06**	**Jun** 15 Liputan **RM155,988.20**	**Julai** 37 Liputan **RM878,528.25**	**Ogos** 73 Liputan **RM1,816,407.05**
September 83 Liputan **RM1,731,826.81**	**Oktober** 124 Liputan **RM2,721,048.57**	**November** 120 Liputan **RM2,573,939.13**	**Disember** 96 Liputan **RM1,469,545.58**

JUMLAH
794 Liputan
RM16,796,156.14

Pencapaian liputan media ini merupakan impak dari pelaksanaan pelbagai aktiviti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan aktiviti pelajar. Pada tahun 2017, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni mencatatkan bilangan liputan berita tertinggi dengan bilangan 170 liputan.

Liputan berita media cetak dan media elektronik dibahagikan kepada beberapa kategori, antaranya perkembangan pendidikan, governan, penyelidikan dan aktiviti pelajar. Sepanjang tahun 2017, aktiviti pelajar mendapat liputan berita paling tinggi, diikuti kategori penyelidikan dan governan.

laporan tahunan2017.indd 205 11/06/2018 3:34 PM

Media UMT

Kosmo | Sinar H... | Bernama | Utusan | Metro | New Str... | The Star | Berita H... | Teganuki...

KOSMO! SUARA KONTEMPORARI

2 November 2017



Enam penyelidik muda UMT pamer produk inovasi



Media UMT

Sinar H... | Bernama | Utusan | Kosmo | Metro | New Str... | The Star | Berita H... | Teganuki...

SINAR harian

24 Oktober 2017

Guna khidmat pakar tempatan

Kajian bawah air di Pulau Bidong adalah penyelidikan arkeologi bawah air

Media UMT

Utusan | Bernama | Sinar H... | Kosmo | Metro | New Str... | The Star | Berita H...

UTUSAN MALAYSIA

6 Januar

Haiwan prasejarah sebagai tarikan pelanc

ULASAN BUKU NIZAM YATIM



info

Judul: Horseshoe Crabs of Malaysia
Penulis: Faridah Mohamad, Norsizwanawati Ismail, Azwarfarid Manca, Aminul Asyraf Alf'am dan Mohd. Fawwaz Afham Mohd. Sofa
Jumlah halaman: 86
Tahun terbitan: 2016
ISBN: 978-967-0962-45-0

Media UMT

Utusan | Bernama | Sinar H... | Kosmo | Metro | New Str... | The Star | Berita H... | Tega

UTUSAN MALAYSIA

26 Januari 2

Pemburu kelulut Nusantara



DAPATAN DARIPADA KEMBARA:

- Terdapat beberapa spesies kelulut Indo-Malaya yang ditemui di Borneo yang

Media UMT

Sinar H... | Bernama | Utusan | Kosmo | Metro | New Str... | The Star | Berita H... | Teganuki...

SINAR harian

16 Oktober 2017



50 INOVASI

Rapid Biofloc bantu penternakan udang



Biofloc bantu penternakan udang

info

Media UMT

Utusan | Bernama | Sinar H... | Kosmo | Metro | New Str... | The Star | Berita H... | Teganuki...

UTUSAN MALAYSIA

1 November 2017

UMT hasilkan produk berkelas translasional



DR. NORAZNAWATI ISMAIL menunjukkan produk Tal Kit, iaitu alat pengesan Endotoxin pantas yang terhasil daripada penyelidikan ke atas darah belangkas.

Oleh RADHUAN HUSSAIN
pergerak@utusan.com.my

KUALA TERENGGANU 31 Okt. - Universiti Malaysia Terengganu (UMT) terus memperlihatkan kepupayaannya sebagai sebuah universiti penyelidikan dengan menghasilkan pelbagai penemuan dan produk inovasi untuk dimanfaatkan umum dan juga industri.

Hari ini institusi itu mengetengahkan pula kejayaan enam penyelidik muda universiti itu yang berjaya menghasilkan beberapa inovasi baharu yang boleh memberi impak besar.

Mereka ialah Prof. Madya Dr. Norazmawati Ismail, Prof. Madya Dr. Wan Mohd. Khairul Wan Mohamed Zin, Prof. Madya Dr. Lazan Dr. Wan Iryani Wan Madya Dr. Zul Helidan Dr. Nor Azman

...aznawati merupakan merangkap Timbalah Institute of Marine ...IB) di UMT, manakala ...ohd. Khairul (pensya- Pengalian Sains Asas), Pusat Pengajian Kejuruteraan), Dr. Wan Iryyarah kanan PPSA), Dr. ...i (pensyarah di IMB) Nor Azman (pensyarah ...kakultur Tropika).

...ua mereka mengemukakan masing-masing penyelidikan sebagai ...okongan UMT terhadap saranan Kementerian Pendidikan Tinggi yang menggalakkan proses pemindahan ilmu menerusi projek berkelas translasional.

Dr. Norazmawati berjaya menghasilkan sejenis alat pengesan Endotoxin pantas atau Tal Kit yang terhasil daripada penyelidikan ke atas darah belangkas.

Bahan itu digunakan bagi mengesan kehadiran pencemaran endotoksin dalam ubat-ubatan (*drugs*) dan alatan untuk suntikan dan dimasukkan ke dalam badan manusia bagi mengesan berulaman ubatan untuk diagnosis pantas.

Tal Kit itu pula secara rasminya telah dipatenkan pada November 2015 serta memperoleh Hak Cipta rasmi pada Januari 2016.

Dalam sidang akhbar mengumumkan kejayaan mereka di UMT dekat sini hari ini, Dr. Norazmawati berkata, produk yang dihasilkan itu dijangka berada di pasaran merupakan pada tahun depan sebelum diperluaskan ke pasaran luar negara.

"Untuk pasaran di Malaysia, kita perlukan antara setahun hingga dua tahun dan sekiranya mendapat sambutan, Kita akan pasarkan ke rantau Asia seperti Brunei, Thailand, Singapura serta Jepun dan seterusnya ke peringkat global," katanya.

Dalam majlis itu, lima lagi penyelidik turut mempamerkan produk yang berjaya mereka hasilkan daripada penyelidikan yang mereka jalankan.

Dr. Wan Mohd. Khairul pula menghasilkan produk Nanovesicles iaitu teknologi penyerapan pantas Nanoteknologi bagi penggunaan dan rawatan kosmeseutikal.

Dr. Lam dengan produk Fyro Fuel iaitu biobahan api daripada gelombang mikro pyrolysis daripada sisa biojisim (biomass) yang fungsinya antara lain sebagai bahan bakar, boiler, penjanaan tenaga atau enjin kenderaan.

Sementara itu, Dr. Wan Iryani menghasilkan produk Marno atau Marine Nanoparticle Reducing Agent from Malaysia Shore yang merupakan bahan penurun yang dihasilkan daripada hidupan laut iaitu umpun-umpun ataupun polycheate.

Dr. Zul Helmi pula menghasilkan produk BF Nano Vesicles yang menjurus kepada teknologi bahan penyerapan pantas nanoteknologi bagi penggunaan dan rawatan kulit kosmeseutikal.

Manakala Dr. Nor Azman dengan produk Rapid Biofloc iaitu teknologi hijau bagi pengurusan udang dalam industri akuakultur.

Media UMT

Kosmo | Sinar H... | Bernama | Utusan | Metro | New Str... | The Star | Berita H... | Teganuki...

KOSMO! SUARA KONTEMPORARI

2 November 2017



Enam penyelidik muda UMT pamer produk inovasi



laporan tahunan2017.indd 206 11/06/2018 3:34 PM

Bagi menghargai dan meraikan hubungan baik antara UMT dan pengamal media, UMT melalui Pusat Komunikasi Korporat (PKK) telah menganjurkan acara tahunan, iaitu Majlis Apresiasi Media dan melalui Anugerah Gerbang Pena, sebanyak 27 anugerah telah dipertandingkan bersama-sama tiga anugerah dalaman.







laporan tahunan2017.indd 207 11/06/2018 3:34 PM

Selain itu, UMT juga menggunakan medium laman sesawang rasmi bagi memantapkan citra UMT di peringkat glokal dan global, yang mana sehingga tahun 2017, pelawat laman sesawang UMT berjumlah 9,652,202 pengunjung.

Statistik Laman Web Rasmi UMT - http://www.umt.edu.my

Bulan	Kategori		
	Pelawat	Negara	Pelawat Baharu
Januari	42,515	83	29,403
Februari	52,343	86	39,456
Mac	26,508	59	14,549
April	15,619	57	9,939
Mei	7,275	42	4,267
Jun	8,532	79	6,590
Julai	15,192	91	12,986
Ogos	19,571	76	17,068
September	14,858	83	11,713
Oktober	41,231	50	4,379
November	42,056	63	3,608
Disember	51,435	77	29,612

* Sumber : *Google Analytic* UMT

Pelawat yang paling ramai yang mengunjungi laman sesawang UMT mengikut susunan adalah: Malaysia, Indonesia, Amerika Syarikat, Bangladesh, India, Singapura, Arab Saudi, United Kingdom, Pakistan, Iran, Jordan, Nigeria, China, Jepun, Australia, Emiriah Arab Bersatu, Mesir, Vietnam, Perancis dan Belanda.

Dalam usaha pemantapan citra UMT, PKK telah melaksanakan penarafan berkala bagi laman sesawang rasmi semua pusat pengajian sebanyak empat kali sepanjang tahun. Peningkatan yang membanggakan apabila sehingga akhir Disember 2017, sebanyak 10 pusat pengajian telah mencatatkan pencapaian lima bintang yang cemerlang berbanding 27 pusat pengajian yang dinilai. Kriteria penarafan ini adalah berdasarkan daripada *Provider Based Evaluation* (ProBE) yang dikeluarkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) yang menjadi panduan semua *Webmaster* organisasi kerajaan.



laporan tahunan2017.indd 208 11/06/2018 3:34 PM

Promosi dan Pameran

Dalam usaha menyebarluaskan citra, UMT turut mengalu-alukan kehadiran pelawat daripada sekolah-sekolah dan agensi-agensi luar untuk mengenali UMT secara lebih dekat. Sepanjang tahun 2017, UMT terus melonjakkan citra dengan kepelbagaian aktiviti promosi dan publisiti kepada pihak luar termasuklah komuniti setempat, peringkat dalam dan luar negara. UMT telah mempromosikan universiti kepada 70 buah sekolah berasrama penuh yang melibatkan 3,000 pelajar dan 29 buah sekolah harian seluruh negara dengan penglibatan seramai 1,336 orang pelajar.

Penubuhan Galeri Penyelidikan INOS bertemakan *Transparent Fish Secret* pada bulan Ogos 2017 menyumbang kepada peningkatan ketara terhadap bilangan lawatan dan pelawat ke UMT sepanjang tahun 2017. Statistik di bawah menunjukkan sebanyak 277 lawatan telah diterima sepanjang tahun 2017 dengan jumlah pengunjung seramai 11,161 orang.



laporan tahunan2017.indd 209 11/06/2018 3:34 PM

Perbandingan Bilangan Lawatan dari Agensi dan Sekolah-sekolah ke UMT Sepanjang tahun 2016 dan 2017



laporan tahunan2017.indd 210 11/06/2018 3:34 PM

Perbandingan Bilangan Pelawat dari Agensi dan Sekolah-sekolah ke UMT Sepanjang Tahun 2016 dan 2017



Selain itu, pelbagai pameran yang disertai oleh agensi kerajaan, swasta dan institusi pengajian tinggi dianjurkan UMT sepanjang tahun dan telah dikunjungi oleh lebih daripada 120,000 orang pengunjung.

laporan tahunan2017.indd 211 11/06/2018 3:34 PM

Pemeteraian Memorandum Persefahaman dan Memorandum Perjanjian

Pengukuhan jalinan kolaborasi dalam dan luar negara UMT terus giat diperkasa sepanjang tahun 2017 dengan termeterainya beberapa perjanjian persefahaman bersama pelbagai agensi dan institusi untuk pelbagai aktiviti dan program yang telah dipersetujui. Pelbagai usaha sama telah dan akan dilakukan bertujuan untuk memanfaatkan kepakaran ilmiah, kemudahan, penyelidikan dan inovasi antara UMT dengan pelbagai pihak termasuklah rakan-rakan industri. Hubungan baik yang dijalinkan ini dimeterai dalam bentuk Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA), yang mana pelbagai aktiviti yang dijalankan untuk perkembangan universiti dan juga industri.



laporan tahunan2017.indd 212 11/06/2018 3:34 PM

Sebanyak 10 MoU telah ditandatangani oleh UMT dengan agensi dari luar negara dan sebanyak 18 MoA dengan pelbagai agensi dari dalam negara telah dimeterai untuk meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang. Di bawah adalah senarai perjanjian yang telah ditandatangani:

Bil.	Industri/Institusi yang Terlibat	Pusat Tanggungjawab yang Terlibat	Peringkat
1	MyAqua Development PLT	Institut Akuakultur Tropika	Dalam Negara
2	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi	Dalam Negara
3	Laguna Redang Island Resort	Institut Oseanografi dan Sekitaran	Dalam Negara
4	Usaha Fadzilat (M) Sdn. Bhd.	Institut Akuakultur Tropika	Dalam Negara
5	Petrosains Sdn. Bhd.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan	Dalam Negara
6	Sustainable Energy Development Authority of Malaysia (SEDA)	Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan	Dalam Negara
7	Jabatan Warisan Negara, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia	Institut Oseanografi dan Sekitaran	Dalam Negara
8	Uzma Archaeological Research Sdn. Bhd.	Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran	Dalam Negara
9	Biodynamic Aquaculture Technology Sdn. Bhd.	Institut Akuakultur Tropika	Dalam Negara
10	Ginger and Coconut Development Sdn. Bhd.	Institut Akuakultur Tropika	Dalam Negara
11	AM Aquatechnics Sdn. Bhd.	Institut Akuakultur Tropika	Dalam Negara
12	Technology Depository Agency Berhad (TDA)	Pusat Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri	Dalam Negara
13	Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad	Canselori	Dalam Negara
14	Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI)	Pusat Pengajian Sains Asas	Dalam Negara
15	SAS Institute Sdn. Bhd.	Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan	Dalam Negara
16	Destini Berhad	Pusat Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri	Dalam Negara
17	Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd.	Pusat Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri	Dalam Negara
18	Government of Malaysia (The Ministry of Transport)	Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan	Dalam Negara
19	Universitas Brawijaya	Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur	Luar Negara
20	Alexandru Ioan Cuza University of Iasi	Pusat Pengajian Sains Asas	Luar Negara

laporan tahunan2017.indd 213 11/06/2018 3:34 PM

Bil.	Industri/Institusi yang Terlibat	Pusat Tanggungjawab yang Terlibat	Peringkat
21	National Taiwan Ocean University	Institut Akuakultur Tropika	Luar Negara
22	Gheorghe Asachi Technical University of Iasi Romania	Pusat Pengajian Sains Asas	Luar Negara
23	Institut Teknologi Sepuluh Nopember (ITS)	Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan	Luar Negara
24	Universitas Airlangga	Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur	Luar Negara
25	Nagasaki University	Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur	Luar Negara
26	Swansea University, United Kingdom	Institut Bioteknologi Marin	Luar Negara
27	Romanian Inventors Forum, Romania	Pusat Pengajian Sains Asas	Luar Negara
28	Aquatic Sciences Fisheries Abstract – Food and Agriculture Organisation UN	Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah	Luar Negara





laporan tahunan2017.indd 214 11/06/2018 3:34 PM

Aktiviti Pemantapan Citra

Pelaksanaan dan penganjuran majlis atau program bukan sahaja memberi impak kepada imej universiti, tetapi juga membantu dalam pemantapan citra UMT. Justeru itu, sepanjang tahun 2017, hampir 500 program rasmi termasuklah seminar, persidangan, syarahan umum, pelancaran buku, konvokesyen, majlis anugerah, majlis penghargaan dan lain-lain telah berjaya dilaksanakan. Program-program yang dilaksanakan ini melibatkan warga UMT, jemputan luar kampus dan tetamu-tetamu kenamaan daripada agensi-agensi luar dari dalam dan luar negara. Ini secara tidak langsung pelaksanaan program dan majlis ini membantu meningkatkan keterlihatan UMT di peringkat global.

Sambutan Ulang Tahun ke-15 UMT

Program khas sempena ulang tahun ke-15 UMT diadakan untuk menunjukkan rasa sayang, penghargaan dan kesyukuran dengan penubuhan serta pencapaian UMT sehingga kini. Pelbagai aktiviti telah diadakan bagi menyemarakkan semangat keserakanan dan kesetiaan warga UMT seperti Pertandingan Pejabat Ceria Merdeka, Pameran Kemerdekaan dan 15 Tahun UMT, Malam Kebudayaan Merdeka dan Pelancaran Logo 15 Tahun UMT.









Program Survival Laut dan Penghayatan Warisan

Program Survival Laut dan Penghayatan Warisan (SLPW) merupakan salah satu *signature* UMT. Program yang diadakan di Pulau Bidong ini juga menonjolkan Stesen Penyelidikan Marin, Pulau Bidong kepada masyarakat umum sebagai makmal penerokaan sains sekali gus mendedahkan tentang konsep pemeliharaan alam sekitar melalui aktiviti survival laut. Program SLPW ini pada asasnya diadakan khas untuk pelajar-pelajar UMT dan warga UMT, dan turut dibuka kepada rakan-rakan institusi pendidikan tinggi, agensi kerajaan dan komuniti.

Seramai 1,630 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Sesi 2016/2017 telah pun berjaya mengikuti program SLPW yang melibatkan 11 sesi yang bermula dari 19 September hingga 11 Oktober 2017. Program ini menjadi salah satu tanda aras kekuatan semangat bagi seseorang penuntut yang selama ini cemerlang dalam bidang akademik apabila peserta diuji secara fizikal dan mental sejauh mana mereka mampu bertahan dalam keadaan yang mencabar.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah *Water Confident*, Jejak Warisan, Kayak dan *Snorkeling* serta aktiviti Persembahan Malam Kebudayaan. Program selama dua hari satu malam ini bertujuan mengukuhkan keyakinan diri, pengurusan masa, kepimpinan, memupuk semangat setiakawan dan menyemai perpaduan dalam kalangan penuntut pelbagai kaum.



laporan tahunan2017.indd 216 11/06/2018 3:34 PM

Makmal Bergerak UMT

Makmal Bergerak UMT yang pertama seumpamanya di negara ini dan menjadi salah satu simbol komitmen kepada bidang penyelidikan institusi pengajian tinggi. Ia merupakan kemudahan yang disediakan kepada para penyelidik untuk menjalankan kerja lapangan di Tasik Kenyir sejajar dengan pembinaan Stesen Penyelidikan Kenyir. Secara tidak langsung, ia dapat membantu kerajaan negeri dalam merangka pelan pembangunan komprehensif di kawasan Tasik Kenyir.

Makmal Bergerak ini mampu memuatkan kapasiti seramai 21 orang dan merupakan satu mercu tanda atau simbol penyelidikan UMT di Tasik Kenyir. Makmal Bergerak ini telah dan akan membantu program-program penyelidikan, pelaksanaan konsep perlindungan dan pendidikan yang mapan. Tasik Kenyir sebagai kawasan geopark yang terunggul di peringkat global pastinya memberi satu kelebihan kepada pada penyelidik dan pelajar UMT untuk terus meneroka tasik ilmu tersebut.







laporan tahunan2017.indd 217 11/06/2018 3:34 PM

Kapal Penyelidikan *RV Discovery*

Kapal yang dinamakan *Research Discovery* (RV Discovery) sepanjang 35 meter dan seberat 300 tan yang dibina pada September 2008 oleh syarikat tempatan dan berkemampuan menampung 12 krew kapal dan 11 pelatih atau penumpang pada satu-satu masa dengan dilengkapi peralatan sains marin terkini, kabin, ruang makan serta ruang rehat yang selesa.

Kapal RV Discovery dibina khusus bagi tujuan penyelidikan oseanografi dan dilengkapi teknologi terkini setanding kapal penyelidikan luar negara, sekali gus meletakkan UMT sebagai institusi terulung di negara ini dalam bidangnya.

Sepanjang tahun 2017, beberapa aktiviti pelayaran penyelidikan menggunakan Kapal RV Discovery telah dilaksanakan. Pelaburan besar ke atas pembinaan dan penyelenggaraan RV Discovery telah membawa manfaat yang tidak ternilai kepada UMT khasnya, dan komuniti amnya dalam memahami, memelihara dan memastikan kelestarian sumber laut untuk generasi yang akan datang.

Citra Prasarana Fizikal

Keterlihatan UMT di peringkat antarabangsa menyumbang kepada citra universiti. Naib Canselor telah mendambakan aspirasi untuk menjadikan UMT sebagai jenama lokal dan global melalui pelbagai pendekatan aktiviti pengiklanan dan promosi melalui iklan-iklan korporat termasuklah langganan *pillar wrap* di Lapangan Terbang Sultan Mahmud dan *Big Screen Electronic Billboard* di Kuala Terengganu.

Selaras dengan misi UMT untuk menjana ilmu untuk kesejahteraan masyarakat dan kelestarian alam, UMT terus komited dalam usaha untuk memperkasakan kelestarian kampus. Pelaksanaan kampus lestari telah dirancang dan sebahagiannya telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017 melalui keterlibatan warga kampus dalam aktiviti-aktiviti kelestarian. Inisiatif ini mampu mewujudkan persekitaran yang bebas daripada pencemaran alam sekitar bagi mencapai kelestarian dan kelangsungan masa depan sebuah kampus hijau.

Antara aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan ialah program hari bebas kenderaan bermotor dan penggunaan sistem pencahayaan berkonsep automasi bagi keseluruhan tandas awam.





laporan tahunan2017.indd 218 11/06/2018 3:34 PM

Kampus Mesra Pejalan Kaki dan Basikal

Program mewujudkan kampus mesra pejalan kaki dan berbasikal merupakan salah satu aspek lestari yang dinyatakan dalam *Blueprint* Kampus Lestari. Bermula 7 September 2017, zon bebas kenderaan bermotor telah diperluaskan ke zon pentadbiran dan pelaksanaan Hari Bebas Kenderaan Bermotor diadakan secara bergilir antara kedua-dua zon akademik dan zon pentadbiran bermula 26 Oktober 2017.

Program ini telah dilaksanakan dengan jayanya sebanyak 11 kali pada tahun 2017 dan telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan oleh semua warga kampus. Perkhidmatan bas *shuttle* untuk kemudahan warga kampus sepanjang program ini dijalankan. Perkhidmatan bas *shuttle* ini telah disediakan untuk mengambil warga kampus yang memerlukan dari tapak pesta konvokesyen ke dataran Rumah Universiti secara berulang-alik.

Selain itu, beberapa tempat meletak basikal telah disediakan di Kompleks Kuliah Berpusat, Kompleks Kuliah dan dataran parkir Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan untuk keselesaan warga kampus.







Citra Intelektual

Persidangan Akademia

Persidangan dan seminar akademia merupakan satu program berprestij yang dijalankan bagi memantapkan citra UMT yang seterusnya dapat memperkenalkan nama UMT ke peringkat antarabangsa. Sepanjang tahun 2017, sejumlah 11 persidangan dan seminar akademia telah dilaksanakan dengan jayanya.

1 – 2 FEBRUARI 2017
International Conference on Teaching and Learning in Higher Education 2017

20 MEI 2017
3rd Postgraduate Seminar in Accounting, Business and Finance (SABF)

19 – 22 JULAI 2017
Global Tourism Conference (GTC 2017)

25 – 26 JULAI 2017
International Cell Signalling Conference 2017 (ICSC 2017)

25 – 27 JULAI 2017
7th Malaysian International Seminar on Antartica

30 JUN – 3 OGOS 2017
International Seminar and Workshop on Aquaculture Genetics' (ISWAGs 2017)

7 – 9 OGOS 2017
The 10th Malaysian Software Engineering Conference (MySEC2017)

23 – 24 OGOS 2017
International Conference on Air Quality and Environmental Sustainability (ICAQES 2017)

11 – 12 SEPTEMBER 2017
9th National Technical Seminar on Underwater System Technology (Nusys '17)

11 – 13 SEPTEMBER 2017
11th International Conference on Artificial Reef and Related Aquatic Habitats (CARAH)

11 – 12 DISEMBER 2017
1st International Undergraduate and Postgraduate (UIP '17) Students Conference on Marine, Maritime Technology and Management

laporan tahunan2017.indd 220 11/06/2018 3:34 PM

Kesimpulan

Dalam dunia global yang semakin mengecil dan penuh persaingan, UMT terus berinteraksi dengan pihak luar supaya ia sentiasa relevan dan progresif. Sepanjang tahun 2017, UMT komited mengorak langkah dalam menempa nama dalam kalangan institusi pengajian tinggi di peringkat kebangsaan mahupun global. Aktiviti pemantapan citra diterjemahkan melalui pelbagai aktiviti publisiti dan promosi yang telah dirangka dalam usaha memacu UMT menghadapi pelbagai cabaran dan persaingan untuk terus relevan, unggul dan disegani.

Bagi menjamin UMT sentiasa mendapat tempat di hati komuniti kebangsaan dan dikenali di peringkat global, UMT telah melakukan pelbagai pengisian fizikal serta aktiviti-aktiviti yang menyokong kepada pembangunan dan penyebaran kecemerlangan. Bagi mencapai matlamat ini, UMT terus komited dalam usaha memperkasakan imej dan identiti korporatnya bagi melonjakkan citra tempatan, menonjolkan citra kebangsaan dan memperkenalkan citra global.

Usaha berterusan ini bergerak seiring dalam kalangan warga bagi memastikan UMT terus unggul menjadi sebuah pusat kecemerlangan dalam penerokaan, penjanaan dan penyebaran ilmu yang berkaitan samudera, bertepatan dengan slogannya "Terokaan Seluas Lautan, Demi Kelestarian Sejagat".

TOP 2.3%
QS Asian University Ranking

RM16.8 JUTA
nilai berita (PR Value)

Lebih
11 RIBU
pelawat mengunjungi UMT melalui
277
lawatan

11
penganjuran persidangan dan seminar

laporan tahunan2017.indd 221 11/06/2018 3:34 PM

PELAKSANAAN PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2017

10-15 JANUARI 2017

Ekspedisi Kelulut Banjaran Crocker bersama Komuniti Kelulut Sabah



12-15 JANUARI 2017

15th Royal Langkawi International Regatta 2017 dan Mesyuarat Pembangunan Sukan Perahu Layar UMT



31 JANUARI 2017

Majlis Penyampaian Geran Perniagaan bagi Program Usahawan Perantis 2.0 UMT



1-2 FEBRUARI 2017

Majlis Perasmian International Conference on Teaching and Learning in Higher Education 2017 dan Perasmian UMTMOOC



9 FEBRUARI 2017

Syarahan Umum Prof. Dr. Yutaka Michida



13 FEBRUARI 2017

Majlis Pelancaran 2u2i Program Sarjana Muda Perakaunan, Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Makanan dan Majlis Menandatangani Perjanjian Program Accelerate antara UMT dengan ACCA



laporan tahunan2017.indd 222 11/06/2018 3:34 PM

PELAKSANAAN PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2017

16 FEBRUARI 2017

Majlis Amanat Tahun Baharu 2017



20 FEBRUARI 2017

Menandatangani MoU antara UMT dengan Jabatan Warisan Negara



28 FEBRUARI 2017

Majlis Perasmian Penutup Program Transformasi Minda Psikospiritual Remaja Kohort II 2016/2017



7 MAC 2017

Majlis Apresiasi Media



8 MAC 2017

Majlis Perasmian Program Mentor Mentee STEM UMT 2017



14 MAC 2017

Pertandingan School Lab 2017 Peringkat Negeri Terengganu



laporan tahunan2017.indd 223 11/06/2018 3:34 PM

PELAKSANAAN PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2017

16 MAC 2017

Syarahan Umum CEO@FACULTY Programme oleh KSU oleh YBhg. Datuk Seri Haji Saripuddin Bin Haji Kasim, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia



18 MAC 2017

Majlis Perasmian Karnival Keusahawanan, Kerjaya dan Kemahiran Belia Negara (3KBN@UMT) 2017



18 MAC 2017

Program "Career Talk" bersama Alumni – "If the Wind Will Not Serve, Take to the Oars"



27 MAC 2017

Lawatan daripada Prince of Songkla Universiti, Thailand ke Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan (PPSTM)



31 MAC 2017

Survival Laut dan Penghayatan Warisan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Awam



16-19 APRIL 2017

Pertandingan Choral Speaking dan Jelajah Jom Masuk UMT sempena WOW 2017



laporan tahunan2017.indd 224 11/06/2018 3:34 PM

PELAKSANAAN PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2017

25 APRIL 2017

Majlis Menandatangani MoA antara UMT dengan SAS Institute Sdn. Bhd. dan Public Talk



29 APRIL 2017

Penerbit UMT hos Anugerah MAPIM-KPT 2016



30 APRIL 2017

Pertandingan Futsal IPTA



7 MEI 2017

Syarahan Inaugural Prof. Dr. Mohd Lazim Bin Abdullah



11 MEI 2017

Majlis MoU antara UMT dengan UZMA Archeological Research Sdn. Bhd.



13 MEI 2017

Beach Clean-Up sempena World Ocean Week 2017



laporan tahunan2017.indd 225 11/06/2018 3:35 PM

PELAKSANAAN PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2017

15 MEI 2017

Majlis Pelancaran Modul Mentor Mentee STEM



22 MEI 2017

Program Selongkar Rahsia Kejayaan bersama Karyawan Tamu FiSHA 2017



13 JUN 2017

Majlis Penutup Program Tropimundo 2017



17 JUN 2017

Program Kasih Ramadan UMT bersama Anak-Anak Yatim dan Kurang Berkemampuan



18 JUN 2017

Iftar Perdana 2017



21 JUN 2017

Kunjungan hormat Pasukan Simpanan Tentera Laut Setiu dan jurulatih Palapes



laporan tahunan2017.indd 226 11/06/2018 3:35 PM

PELAKSANAAN PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2017

9 JULAI 2017

Kunjungan Hormat daripada Presiden National Taiwan Ocean University



10 JULAI 2017

National Science Challenge 2017 Terengganu State Level



11 JULAI 2017

Perasmian Makmal SATREPS-COSMOS



13 JULAI 2017

Sambutan Hari Raya Aidil Fitri 1438H peringkat UMT



14-16 JULAI 2017

Survival Laut dan Penghayatan Warisan CEO@ FACULTY 2.0



19 – 22 JULAI 2017

Global Tourism Conference (GTC 2017)



laporan tahunan2017.indd 227 11/06/2018 3:35 PM

PELAKSANAAN PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2017

23 JULAI 2017

Majlis Perasmian Projek Translasional Pendidikan Tinggi



25 – 27 JULAI 2017

7th Malaysian International Seminar on Antartica



1 OGOS 2017

Syarahan Inaugural Prof. Dr. Nakisah Binti Mat Amin



7 OGOS 2017

Malaysian Software Engineering Conference 2017



6 OGOS 2017

Program Onboarding bersama LPU



7 OGOS 2017

Sesi Bual Bicara bersama Lembaga Pengarah Universiti



laporan tahunan2017.indd 228 11/06/2018 3:35 PM

PELAKSANAAN PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2017

15 OGOS 2017

7th Malaysian International Seminar on Antartica (MISA 7) oleh KDYMM Sultan Terengganu



16 OGOS 2017

Rahsia Ikan Lut Sinar Pameran Antarabangsa di UMT



16 OGOS 2017

Wacana Intelektual TTB ke Arah Transformasi Nasional 2050



20 OGOS 2017

Lawatan Menteri Pendidikan Tinggi ke Stesen Penyelidikan Kenyir



21 OGOS 2017

Konvensyen Pemimpin Mahasiswa Kebangsaan "Mahasiswa Ke Arah TN50, Melahirkan Generasi Wasatiyyah"





26 OGOS 2017

Hari Keluarga Merdeka UMT 2017



laporan tahunan2017.indd 229 11/06/2018 3:35 PM

PELAKSANAAN PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2017

5 SEPTEMBER 2017

Pendaftaran Pelajar Baharu sesi 2017/2018



6 SEPTEMBER 2017

Program TN50 Soaring Upwards



7 SEPTEMBER 2017

Majlis Ikrar Pelajar Baharu Program Sarjana Muda



11 SEPTEMBER 2017

Majlis Perasmian 9th National Technical Seminar on Under Water System Technology (Nusys '17)



11 SEPTEMBER 2017

11th International Conference on Artificial



15-18 SEPTEMBER 2017

Bidong Merdeka Dive 2017



laporan tahunan2017.indd 230 11/06/2018 3:35 PM

PELAKSANAAN PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2017

17 SEPTEMBER 2017

Majlis Pelancaran Sambutan Hari Perpaduan Peringkat Negeri Terengganu



28 SEPTEMBER 2017

Kunjungan Hormat Duta Amerika Syarikat



29 SEPTEMBER 2017

Majlis Pelancaran Studio al-Quran



30 SEPTEMBER 2017

Majlis Anugerah Tahunan 2017



7 OKTOBER 2017

Majlis Perasmian Pecipta 2017
Majlis Pelancaran Program Penggalakan Pemindahan Ilmu Universiti-Komuniti Sempena Pecipta 2017



12 OKTOBER 2017

Majlis Penghargaan Rakan Industri UMT 2017 (MPRI-UMT 2017) dan Pelancaran ICoE Kluster Maritim



laporan tahunan2017.indd 231 11/06/2018 3:35 PM

PELAKSANAAN PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2017

15 OKTOBER 2017

Program Jaringan Komuniti Bersama Orang Asli SUNGAIBerua



22 OKTOBER 2017

Syarahan Inaugural Prof. Dr. Othman Bin Haji Ross



22 OKTOBER 2017

Majlis Penerimaan Pelajar dan Syarahan Profesor Pelawat dari Universiti Kagoshima, Jepun



10-11 NOVEMBER 2017

CILTM Dinner 2017 and Signing of MoA between CILTM and Training Provider



13-14 NOVEMBER 2017

Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara UMT dengan Agensi Korporat



16-20 NOVEMBER 2017

Majlis Konvokesyen Ke-15



laporan tahunan2017.indd 232 11/06/2018 3:35 PM

PELAKSANAAN PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2017

25 NOVEMBER 2017

Program Pemasaran Sosial 'V-Care, V-Concern : Freemarket for Needy'



9 DISEMBER 2017

Majlis Penutup Karnival Ekspresi Unggul UMT



10 DISEMBER 2017

Majlis Penghargaan Pelajar TAF UMT-Salihin, Program Sarjana Muda Perakaunan UMT



13 DISEMBER 2017

Majlis Syarahan Inaugural oleh Profesor Dato' Dr. Anuar Hassan



laporan tahunan2017.indd 233 11/06/2018 3:35 PM



Ikan Kodlet
Bregmaceros spp.

laporan tahunan2017.indd 234 11/08/2018 3:35 PM



Laporan Kewangan

laporan tahunan2017.indd 235 11/08/2018 3:35 PM


205
31142.45
+ 3542.55
+ 1352.14
+ 2100.36
+ 854.94
38992.44
954.36
874.48
689.45
30589.68

Prestasi Kewangan 2017

Pendapatan UMT bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 berjumlah RM257.72 juta iaitu meningkat sebanyak 5.59% atau RM13.64 juta berbanding tahun 2016. Manakala UMT mencatatkan perbelanjaan berjumlah RM250.77 juta iaitu meningkat sebanyak 4.58% atau RM10.99 juta berbanding tahun 2016 seperti rajah di bawah:



Pendapatan dan Perbelanjaan Tahun 2017 dan 2016

Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan UMT bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2013 sehingga 2017 adalah sepertimana rajah di bawah:



Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Tahun 2013 Sehingga 2017

laporan tahunan2017.indd 237 11/06/2018 3:35 PM

Pendapatan

Daripada keseluruhan pendapatan universiti pada tahun 2017, pemberian kerajaan merupakan sumber pendapatan utama berjumlah RM175.90 juta (68.25%). Komponen pendapatan kedua terbesar ialah pemberian modal direalisasi RM33.79 juta (13.11%). Manakala pendapatan yuran berjumlah RM24.56 juta (9.53%) dan pendapatan lain-lain berjumlah RM23.47 juta (9.11%).



Komponen Pendapatan Universiti Tahun 2017 dan 2016

Perbelanjaan

Pada tahun 2017, perbelanjaan emolumen merupakan perbelanjaan utama universiti berjumlah RM119.42 juta (47.48%) diikuti dengan perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM92.88 juta (36.92%). Manakala, RM23.98 juta (9.53%) adalah belanja susut tnilai, perbelanjaan lain berjumlah RM8.97 juta (3.58%) dan RM5.52 juta (2.20%) adalah perbelanjaan pemberian dan kenaan tetap.



Komponen Perbelanjaan Universiti Tahun 2017 dan 2016

laporan tahunan2017.indd 238 11/06/2018 3:35 PM

Aset dan Liabiliti

Jumlah aset bersih UMT meningkat sebanyak RM6.94 juta pada tahun 2017 berbanding tahun 2016. Nilai aset UMT pada tahun 2016 berjumlah RM670.97 juta telah meningkat kepada RM679.06 juta pada tahun 2017 iaitu mengalami peningkatan sebanyak 1.21% atau RM8.09 juta. Manakala liabiliti UMT juga telah meningkat sebanyak 0.25% atau RM1.15 juta pada tahun 2017. Peningkatan liabiliti adalah selaras dengan pelaksanaan piawaian MPERS bagi geran tertunda kerajaan. Kedudukan aset dan liabiliti serta pecahan komponen aset dan liabiliti sepertimana dalam kedua-dua rajah di bawah.



Kedudukan Aset dan Liabiliti Pada Tahun 2017 dan 2016

laporan tahunan2017.indd 239 11/06/2018 3:35 PM



	2017	2016
Hartanah, Loji dan Peralatan	378.84	385.16
Aset Tidak Ketara	0.25	
Hartanah Pelaburan	3.10	
Pembinaan dalam Kemajuan	9.73	12.32
Aset Bukan Semasa Lain	0.52	0.47
Aset Semasa	286.62	273.02

Komponen Aset Pada Tahun 2017 dan 2016



Komponen Liabiliti Pada Tahun 2017 dan 2016

laporan tahunan2017.indd 240 11/06/2018 3:35 PM

Kumpulan Wang Mengurus

Pendapatan mengurus UMT bagi tahun 2017 berjumlah RM202.44 juta, meningkat sebanyak RM12.84 juta atau 6.77% berbanding RM189.60 juta pada tahun 2016. Daripada jumlah ini, RM174.96 juta adalah pemberian kerajaan dan selebihnya RM18.14 juta daripada yuran dan RM9.34 juta adalah pendapatan lain. Perbelanjaan mengurus bagi tahun 2017 berjumlah RM202.33 juta, meningkat sebanyak RM12.43 juta atau 6.54% berbanding tahun sebelumnya. Perbelanjaan emolumen merupakan perbelanjaan utama yang berjumlah RM119.06 juta atau 58.84%. Perkara ini ditunjukkan dalam kedua-dua jadual di bawah.

Pendapatan Mengurus Tahun 2017 dan 2016

Komponen Pendapatan	2017		2016	
	RM	%	RM	%
Pemberian Kerajaan	174,960,745	86.42	166,078,145	87.59
Yuran	18,137,570	8.96	18,187,804	9.59
Pendapatan Lain	9,344,304	4.62	5,335,891	2.81
Jumlah	**202,442,619**	**100**	**189,601,840**	**100**

Perbelanjaan Mengurus Tahun 2017 dan 2016

Komponen Perbelanjaan	2017		2016	
	RM	%	RM	%
Emolumen	119,055,763	58.84	107,247,419	55.1
Perkhidmatan dan Bekalan	70,355,438	34.77	67,059,927	34.46
Pemberian dan Kenaan Tetap	4,763,225	2.35	7,919,142	6.5
Susut nilai	2,250,395	1.11	2,887,142	1.48
Perbelanjaan Lain	5,904,042	2.92	4,786,408	2.46
Jumlah	**202,330,863**	**100**	**189,900,642**	**100**

laporan tahunan2017.indd 241 11/06/2018 3:35 PM

Kumpulan Wang Pembangunan

Pemberian kerajaan untuk perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM16.60 juta, meningkat sebanyak RM7.20 juta berbanding RM9.40 juta pada tahun 2016. Perbelanjaan pembangunan pada tahun 2017 adalah sebanyak RM11.27 juta, meningkat sebanyak 18.98% atau RM1.80 juta berbanding tahun sebelumnya. Perbelanjaan pembangunan mengikut projek tahun 2017 dan 2016 dipaparkan sepertimana dalam jadual di bawah.Perbelanjaan Pembangunan Mengikut Projek Tahun 2017 dan 2016.

Projek	2017		2016	
	RM	%	RM	%
RMKe-11				
UMT- Pembinaan Stesen Penyelidikan Luar	4,819.09	0.04	-	-
UMT – Pembinaan Kompleks Pusat Pendidikan dan Pembangunan Insaniah	95,090.48	0.84	-	-
UMT- Pembinaan Kompleks Makmal Perikanan dan Akuakultur, PPSPA	841,102.50	7.46	-	-
UMT – Sistem Tebatan Banjir dan Sistem Pencegahan Hakisan Pantai	36,320.00	0.32	-	-
RMKe-10				
Kompleks Kegiatan dan Kesihatan Pelajar	-	-	10,500.00	0.11
Pakej 2A (Bangunan Kompleks Makmal, Kompleks Kuliah Pusat, Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin)	48,577.14	0.43	377,916.72	3.99
Pakej 2B (Bangunan Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan, Pusat Pengajian Siswazah)	18,292.16	0.16	248,195.91	2.62
Pakej 2C (Bangunan Institut Oseanografi, Institut Akuakultur Tropika)	593,279.37	5.26	288,774.19	3.05
Pakej 2D (Bangunan Pusat Islam)	1,381,234.32	12.25	1,016,662.45	10.73
Perolehan Peralatan Makmal, Pengajaran dan ICT	525,421.88	4.66	650,516.54	6.87
Pembinaan Pusat Penyelidikan Tasik Kenyir	1,805,854.41	16.02	963,108.66	10.16
Pembinaan Makmal Sains Nautika	2,385,457.59	21.16	4,008,357.14	42.31
Projek Pasca Banjir	35,701.18	0.32	538,913.70	5.69
Bangunan Institut Bioteknologi Marin	3,501,190.48	31.06	1,370,975.40	14.47
Jumlah	**11,272,340.60**	**100**	**9,473,920.71**	**100**

laporan tahunan2017.indd 242 11/06/2018 3:35 PM

1

DERMASISWA ENDOWMEN UMT

- September 2017 – Pelancaran Dermasiswa Endowmen UMT mula membuat agihan yang pertama berbentuk bantuan kewangan kepada pelajar untuk membantu meringankan keperluan pembelajaran dan kos sara hidup.
- Seramai 14 orang pelajar telah menerima dana endowmen bagi Semester 1 2017/2018 dengan jumlah agihan sebanyak RM69,000.
- 8 orang pelajar telah mendapat bantuan untuk sepanjang tempoh pengajian mereka daripada Dana Dermasiswa, manakala seramai 6 orang pelajar mendapat bantuan *secara one-off* sebanyak RM1,000.00 seorang daripada Dana Prihatin.







Ditawarkan mulai

SEM1 2017/2018

SEMUA PELAJAR UMT TERMASUK PELAJAR BAHARU

Permohonan

28 OGOS - 17 SEPT. 2017

laporan tahunan2017.indd 243 11/06/2018 3:35 PM

2

PENAJAAN RHB ISLAMIC ENDOWED READER IN FINANCE

- RHB Islamic bank telah menawarkan tajaan endowmen "*RHB Islamic Endowed Reader in Finance*" berjumlah **RM150,000** dalam bentuk geran penyelidikan kepada *Endowed Reader* yang dilantik untuk tempoh 3 tahun (RM50,000/ setahun) dalam bidang kewangan dan pelaburan.
- Majlis pelancaran dan penyerahan *mock cheque RHB Islamic Endowed Reader in Finance* telah disempurnakan sempena Majlis Santapan Malam sempena Majlis Konvokesyen UMT Kali Ke-15 pada 17 November 2017 Pusat Konvensyen, Taman Tamadun Islam.



3

POLISI PEROLEHAN DAN PENJANAAN ASET BERNILAI TINGGI

- Polisi perolehan dan penjanaan aset bernilai tinggi dibangunkan bagi memastikan semua aset digunakan secara optimum.
- ROI *(Return of Investment)* aset dikenal pasti.
- Bagi penggunaan aset yang tidak optimum, pusat pengajian diwajibkan menjana sekurang-kurangnya untuk menampung kos penyelenggaraan aset tersebut.



laporan tahunan2017.indd 244 11/06/2018 3:35 PM

4

'TOGETHER LOVE OUR ASSETS'

- Merupakan inovasi dalam perkhidmatan kewangan melalui kolaborasi Pejabat Bendahari dengan Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim (PPPPM).
- Pada tahun 2017, seramai 139 pelajar Sarjana Muda Perakaunan telah diberi pendedahan kerja sebenar dalam pengauditan pengurusan aset universiti.
- Sejumlah 3,528 unit aset berjaya diperiksa dan rekod dikemas kini.
- Pemeriksaan aset ini merupakan tugasan subjek audit manakala hasil pemeriksaan digunakan oleh Pejabat Bendahari.





laporan tahunan2017.indd 245 11/06/2018 3:35 PM

Teras Kelestarian Kewangan

Sorotan Kejayaan 2017

Autonomi kewangan yang diberikan kepada universiti telah membuka peluang dan ruang baharu dalam penjanaan kewangan. Justeru, perkara ini telah dijadikan salah satu asas lonjakan pendidikan tinggi negara yang telah dibentangkan melalui pelan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) bertemakan kelestarian kewangan. Sudah tentunya kecemerlangan berteraskan kesarjanaan ilmu yang telah dicapai harus diteruskan dengan penyelesaian kreatif diketengahkan dalam menghadapi kekangan kewangan.

1. Jumlah Dana Endowmen UMT semasa yang terkumpul adalah sebanyak RM17.2 juta. Ia merangkumi jumlah yang diperolehi daripada sumbangan tahun 2013 sehingga tahun 2017, serta dana yang dijana oleh UMT melalui *quasi endowment*. Pelaburan Dana Endowmen UMT oleh Sekretariat Endowmen dan Pelaburan UMT berjaya mencapai prestasi tahunan yang memberangsangkan berbanding unit-unit amanah yang diuruskan oleh syarikat-syarikat pelaburan. Pencapaian tersebut mengambil kira beberapa dimensi penilaian seperti kadar pulangan selepas kos dan juga risiko pelaburan, serta matriks prestasi seperti Jensen's Alpha, Beta, Sharpe dan Sortino Ratio, dan sebagainya.
2. Dermasiswa Endowmen UMT merupakan salah satu kategori penajaan dana endowmen UMT. Sebahagian sumbangan dana endowmen yang didermakan akan diagihkan dalam bentuk dermasiswa kepada pelajar UMT bergantung kepada hasrat penderma atau keputusan Jawatankuasa Pelaburan dan Endowmen (JKPE) dari semasa ke semasa. Sekretariat Endowmen dan Pelaburan UMT dengan kerjasama pihak Pusat Pengurusan Teknologi Maklumat telah membangunkan Sistem Dermasiswa Endowmen bertujuan untuk melancarkan proses permohonan, penilaian, agihan dan pembayaran dermasiswa kepada pelajar. Sistem Dermasiswa Endowmen telah digunapakai pada bulan September 2017 dengan penawaran iklan dermasiswa bagi Semester 1 2017/2018. Seramai 14 orang pelajar telah menerima dana dermasiswa

laporan tahunan2017.indd 246 11/06/2018 3:35 PM

endowmen bagi Semester 1 2017/2018 dengan jumlah agihan sebanyak RM69 ribu. Sebahagian besar sumbangan tersebut adalah daripada staf UMT. Penajaan *RHB Islamic Endowed Reader in Finance* merupakan idea dan hasil usaha Sekretariat Endowmen dan Pelaburan UMT dengan pihak pengurusan RHB Islamic Bank. RHB telah bersetuju menawarkan tajaan endowmen "RHB Islamic Endowed Reader in Finance" berjumlah RM150 ribu dalam bentuk geran penyelidikan kepada Endowed Reader yang akan dilantik bermula 1 Julai 2018 untuk tempoh 3 tahun (RM50 ribu setahun) dalam bidang kewangan dan pelaburan. Tajaan adalah dalam bentuk geran penyelidikan. Amaun RM50 ribu untuk tahun pertama telah pun dimasukkan ke dalam tabung dana endowmen UMT. Waqf@UMT adalah kerjasama UMT dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). UMT telah memohon kepada Majlis MAIDAM bagi perlaksanaan Wakaf Ilmu di UMT pada 11 Mac 2016. Wakaf Ilmu UMT telah mendapat kelulusan pelaksanaannya oleh MAIDAM melalui mesyuarat MAIDAM kali 1/2017 yang telah bersidang pada 7 Mac 2017. DYMM Sultan Terengganu juga telah memberi perkenan kepada UMT untuk pelaksanaan Wakaf Ilmu tersebut di UMT. Jumlah wang Waqf yang telah berjaya diperolehi pada tahun 2017 adalah sebanyak RM242,000. Jumlah terkumpul tabung Waqf UMT daripada tahun 2013 sehingga tahun 2017 adalah sebanyak RM1.04 juta.

3. Penjanaan Pendapatan Pusat Pengajian UMT 2017 adalah sebanyak RM1.9 juta. Ia merangkumi penjanaan pendapatan 23 buah pusat pengajian di UMT dan ia menunjukkan peningkatan penjanaan pendapatan sebanyak 80 peratus.

4. Untuk bergerak ke hadapan, Pusat Penjanaan Pendapatan (PPP) telah ditubuhkan pada 1 Februari 2017 dan berperanan untuk menjadi sebuah pusat untuk mengenal pasti inisiatif baharu serta melaksanakan aktiviti-aktiviti penjanaan pendapatan UMT. Tahun ini menyaksikan pemerolehan bajet pengkhususan untuk pendidikan negara telah dikurangkan kesan daripada ketidaktentuan ekonomi semasa. Hasilnya, kebergantungan utama kewangan pendidikan kepada perbendaharaan kerajaan sudah tidak menjadi lestari.

laporan tahunan2017.indd 247 11/06/2018 3:35 PM

laporan tahunan2017.indd 248 11/06/2018 3:35 PM



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA

laporan tahunan2017.indd 249 11/06/2018 3:35 PM



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 47.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

laporan tahunan2017.indd 250 11/06/2018 3:35 PM

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Terengganu bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Malaysia Terengganu atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.

f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

laporan tahunan2017.indd 252 11/06/2018 3:35 PM

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30), saya juga melaporkan perkara berikut:

a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Universiti Malaysia Terengganu dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 8 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.

c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

(LIM SOK KIANG)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
25 MEI 2018

laporan tahunan2017.indd 253 11/06/2018 3:35 PM

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, **DATO' MOHAMMED AZLAN BIN HASHIM** dan **PROFESOR DATO' DR. NOR AIENI BINTI HAJI MOKHTAR** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Universiti Malaysia Terengganu pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

.....

NAMA : **MOHAMMED AZLAN BIN HASHIM**

GELARAN : **DATO'**

TARIKH : 03 MAY 2018

TEMPAT : KUALA TERENGGANU

Bagi pihak Lembaga,

.....

NAMA : **NOR AIENI BINTI HAJI MOKHTAR**

GELARAN : **PROFESOR DATO' DR.**

TARIKH : 03 MAY 2018

TEMPAT : KUALA TERENGGANU

laporan tahunan2017.indd 254 11/06/2018 3:35 PM

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Saya, **ZAHARA BINTI KEDRI (No.KP: 631218-13-5110)**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya }
diakui oleh penama di atas iaitu }
ZAHARA BINTI KEDRI
di ~~Kuala Terengganu~~ }
di ~~Negeri Terengganu~~
pada 3 MEI 2018 }

.....

BENDAHARI

PERAKUAN
WILAYAH PERSEKUTUAN

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
No: W 732
Nama: MOHD YUSRI BIN ISMAIL
MALAYSIA

.....

PESURUHJAYA SUMPAH
D-2-8 Ayer@8, Jalan P8G,
Presint 8,
62250 Putrajaya

laporan tahunan2017.indd 255 11/06/2018 3:35 PM

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2017

	NOTA	KUMPULAN 2017 RM	KUMPULAN 2016 DINYATAKAN SEMULA RM	UNIVERSITI 2017 RM	UNIVERSITI 2016 DINYATAKAN SEMULA RM
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah, Loji Dan Peralatan	4	378,841,492	385,160,062	378,624,778	385,080,798
Aset Tak Ketara	5	252,085	-	250,000	-
Hartanah Pelaburan	6	3,100,000	-	-	-
Pembinaan Dalam Kemajuan	7	9,726,140	12,323,559	9,726,140	12,323,559
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	8	-	-	3,700,000	2,100,000
Pelbagai Penghutang	10	501,485	454,605	501,485	454,605
Cukai Tertunda	36	18,939	12,592	-	-
		392,440,141	**397,950,818**	**392,802,403**	**399,958,962**
ASET SEMASA					
Inventori	9	456,440	-	-	-
Pelbagai Penghutang	10	12,880,343	9,983,705	11,788,612	8,249,647
Wang Cagaran dan Prabayar	12	890,865	778,513	709,241	277,935
Pelaburan Jangka Pendek	13	3,462,904	2,935,338	3,462,904	2,935,338
Simpanan Tetap (Al-Mudharabah)	14	216,200,000	240,468,829	216,200,000	240,187,935
REPO	13	45,980,000	16,900,000	45,980,000	16,900,000
Tunai di Tangan dan Wang di Bank	15	6,751,202	1,955,076	5,034,356	919,891
		286,621,754	**273,021,461**	**283,175,113**	**269,470,746**
LIABILITI SEMASA					
Pelbagai Pemiutang	16	8,593,700	6,570,587	6,848,106	4,948,054
Pemiutang Sewa Beli	17	19,600	33,600	-	-
Pinjaman Bank	18	131,440	-	-	-
Manfaat Pekerja	19	256,000	501,000	256,000	501,000
Peruntukan Cukai		8,913	17,103	-	-
		9,009,653	**7,122,290**	**7,104,106**	**5,449,054**
ASET SEMASA BERSIH		**277,612,101**	**265,899,171**	**276,071,007**	**264,021,692**
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Manfaat Pekerja	19	26,924,700	25,390,000	26,924,700	25,390,000
Geran Tertunda	20	426,843,568	431,575,504	426,843,568	431,575,504
Pinjaman Bank	18	2,475,453	-	-	-
Pemiutang Sewa Beli	17	-	19,600	-	-
		456.243.721	**456.985.104**	**453.768.268**	**456.965.504**
		213,808,521	**206,864,885**	**215,105,142**	**207,015,150**
DIBIAYAI OLEH :					
KUMPULAN WANG MENGURUS	21	57,133,425	78,465,177	57,133,425	78,465,177
KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN	22	3,804,114	3,488,644	3,804,114	3,488,644
KUMPULAN WANG KHAS	23	109,373,396	80,590,177	109,373,396	80,590,177
KUMPULAN WANG TABUNG LAIN	24	16,181,702	16,768,656	16,181,702	16,768,656
KUMPULAN WANG KURSUS DAN SEMINAR	25	3,359,656	3,577,056	3,359,656	3,577,056
KUMPULAN WANG KOLEJ KEDIAMAN	26	8,091,928	7,520,262	8,091,928	7,520,262
KUMPULAN WANG TABUNG KEWANGAN UNIVERSITI	27	17,160,921	16,605,178	17,160,921	16,605,178
KERUGIAN TERKUMPUL SYARIKAT SUBSIDIARI		(1,296,621)	(150,265)	-	-
		213,808,521	**206,864,885**	**215,105,142**	**207,015,150**

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

laporan tahunan2017.indd 256 11/06/2018 3:35 PM

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	NOTA	KUMPULAN 2017	KUMPULAN 2016 DINYATAKAN SEMULA	UNIVERSITI 2017	UNIVERSITI 2016 DINYATAKAN SEMULA
PENDAPATAN		RM	RM	RM	RM
Pemberian Kerajaan	28	175,897,308	166,163,145	175,897,308	166,163,145
Pemberian Modal Direalisasi	20	33,786,957	32,791,055	33,786,957	32,791,055
Pelbagai Yuran		24,557,888	24,196,163	24,557,888	24,196,163
Pelbagai Sewa		1,364,856	864,323	1,373,914	864,323
Dividen,Faedah dan Pendapatan Al-Mudharabah		9,434,656	9,140,943	9,434,656	9,126,356
Denda		3,136,636	2,773,114	3,136,636	2,773,114
Sumbangan		2,495,448	3,038,571	2,495,448	3,038,571
Hasil Aktiviti Anak Syarikat		1,010,224	509,164	-	-
Pendapatan Lain	29	6,034,235	4,602,893	6,034,235	4,602,893
		257,718,208	244,079,371	256,717,042	243,555,620
PERBELANJAAN					
Emolumen	30	119,424,667	107,597,241	119,055,763	107,251,691
Perkhidmatan, Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	31	42,297,654	39,732,279	42,310,808	39,666,547
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil		13,827,948	12,397,644	13,833,866	12,304,843
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	32	36,754,731	37,096,853	36,590,677	37,041,788
Biasiswa dan Dermasiswa		2,329,728	2,996,604	2,329,728	2,996,604
Pemberian Dalam Negeri		1,111,695	1,044,317	1,111,695	1,044,317
Ganjaran		14,848	1,295	3,726	1,295
Gantian Cuti rehat		2,062,020	4,649,176	2,062,020	4,649,176
Pelunasan/Susut Nilai	4 & 5	23,976,998	27,380,988	23,918,577	27,334,209
Hutang Ragu	11	224,668	474,520	224,668	474,520
Kerugian Atas Pelaburan		-	685,173	-	685,173
Bayar Balik dan Hapus Kira		420,191	189,995	420,191	189,995
Perbelanjaan Lain		8,326,858	5,533,655	6,765,331	5,502,158
		250,772,006	239,779,740	248,627,050	239,142,316
Lebihan Pendapatan Atas Perbelanjaan Sebelum Cukai		6,946,202	4,299,631	8,089,992	4,413,304
Cukai	35	(2,566)	(15,390)	-	-
Lebihan Pendapatan Atas Perbelanjaan Selepas Cukai		**6,943,636**	**4,284,241**	**8,089,992**	**4,413,304**

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

laporan tahunan2017.indd 257 11/06/2018 3:35 PM

laporan tahunan2017.indd 258

PENYATA PERUBAHAN EKUITI KUMPULAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

		Kumpulan Wang								
		Mengurus	Penyelidikan	Khas	Tabung Lain	Kursus dan Seminar	Kolej Kediaman	Tabung Kewangan	Syarikat Subsidiari	Jumlah
2017		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari		78,465,177	3,488,644	80,590,177	16,768,656	3,577,056	7,520,262	16,605,178	(150,265)	206,864,885
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan		111,756	167,959	8,177,473	(1,177,205)	(317,400)	571,666	555,743	(1,146,356)	6,943,636
Pindahan Antara Kumpulan Wang		(21,443,508)	147,511	20,605,746	590,251	100,000	-	-	-	-
Pada 31 Disember		**57,133,425**	**3,804,114**	**109,373,396**	**16,181,702**	**3,359,656**	**8,091,928**	**17,160,921**	**(1,296,621)**	**213,808,521**
2016										
Pada 1 Januari		52,569,379	23,939,272	80,805,891	18,959,935	3,164,324	7,368,831	8,060,719	(964)	194,867,387
Pelarasan	33	26,171,270	(178,560)	230,569	-	4	-	-	(20,238)	26,203,045
Pelarasan ke Geran Tertunda		-	(15,683,822)	-	(2,805,965)	-	-	-	-	(18,489,787)
Pada 1 Januari seperti dinyatakan semula		78,740,649	8,076,890	81,036,460	16,153,970	3,164,328	7,368,831	8,060,719	(21,202)	202,580,645
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan		(298,802)	(4,409,434)	7,798,983	653,357	222,728	151,431	295,040	(129,063)	4,284,240
Pindahan Antara Kumpulan Wang		23,330	(178,812)	(8,245,266)	(38,671)	190,000	-	8,249,419	-	-
Pada 31 Disember		**78,465,177**	**3,488,644**	**80,590,177**	**16,768,656**	**3,577,056**	**7,520,262**	**16,605,178**	**(150,265)**	**206,864,885**

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

11/06/2018 3:35 PM

laporan tahunan2017.indd 259

PENYATA PERUBAHAN EKUITI UNIVERSITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

		Kumpulan Wang							
		Mengurus	Penyelidikan	Khas	Tabung Lain	Kursus dan Seminar	Kolej Kediaman	Tabung Kewangan	Jumlah
2017		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari		78,465,177	3,488,644	80,590,177	16,768,656	3,577,056	7,520,262	16,605,178	207,015,150
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan		111,756	167,959	8,177,473	(1,177,205)	(317,400)	571,666	555,743	8,089,992
Pindahan Antara Kumpulan Wang		(21,443,508)	147,511	20,605,746	590,251	100,000	-	-	-
Pada 31 Disember		**57,133,425**	**3,804,114**	**109,373,396**	**16,181,702**	**3,359,656**	**8,091,928**	**17,160,921**	**215,105,142**
2016									
Pada 1 Januari		52,569,379	23,939,272	80,805,891	18,959,935	3,164,324	7,368,831	8,060,719	194,868,351
Pelarasan	33	26,171,270	(178,560)	230,569	-	4	-	-	26,223,283
Pelarasan ke Geran Tertunda		-	(15,683,822)	-	(2,805,965)	-	-	-	(18,489,787)
Pada 1 Januari seperti dinyatakan semula		78,740,649	8,076,890	81,036,460	16,153,970	3,164,328	7,368,831	8,060,719	202,601,847
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan		(298,802)	(4,409,434)	7,798,983	653,357	222,728	151,431	295,040	4,413,303
Pindahan Antara Kumpulan Wang		23,330	(178,812)	(8,245,266)	(38,671)	190,000	-	8,249,419	-
Pada 31 Disember		**78,465,177**	**3,488,644**	**80,590,177**	**16,768,656**	**3,577,056**	**7,520,262**	**16,605,178**	**207,015,150**

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

11/06/2018 3:35 PM

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	Nota	KUMPULAN 2017	KUMPULAN 2016	UNIVERSITI 2017	UNIVERSITI 2016
		RM	RM	RM	RM
TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI					
Tunai Diterima Dari Kerajaan		204,776,977	184,461,107	204,776,977	184,461,107
Tunai Diterima Dari Pelanggan		41,155,075	37,862,040	42,240,444	39,518,905
Tunai Dibayar Kepada Pembekal dan Kakitangan		(220,562,485)	(206,991,272)	(221,173,285)	(207,923,071)
Tunai Bersih Dijana Dari Aktiviti Operasi		**25,369,567**	**15,331,875**	**25,844,136**	**16,056,941**
TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN					
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	4	(2,317,293)	(4,421,575)	(2,119,336)	(4,397,340)
Tambahan Pembinaan Dalam Kemajuan	7	(12,918,270)	(13,201,960)	(12,918,270)	(13,201,960)
Pembelian hartanah pelaburan		(3,100,000)	-	-	-
Tambahan Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari		-	-	(1,600,000)	(1,500,000)
Penjualan/(Pembelian) Pelaburan Jangka Pendek		-	1,595,402	-	1,595,402
Tunai Bersih Diguna Dalam Aktiviti Pelaburan		**(18,335,563)**	**(16,028,133)**	**(16,637,606)**	**(17,503,898)**
TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN					
Pinjaman Bank	18	2,606,893	-	-	-
Pemiutang Sewa Beli	17	(33,600)	(33,600)	-	-
Tunai Bersih Diguna Dari Aktiviti Pembiayaan		2,573,293	(33,600)	-	-
Penambahan/Pengurangan Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai		9,607,297	(729,858)	9,206,530	(1,446,957)
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		259,323,905	260,053,763	258,007,826	259,454,783
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun		**268,931,202**	**259,323,905**	**267,214,356**	**258,007,826**
Tunai dan Kesetaraan Tunai Diwakili Oleh:					
Simpanan Tetap (Al-Mudharabah)	14	216,200,000	240,468,829	216,200,000	240,187,935
REPO	13	45,980,000	16,900,000	45,980,000	16,900,000
Tunai di Tangan dan Wang di Bank	15	6,751,202	1,955,076	5,034,356	919,891
		268,931,202	**259,323,905**	**267,214,356**	**258,007,826**

5

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

laporan tahunan2017.indd 260 11/06/2018 3:35 PM

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. MAKLUMAT AM DAN AKTIVITI UTAMA

a. Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah ditubuhkan melalui Perintah Universiti Malaysia Terengganu (Pemerbadanan) [P.U (A) 27/ 2007 berdasarkan S.6(1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 2009).

b. Aktiviti utamanya ialah mengendalikan program pengajian dalam bidang sains tulen, sains gunaan, sains sosial, teknologi dan pengurusan sumber alam untuk menghasilkan graduan dalam bidang tersebut ke arah menyumbangkan pasaran guna tenaga dan pembangunan negara.

c. Pada 31 Disember 2017, UMT mempunyai kakitangan seramai 1,704 orang dan jumlah enrolmen pelajar ialah seramai 10,739 yang terdiri daripada 1,388 pelajar ijazah lanjutan serta 9,351 pelajar ijazah pertama dan pelajar diploma.

d. Penyata Kewangan UMT yang berakhir 31 Disember 2017 telah dibentangkan dan diluluskan melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti pada 3 Mei 2018.

e. Penyata kewangan UMT disediakan dalam mata wang Ringgit Malaysia.

2. DASAR PEMATUHAN

a. Asas Penyediaan

Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti disediakan mengikut piawaian Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS) yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dengan pengubahsuaian peruntukan yang telah

laporan tahunan2017.indd 261 11/06/2018 3:35 PM

ditetapkan oleh Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1997.

3. DASAR PERAKAUNAN

a. Asas Perakaunan

Penyata Kewangan ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan mematuhi piawaian Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS) yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

b. Asas Penyatuan

Penyata kewangan kumpulan meliputi semua kumpulan wang Universiti dan Syarikat Subsidiarinya yang disediakan pada setiap akhir tahun kewangan.

Subsidiari adalah perusahaan yang dikuasai oleh Universiti. Penguasaan wujud apabila Universiti mempunyai kuasa langsung atau tidak langsung untuk mentadbir dasar kewangan dan operasi untuk mendapat faedah daripada aktivitinya. Penyata Kewangan Subsidiari dimasukkan di dalam Penyata Kewangan Disatukan daripada tarikh kawalan berkuatkuasa sehingga ianya berakhir.

Mengikut kaedah perakaunan penyatuan, hasil kendalian subsidiari diperolehi atau dijual pada tahun semasa dimasukkan daripada tarikh penyatuan atau sehingga tarikh jualan. Pada tarikh penyatuan, nilai saksama bersih aset subsidiari ditentukan dan nilainya ditunjukkan di dalam penyata kewangan Kumpulan. Perbezaan di antara kos penyatuan dan nilai saksama bersih aset subsidiari ditunjukkan mengikut kesesuaian sebagai muhibbah atau rizab atas penyatuan.

laporan tahunan2017.indd 262 11/06/2018 3:35 PM

Urusniaga dan baki dalam Kumpulan dan keuntungan tidak direalisasikan dikeluarkan semasa penyatuan. Kerugian tidak direalisasikan hasil daripada urusniaga dalam Kumpulan dikeluarkan juga kecuali kos yang tidak dapat diperolehi semula.

c. Pengiktirafan Pendapatan

i. Yuran

Pendapatan yuran pengajian adalah berasaskan akruan dan diiktiraf apabila pelajar mendaftar dalam tahun berkenaan.

ii. Sewa

Pendapatan sewa diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif berdasarkan asas akruan iaitu apabila inbois/bil dikeluarkan kepada yang berkenaan.

iii. Faedah

Faedah atas simpanan tetap telah diakaunkan mengikut konsep akruan manakala faedah simpanan semasa dan faedah pinjaman kenderaan serta komputer diiktiraf sebagai pendapatan atas dasar penerimaan.

iv. Denda

Pendapatan denda diiktiraf atas dasar penerimaan. Bagi denda pecah kontrak diiktiraf sebagai pendapatan apabila surat tuntutan dikemukakan oleh undang-undang.

laporan tahunan2017.indd 263 11/06/2018 3:35 PM

v. Pemberian Kerajaan

Pemberian Kerajaan selain geran pembangunan diiktiraf apabila pendapatan itu diterima. Pemberian Kerajaan untuk projek pembangunan diiktiraf sebagai Geran Tertunda dan akan dilunaskan mengikut susut nilai projek yang telah siap dan aset yang dibeli serta belanja operasi projek yang tidak dipermodalkan. Pemberian untuk projek-projek penyelidikan jangka pendek dan jangka panjang diakaunkan sebagai Geran Tertunda dan dilunaskan mengikut belanja susut nilai aset dan belanja terus lain.

vi. Sumbangan Luar

Sumbangan luar yang diterima daripada organisasi luar untuk membiayai aktiviti UMT diiktiraf apabila pendapatan itu diterima.

vii. Hasil Pelupusan Hartanah, Loji Dan Peralatan

Hasil jualan harta yang dilupus direkodkan dalam akaun pendapatan lain mengikut asas tunai manakala catatan untuk melaraskan nilai dibawa direkodkan sebagai perbelanjaan hapus kira pelupusan.

d. Peruntukan Hutang Ragu

Peruntukan Hutang Ragu yang dibuat adalah berdasarkan penyemakan akhir tahun ke atas hutang yang ditentukan berdasarkan sifat, status dan pengumuran hutang-hutang tersebut. Peruntukan ini dibuat bagi tempoh hutang yang melebihi 1 hingga 5 tahun dan memenuhi kriteria yang ditetapkan. Hutang lapuk dihapuskira setelah mendapat kelulusan pihak berkuasa Universiti. Jumlah yang kemudiannya dapat dipungut balik akan dikira sebagai pendapatan.

laporan tahunan2017.indd 264 11/06/2018 3:35 PM

e. Hartanah, Loji dan Peralatan

i. Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan nilai serta didefinisikan sebagai barang tak luak yang mempunyai tempoh penggunaan ekonomik yang lebih daripada 12 bulan yang bernilai RM3,000 atau lebih setiap satu.

ii. Aset dalam pembinaan adalah aset yang telah diperolehi, namun masih tidak dapat digunakan dan dinyatakan pada kos perolehan.

iii. Buku-buku perpustakaan tidak dipermodalkan.

f. Aset Tak Ketara

Pemerolehan aset tak ketara yang boleh dikenalpasti melalui hak penggunaan tanah, sistem dan perisian komputer, lesen dan lain-lain harta intelektual, termasuk yang diperolehi melalui penggabungan perniagaan, adalah diiktiraf sebagai aset dan diukur pada kos, ditolak pelunasan terkumpul dan rosotnilai terkumpul, jika ada. Pelunasan adalah menggunakan kaedah garis lurus dengan kadar seperti berikut:

i.	Sistem dan perisian komputer	10%
ii.	Harta intelek	10%

g. Hartanah Pelaburan

i. Hartanah pelaburan yang dipegang untuk memperolehi sewa atau untuk peningkatan modal atau kedua-duanya, pada mulanya diukur pada kos. Kos urusniaga termasuk dalam pengukuran awal.

ii. Selepas pengiktirafan sebagai hartanah pelaburan, jika nilai saksama item hartanah pelaburan boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar, ia diukur pada nilai saksama pada setiap tarikh laporan dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif. Jika ukuran yang pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati tanpa kos atau usaha yang tidak wajar untuk sesuatu hartanah pelaburan yang diukur pada nilai saksama, ia akan diambil sebagai hartanah, loji dan peralatan mengikut Seksyen 17 MPERS. Amaun bawaan hartanah pelaburan pada tarikh tersebut akan menjadi kosnya.

iii. Kepentingan hartanah yang dipegang di bawah pajakan operasi tidak dikelaskan dan tidak diambil kira sebagai hartanah pelaburan.

h. Pelunasan/Susut nilai

i. Tanah milik bebas tidak dilunaskan manakala tanah pajakan dilunaskan samarata mengikut tempoh pajakan.

ii. Susut nilai Hartanah, Loji dan Peralatan dikira berasaskan kaedah garis lurus ke atas anggaran hayat kegunaan aset berkenaan.

laporan tahunan2017.indd 266 11/06/2018 3:35 PM

Kadar susut nilai tahunan adalah seperti berikut :-

	(%)
Bangunan	2
Loji dan Jentera	20
Peralatan Pejabat & Perabot dan Kelengkapan	20
Kenderaan	20
Kemudahan	5
Aset Tetap Lain	20

i. Penjejasan Nilai Aset

Hartanah, loji dan peralatan serta aset bukan semasa akan disemak jika terdapat tanda-tanda berlakunya penjejasan nilai. Kerugian penjejasan nilai dikira apabila amaun yang dibawa melebihi amaun boleh pulih aset tersebut. Kerugian penjejasan nilai dicaj ke Penyata Pendapatan.

Kerugian penjejasan nilai bagi aset-aset yang dinilai semula dianggap sebagai defisit penilaian terhad kepada kerugian berkenaan tidak melebihi rezab penilaian bagi aset berkaitan. Kebalikan penjejasan nilai berikutan pertambahan nilai yang diperolehinya dihadkan kepada jumlah dibawa jika tiada kerugian penjejasan diiktiraf pada tahun-tahun sebelumnya.

Sebarang kebalikan penjejasan nilai diiktirafkan sebagai hasil pada penyata pendapatan. Kebalikan kerugian penjejasan bagi aset yang dinilai semula dianggap sebagai tambahan penilaian terhad kepada amaun yang terdahulunya dinyatakan dalam rezab penilaian bagi aset berkaitan.

laporan tahunan2017.indd 267 11/06/2018 3:35 PM

j. Pembinaan Dalam Kemajuan

i. Kerja Dalam Kemajuan

Kerja Dalam Kemajuan adalah kerja yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan yang dinilai mengikut kos dan susut nilai tidak diperuntukkan. Kos pembinaan akan dipindahkan ke aset tetap yang berkenaan apabila Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

ii. Perolehan Peralatan

Perolehan Peralatan adalah akaun untuk merekodkan peralatan dan bekalan yang dibayar secara berperingkat yang dinilai mengikut kos dan susut nilai tidak diperuntukkan. Apabila siap, kosnya dipindahkan ke aset tetap yang berkenaan.

k. Inventori

i. Inventori diukur pada nilai terendah antara kos dan anggaran harga jualan ditolak kos untuk disiapkan dan dijual. Kos inventori terdiri daripada semua kos pembelian, kos penukaran dan kos lain yang ditanggung untuk membawa inventori ke lokasi dan keadaan semasa inventori. Kos inventori diukur dengan menggunakan kaedah masuk dahulu keluar dahulu.

ii. Pada setiap tarikh pelaporan, taksiran terhadap rosot nilai inventori dilakukan. Sekiranya nilai inventori terjejas, nilai dibawa inventori dikurangkan kepada harga jualan ditolak kos untuk disiapkan dan dijual; kerugian akibat rosot nilai dicaj ke keuntungan atau kerugian dengan serta-merta. Pada setiap tarikh pelaporan yang berikutnya, nilai dibawa inventori akan dikaji semula. Sekiranya terdapat sebarang petunjuk bahawa kerugian rosot nilai yang diiktiraf dalam tempoh terdahulu tidak lagi wujud atau apabila terdapat bukti jelas mengenai kenaikan harga jualan

laporan tahunan2017.indd 268 11/06/2018 3:35 PM

ditolak kos untuk disiapkan dan dijual disebabkan oleh perubahan keadaan ekonomi, kerugian rosot nilai dipulihkan ke tahap jumlah dibawa baru pada nilai terendah antara kos dan anggaran harga jualan baru ditolak kos untuk disiapkan dan dijual.

iii. Hasil pertanian diukur pada nilai saksama tolak kos untuk dijual pada titik tuaian. Komoditi pertanian yang diproses diukur pada nilai saksama ditolak kos untuk dijual setelah selesai pengeluaran mengikut amalan industri yang diterima pakai. Nilai saksama ditentukan menggunakan harga pasaran aktif.

l. Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari dinyatakan pada kos dan akan diturunkan nilainya apabila terjadi kerugian akibat daripada penurunan nilai pelaburan yang bukan bersifat sementara.

m. Pelaburan Jangka Pendek

Pelaburan Jangka Pendek dinyatakan pada nilai pasaran.

n. Liabiliti Cukai Pendapatan

Universiti Malaysia Terengganu adalah dikecualikan dari cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah Perenggan 13 Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967.

Cukai di dalam penyata kewangan anak syarikat terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa mewakili cukai pendapatan dijangka akan dikenakan ke atas keuntungan boleh cukai bagi tahun dan dikira mengikut kadar cukai pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

laporan tahunan2017.indd 269 11/06/2018 3:35 PM

Cukai tertunda dikira mengikut kaedah liabiliti berhubung dengan semua perbezaan masa yang penting kecuali dijangkakan dengan munasabah bahawa kesan pencukaian tersebut akan berterusan dalam masa depan yang boleh dijangkakan. Faedah cukai tertunda hanya diiktiraf apabila terdapat jangkaan realisasi yang munasabah pada masa depan yang terdekat.

o. Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan Kesetaraan Tunai adalah merangkumi tunai di tangan, baki dan deposit bank serta pelaburan mudah cair yang tidak dicagarkan untuk sebarang tujuan dan sedia untuk ditukarkan kepada tunai tanpa risiko perubahan nilai yang ketara.

p. Instrumen Kewangan

i) Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Universiti menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urus niaga, termasuk kos urus niaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urus niaga pembiayaan bagi pihak bertimbal kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau

laporan tahunan2017.indd 270 11/06/2018 3:35 PM

kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan instrumen ekuiti diukur pada kos ditolak rosotnilai.

ii) Aset Kewangan Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian

Aset kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila aset kewangan adalah dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika aset kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Jika ukuran pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosotnilai sehingga ukuran pasti nilai saksama boleh didapati.

iii) Aset Kewangan merupakan Instrumen Hutang Diukur pada Kos Dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa

laporan tahunan2017.indd 271 11/06/2018 3:35 PM

diukur pada amaun tunai yang tidak didiskaunkan atau pertimbangan lain yang dijangka boleh diterima.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan aset kewangan dan untuk memperuntukan pendapatan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran penerimaan tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat aset kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan aset kewangan.

iv) Aset Kewangan merupakan Instrumen Ekuiti Diukur pada Kos Ditolak Rosot Nilai

Instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam dan di mana nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar, dan kontrak yang berhubung kepada instrumen tersebut, jika dilaksanakan, akan menyebabkan penghantaran instrumen tersebut, diukur pada kos ditolak rosot nilai.

v) Rosotnilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan dan Universiti menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan yang diukur pada kos atau kos dilunaskan, telah dirosot nilai.

Bukti objektif boleh termasuk:

- kesukaran kewangan yang ketara oleh penerbit atau obligor.
- pelanggaran kontrak.

laporan tahunan2017.indd 272 11/06/2018 3:35 PM

- pemberi pinjaman memberikan kepada peminjam sebuah konsesi bahawa pemberi pinjaman tidak akan dipertimbangkan.
- ia menjadi kemungkinan bahawa peminjam akan bankrap atau penyusunan semula kewangan lain.
- data yang boleh diperhatikan dapat menunjukkan bahawa terdapat penurunan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa depan daripada aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset.

Bagi kategori tertentu aset kewangan, seperti penghutang dagangan, jika ia ditentukan bahawa tiada bukti objektif rosot nilai wujud bagi aset kewangan dinilai individu, sama ada penting atau tidak, aset termasuk dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa dan dinilai secara kolektif untuk rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset asal. Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosotnilai telah dilibatkan ke atas aset kewangan diukur pada kos ditolak rosot nilai, amaun kerugian rosot nilai diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan anggaran amaun terbaik yang mana Kumpulan dan Universiti akan diterima bagi aset jika ia dijual pada tarikh pelaporan. Amaun bawaan aset kewangan dikurangkan secara langsung, kecuali amaun bawaan penghutang dagangan yang dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai

laporan tahunan2017.indd 273 11/06/2018 3:35 PM

diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan secara langsung, kecuali bagi amaun yang berkaitan dengan penghutang dagangan yang dibalikkan untuk dimasukkan semula amaun yang sebelum ini diperuntukan dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta.

vi) Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh, atau diselesai, atau Kumpulan dan Universiti memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara amaun bawaan dan jumlah pertimbangan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh pemindahan.

q. Manfaat Pekerja

i. Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan kepada pekerja. Bayaran gantian cuti rehat (GCR) tahun berikutnya diklasifikasikan sebagai liabiliti semasa.

laporan tahunan2017.indd 274 11/06/2018 3:35 PM

ii) Manfaat Jangka Panjang

Manfaat jangka panjang adalah bayaran GCR yang diiktiraf apabila perkhidmatan telah diberikan oleh pekerja yang telah meningkatkan hak mereka ke atas bayaran GCR tersebut pada masa hadapan.

Pengiraan manfaat pekerja jangka panjang adalah berdasarkan kepada andaian berikut:

(1) Pekerja tetap yang bersara wajib pada umur 56 tahun, 58 tahun dan 60 tahun.

(2) Semua pekerja menerima kenaikan gaji tahunan pada kadar biasa.

(3) GCR diambil pada bilangan sebenar manakala pada tahun berikutnya GCR dikumpul sebanyak 5 hari setahun.

(4) Jumlah GCR terkumpul semua pekerja adalah pada jumlah maksimum 150 hari.

iii) Pelan Sumbangan Terancang

Seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang, semua perbadanan di Malaysia membuat sumbangan kepada skim pencen, kumpulan wang simpanan pekerja. Sumbangan tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan. Oleh itu, apabila pembayaran bagi pelan ini dilakukan, maka pihak UMT tidak lagi mempunyai sebarang tanggungan.

r. Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 April 2015. Sebagai Universiti Awam yang menyediakan perkhidmatan pendidikan, skop pembekalan UMT adalah pembekalan dikecualikan dan boleh dirujuk dalam Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan dikecualikan) 2014 P.U. (A) 271. Implikasi di UMT adalah sepertimana berikut:

laporan tahunan2017.indd 275 11/06/2018 3:35 PM

i. Cukai Output

Perkhidmatan pendidikan seperti yuran pengajian, yuran asrama dan perkhidmatan pentadbiran yang berkaitan dengan pembekalan pendidikan adalah dikecualikan daripada GST dan tiada cukai output dibayar. Perkhidmatan bukan pendidikan contohnya seperti penganjuran seminar atau sewaan ruang niaga adalah tertakluk kepada GST berkadar standard (6%) atau berkadar sifar (0%).

ii. Perintah Relif

Universiti Awam tidak membayar GST untuk perolehan bekalan berkaitan pendidikan kerana pembekal tidak mengenakan GST terhadap perolehan barang terpilih yang mendapat perintah relif di bawah pendidikan.

iii. Cukai Input

UMT menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan perkhidmatan berkaitan dengan pendidikan. UMT boleh menuntut GST (cukai input) bagi perolehan bekalan/ perkhidmatan berkadar standard 6% sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan pembekalan berkadar standard 6% (cukai output).

laporan tahunan2017.indd 276 11/06/2018 3:35 PM

laporan tahunan2017.indd 277

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN - KUMPULAN									
KUMPULAN WANG & KATEGORI ASET	TANAH	BANGUNAN	LOJI DAN JENTERA	ALAT PEJABAT	PERABOT DAN KELENGKAPAN	KENDERAAN	KEMUDAHAN	ASET TETAP LAIN	JUMLAH
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
KOS									
Pada 01.01.2017									
Kumpulan Wang Mengurus	1,429,279	11,533,470	1,213,971	16,366,539	3,488,969	11,837,100	6,438,794	25,054,326	77,362,448
Kumpulan Wang Pembangunan	492,609	377,832,689	6,252,397	31,771,606	5,647,522	14,473,365	25,524,198	82,773,949	544,768,335
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	753,780	-	1,457,334	79,523	238,673	632,280	5,571,417	8,733,007
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	266,383	-	615,049	320,340	201,896	49,194	1,270,138	2,723,000
Kumpulan Wang Kursus dan Seminar	-	405,203	-	20,903	7,300	553,208	-	131,673	1,118,287
Kumpulan Wang Kolej Kediaman	-	664,448	-	351,440	146,426	181,109	1,839,869	36,259	3,219,551
Syarikat Subsidiari	-	-	-	51,877	16,659	182,365	-	-	250,901
Jumlah	**1,921,888**	**391,455,973**	**7,466,368**	**50,634,748**	**9,706,739**	**27,667,716**	**34,484,335**	**114,837,762**	**638,175,529**
Tambahan Dalam Tahun									
Kumpulan Wang Mengurus	-	4,193,579	158,400	645,341	48,932	585,814	9,599	422,140	6,063,805
Kumpulan Wang Pembangunan	-	8,906,753	-	11,249	7,102	-	1,099,000	124,073	10,148,177
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	-	-	119,880	-	-	-	51,470	171,350
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	-	-	45,834	19,100	-	-	727,423	792,357
Kumpulan Wang Kursus dan Seminar	-	-	-	-	-	27,070	52,380	-	79,450
Kumpulan Wang Kolej Kediaman	-	-	-	-	-	-	137,832	-	137,832
Syarikat Subsidiari	-	-	-	3,000	1,150		-	191,650	195,800
Jumlah	**-**	**13,100,332**	**158,400**	**825,304**	**76,284**	**612,884**	**1,298,811**	**1,516,756**	**17,588,771**
Pelarasan Akaun/Jernal Ke WIP									
Kumpulan Wang Mengurus	-	-	-	-	(183,753)	-	-	115,692	(68,061)
Kumpulan Wang Pembangunan	-	-	-	-	(2,210,881)	-	-	2,210,881	-
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	-	-	-	(16,500)	-	-	84,561	68,061
Jumlah	**-**	**-**	**-**	**-**	**(2,411,134)**	**-**	**-**	**2,411,134**	**-**
Pelupusan									
Kumpulan Wang Mengurus	-	-	-	(260,380)	(18,150)	(93,208)	-	(678,230)	(1,049,968)
Kumpulan Wang Pembangunan	-	-	-	(3,688)	-	-	-	(1,824,820)	(1,828,508)
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	-	-	(20,946)	(7,500)	-	(134,400)	(22,200)	(185,046)
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	-	-	(32,670)	-	-	-	(3,800)	(36,470)
Jumlah	**-**	**-**	**-**	**(317,684)**	**(25,650)**	**(93,208)**	**(134,400)**	**(2,529,050)**	**(3,099,992)**
Kos Aset									
Kumpulan Wang Mengurus	1,429,279	15,727,049	1,372,371	16,751,500	3,335,998	12,329,706	6,448,393	24,913,928	82,308,224
Kumpulan Wang Pembangunan	492,609	386,739,442	6,252,397	31,779,167	3,443,743	14,473,365	26,623,198	83,284,083	553,088,004
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	753,780	-	1,556,268	55,523	238,673	497,880	5,685,248	8,787,372
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	266,383	-	628,213	339,440	201,896	49,194	1,993,761	3,478,887
Kumpulan Wang Kursus dan Seminar	-	405,203	-	20,903	7,300	580,278	52,380	131,673	1,197,737
Kumpulan Wang Kolej Kediaman	-	664,448	-	351,440	146,426	181,109	1,977,701	36,259	3,357,383
Syarikat Subsidiari	-	-	-	54,877	17,809	182,365	-	191,650	446,701
Pada 31.12.2017	**1,921,888**	**404,556,305**	**7,624,768**	**51,142,368**	**7,346,239**	**28,187,392**	**35,648,746**	**116,236,602**	**652,664,308**

11/06/2018 3:35 PM

laporan tahunan2017.indd 278

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN - KUMPULAN									
KUMPULAN WANG & KATEGORI ASET	**TANAH**	**BANGUNAN**	**LOJI DAN JENTERA**	**ALAT PEJABAT**	**PERABOT DAN KELENGKAPAN**	**KENDERAAN**	**KEMUDAHAN**	**ASET TETAP LAIN**	**JUMLAH**
	(RM)	**(RM)**	**(RM)**	**(RM)**	**(RM)**	**(RM)**	**(RM)**	**(RM)**	**(RM)**
PELUNASAN/SUSUTNILAI TERKUMPUL									
Pada 01.01.2017									
Kumpulan Wang Mengurus	158,559	2,322,774	307,092	15,160,985	3,073,073	11,666,475	2,802,004	24,511,800	60,002,762
Kumpulan Wang Pembangunan	78,624	51,229,068	6,252,396	26,545,414	5,060,652	11,603,070	10,513,259	71,196,885	182,479,368
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	110,081	-	1,210,718	79,399	214,049	135,969	4,932,179	6,682,395
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	47,311	-	509,649	297,721	201,889	31,738	824,555	1,912,863
Kumpulan Wang Kursus dan Seminar	-	94,132	-	20,898	7,298	153,663	-	131,657	407,648
Kumpulan Wang Kolej Kediaman	-	71,564	-	244,877	146,401	181,109	524,195	23,244	1,191,390
Syarikat Subsidiari	-	-	-	32,445	14,575	124,617	-		171,637
Jumlah	**237,183**	**53,874,930**	**6,559,488**	**43,724,986**	**8,679,119**	**24,144,872**	**14,007,165**	**101,620,320**	**252,848,063**
Pelunasan/Susutnilai Dalam Tahun									
Kumpulan Wang Mengurus	9,507	319,901	263,394	651,855	142,877	192,371	322,055	348,435	2,250,395
Kumpulan Wang Pembangunan	5,980	7,774,797	-	2,119,687	170,400	2,870,291	1,314,414	6,188,263	20,443,832
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	15,075	-	116,711	-	19,040	24,894	337,810	513,530
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	5,328	-	60,070	13,946	-	2,459	356,956	438,759
Kumpulan Wang Kursus dan Seminar	-	8,104	-	-	-	105,299	2,619	-	116,022
Kumpulan Wang Kolej Kediaman	-	13,289	-	39,539	-	-	98,885	4,326	156,039
Syarikat Subsidiari	-	-	-	10,380	473	36,473	-	11,023	58,349
Jumlah	**15,487**	**8,136,494**	**263,394**	**2,998,242**	**327,696**	**3,223,474**	**1,765,326**	**7,246,813**	**23,976,926**
Pelarasan Akaun									
Kumpulan Wang Mengurus	-	-	-	-	(90,069)	-	-	90,069	-
Kumpulan Wang Pembangunan	-	(7,946)	-	-	(1,994,094)	-	-	1,994,094	(7,946)
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	-	-	-	(16,499)	-	-	16,499	-
Jumlah	**-**	**(7,946)**	**-**	**-**	**(2,100,662)**	**-**	**-**	**2,100,662**	**(7,946)**
Pelupusan									
Kumpulan Wang Mengurus	-	-	-	(260,345)	(18,149)	(93,207)	-	(678,200)	(1,049,901)
Kumpulan Wang Pembangunan	-	-	-	(3,687)	-	-	-	(1,824,778)	(1,828,465)
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	-	-	(20,941)	(7,499)	-	(28,767)	(22,195)	(79,402)
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	-	-	(32,661)	-	-	-	(3,799)	(36,460)
Syarikat Subsidiari									
Jumlah	**-**	**-**	**-**	**(317,634)**	**(25,648)**	**(93,207)**	**(28,767)**	**(2,528,972)**	**(2,994,228)**
Pelunasan/Susutnilai Terkumpul									
Kumpulan Wang Mengurus	168,066	2,642,675	570,486	15,552,495	3,107,732	11,765,639	3,124,059	24,272,104	61,203,256
Kumpulan Wang Pembangunan	84,604	58,995,919	6,252,396	28,661,414	3,236,958	14,473,361	11,827,673	77,554,464	201,086,789
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	125,156	-	1,306,488	55,401	233,089	132,096	5,264,293	7,116,523
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	52,639	-	537,058	311,667	201,889	34,197	1,177,712	2,315,162
Kumpulan Wang Kursus dan Seminar	-	102,236	-	20,898	7,298	258,962	2,619	131,657	523,670
Kumpulan Wang Kolej Kediaman	-	84,853	-	284,416	146,401	181,109	623,080	27,570	1,347,429
Syarikat Subsidiari	-	-	-	42,825	15,048	161,090	-	11,023	229,986
Pada 31.12.2017	**252,670**	**62,003,478**	**6,822,882**	**46,405,594**	**6,880,505**	**27,275,139**	**15,743,724**	**108,438,823**	**273,822,815**

11/06/2018 3:35 PM

laporan tahunan2017.indd 279

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN - KUMPULAN									
KUMPULAN WANG & KATEGORI ASET	TANAH	BANGUNAN	LOJI DAN JENTERA	ALAT PEJABAT	PERABOT DAN KELENGKAPAN	KENDERAAN	KEMUDAHAN	ASET TETAP LAIN	JUMLAH
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
NILAI DIBAWA									
Pada 31.12.2017									
Kumpulan Wang Mengurus	1,261,213	13,084,374	801,885	1,199,005	228,266	564,067	3,324,334	641,824	21,104,968
Kumpulan Wang Pembangunan	408,005	327,743,523	1	3,117,753	206,785	4	14,795,525	5,729,619	352,001,215
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	628,624	-	249,780	122	5,584	365,784	420,955	1,670,849
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	213,744	-	91,155	27,773	7	14,997	816,049	1,163,725
Kumpulan Wang Kursus dan Seminar	-	302,967	-	5	2	321,316	49,761	16	674,067
Kumpulan Wang Kolej Kediaman	-	579,595	-	67,024	25	-	1,354,621	8,689	2,009,954
Syarikat Subsidiari	-	-	-	12,052	2,760	21,275	-	180,627	216,714
Jumlah	**1,669,218**	**342,552,827**	**801,886**	**4,736,774**	**465,733**	**912,253**	**19,905,022**	**7,797,779**	**378,841,492**
Pada 31.12.2016									
Kumpulan Wang Mengurus	1,270,720	9,210,696	906,879	1,205,554	415,896	170,625	3,636,790	542,526	17,359,686
Kumpulan Wang Pembangunan	413,985	326,436,217	1	5,226,192	586,870	2,870,295	15,010,939	11,577,064	362,121,563
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	643,699	-	246,616	124	24,624	496,311	639,238	2,050,612
